

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**KAJIAN TERHADAP KEFAHAMAN DAN AMALAN SUNNAH
DALAM MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI PERLIS**

MOHD HAIROL AMALI BIN OTHMAN



MASTER OF ARTS (ISLAMIC STUDIES)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2023



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

MOHD HAIROL AMALI OTHMAN

calon untuk Ijazah

(candidate for the degree of)

SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:

(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"KAJIAN TERHADAP KEFAHAMAN DAN AMALAN SUNNAH DALAM MASYARAKAT ISLAM DI
NEGERI PERLIS"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.

(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **06 Februari 2023.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

06 February 2023.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Prof. Dr. Mohammad Hazim Shah Abdul Murad Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Prof. Dr. Basri Ibrahim Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Mohamad Khadafi Hj Rofie Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

**Assoc. Prof. Dr. Mohd Akram
Dato' Dahaman @ Dahlan**

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Azman Md Zain

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) **06 February 2023**

Kebenaran Mengguna

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya. Sehubungan ini, Dekan Pusat Pengajian Siswazah, diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh

Kolej Sastera dan Sains

06010 Universiti Utara Malaysia, Sintok

Kedah Darul Aman

Abstrak

Aliran Sunnah Perlis merupakan landasan rasmi negeri yang telah termaktub dalam peruntukan Enakmen dan Undang-undang Tubuh Negeri Perlis. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis, seterusnya meneliti usaha pelaksanaan yang sedia ada berkaitan pemantapan kefahaman dan amalan dan menganalisis data seterusnya membentuk usaha pelaksanaan baharu melalui beberapa bentuk pelaksanaan utama, yang perlu diambil bagi memantapkan aliran sunnah di negeri Perlis dari sudut aqidah dan ibadah. Sehubungan itu, maklum balas daripada 45 orang responden telah dikumpulkan data dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Semua maklumat ini akan dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk jadual dan rajah yang sesuai. Hasil kajian berkaitan kefahaman menunjukkan bahawa majoriti responden berada di skala sederhana iaitu pengurusan masjid 63%, imam masjid iaitu 70.6% dan makmum masjid iaitu 58.6%. Manakala dapatan kajian berkaitan amalan menunjukkan semua amalan responden berada pada skala sederhana iaitu pengurusan masjid iaitu 75%, imam masjid iaitu 73% dan makmum 67.8%. Hasil penelitian bagi objektif kedua juga menjelaskan bahawa usaha pelaksanaan sedia ada telah memberikan manfaat kepada setiap bentuk pelaksanaan sedia ada dalam usaha pemantapan tahap kefahaman dan amalan masyarakat terhadap visi dan misi aliran sunnah di Perlis. Justeru itu, hasil daripada dapatan kajian berkaitan kefahaman dan amalan serta usaha pelaksanaan sedia ada telah dapat dikemukakan beberapa usaha pelaksanaan baharu melalui beberapa bentuk pelaksanaan utama dalam mengukuhkan kefahaman dan amalan aliran sunnah di Perlis, sekaligus menunjukkan bahawa kajian ini telah mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kata Kunci: Aliran Sunnah Perlis, kefahaman dan amalan, Usaha pelaksanaan baharu, Bentuk pelaksanaan baharu.

Abstract

The Perlis Sunnah Movement is the state's official foundation as stipulated in the provisions of the Perlis Enactment and Constitution. Therefore, the purpose of this study is to ascertain the level of understanding and the position of the Muslim community's practices in Perlis. This study also examines existing implementation efforts related to strengthening understanding and practice. Data analysis is conducted to form new implementation efforts through several primary forms which must be taken to strengthen the sunnah movement in Perlis from the standpoint of belief and worship. Thus, 45 respondents' feedback was gathered through observation and interviews. The data will be analysed and presented in appropriate tables and diagrams. The findings related to understanding revealed that the majority of respondents were on a medium scale, with mosque management 63%, mosque imams 70.6%, and mosque congregations 58.6%. The study's findings on practices demonstrate that all of the respondents' practices are on a medium scale, mosque management 75%, mosque imam 73%, and congregation 67.8%. The findings of the second research objective also explained that existing implementation efforts have benefited each existing type of implementation in efforts to increase community understanding and practice of the vision and purpose of the Sunnah movement in Perlis. Therefore, the outcomes of the research related to understanding and existing practices, as well as implementation efforts, have been presented. Several new implementation efforts in enhancing the understanding and practice of sunnah in Perlis through various forms of major implementation reveal that this study met its aims.

Keywords: Sunnah Movement in Perlis, Understanding and practice, New implementation effort, New type of implementation

Penghargaan

Segala puji dan puja selayaknya untuk Allah SWT kerana memberikan hidayah, petunjuk, bimbingan, kebijaksanaan dan kekuatan kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini. Tiada saya dan upaya melainkan dari Allah SWT. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia pertama iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan dan penyelian kedua iaitu Dr. Azman Md. Zain selaku penyelia tesis yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, motivasi, bimbingan dan sokongan sepanjang tempoh dan proses pembelajaran ini.

Kepada pihak Universiti Utara Malaysia diucapkan jutaan terima kasih kerana memberikan kepada saya ruang dan peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Kolej Sastera dan Sains, Pusat Pengajian Siswaah Awang Had Salleh, Jabatan Pendaftar, perpustakaan, institusi seperti Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs), Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNPs), Seluruh responden yang terdiri para pengurusan masjid, imam-imam masjid dan makmum-makmum di 45 buah masjid mewakili tiga Parlimen iaitu Padang Besar, Kangar dan Arau, serta individu-individu yang terlibat dan membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang usaha saya menjalankan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Masyitah Ishak isteri, kekasih merangkap sahabat dan teman paling akrab yang sentiasa setia bersama-sama berkongsi suka duka dalam kehidupan terutama di sepanjang tempoh tesis ini dilaksanakan dari awal hingga akhirnya. Buat seluruh anak yang baba sayangi dan harapan di masa depan, Mujahid 'Akif, 'Ali Miqdad, 'Aliya Maritha, Muhammad Mursyid 'Atifi dan 'Amru Misyari. Buat ayah Othman Abdul dan mak Gon Jaya dan adik-adik. Tidak dilupakan untuk keluarga mertua saya Ishak Yusof, Zainun Jan Mohd dan adik-adik ipar, yang sentiasa mendoakan dan memberikan semangat untuk kejayaan saya. Tanpa kalian saya tidak mampu berdiri, berjalan dan terus berlari dari awal hingga ke garisan penamat. Setinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana segala *masuliah* yang diberikan telah saya sempurnakan dan saya panjatkan doa keberkatan dari Allah SWT buat semua pihak yang bersama saya dari awal ke akhirnya agar dalam rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Amin.

Isi Kandungan

Kebenaran Menguna.....	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Singkatan	iix
Senarai Translitasi.....	iiix
BAB SATU: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Definisi Konsep	12
1.7.1 Kefahaman	12

1.7.2 Amalan	13
1.7.3 Aliran sunnah di negeri Perlis.....	13
1.8 Kerangka Teori.....	14
1.9 Kerangka Konsep	15
1.10 Ulasan Karya	17
1.10.1 Pendahuluan.....	17
1.10.2 Aliran Sunnah Di Perlis dan hubungan dengannya.....	17
1.10.3 Aliran Sunnah Perlis antara keunikan dan perbezaan dengan aliran tradisional.....	18
1.10.4 Cabaran dan tomahan aliran pemikiran baha.....	19
1.10.5 Kedudukan dan keunikan aliran sunnah di Perlis.....	20
1.10.6 Pengaruh dan Peranan Media Cetak oleh Gerakan Islah Terhadap Aliran Pemikiran Baharu.....	23
1.10.7 Tahap kefahaman dalam membentuk persepsi dan amalan masyarakat.....	25
1.10.8 Perkembangan dan isu polemik terhadap aliran pemikiran baharu di Malaysia.....	26
1.11 Metodologi Kajian	30
1.11.1 Reka Bentuk Kajian.....	30

1.11.2 Metode Kutipan Data	32
a. Temu bual	33
b. Kajian Kepustakaan	35
c. Observasi	35
1.11.3 Metode Analisis Data Kajian Kualitatif	36
1.11.4 Pemilihan Responden Kajian.....	40
1.11.5 Struktur Soalan Kajian.....	40
1.11.6 Indikator Responden Kajian.....	41
1.12 Kesimpulan.....	43
 BAB DUA: ALIRAN SUNNAH DARI TAHAP KEFAHAMAN DAN KEDUDUKAN AMALAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI PERLIS	 45
2.1 Pendahuluan	45
2.2 Demografi Negeri Perlis	45
2.2.1 Populasi Masyarakat	46
2.2.2 Kedudukan Agama Islam di Negeri Perlis Berdasarkan Peruntukan Undang-undang	47
2.3 Tahap Kefahaman dan Kedudukan Amalan Masyarakat Islam sedia ada di negeri Perlis	48
2.3.1 Tahap Kefahaman	49

2.3.2 Kedudukan Amalan	61
------------------------------	----

BAB TIGA: PELAKSANAAN SEDIA ADA BAGI ALIRAN SUNNAH DI NEGERI PERLIS75

3.1 Pendahuluan	75
-----------------------	----

3.1.1 Istana Negeri Perlis	75
----------------------------------	----

a.Latar belakang	75
------------------------	----

b.Usaha Pelaksanaan Sedia ada	76
-------------------------------------	----

3.1.2 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).....	80
--	----

a.Latar belakang	80
------------------------	----

b.Usaha Pelaksanaan Sedia ada	82
-------------------------------------	----

3.1.3 Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP)	88
--	----

a.Latar belakang.....	88
-----------------------	----

b.Usaha Pelaksanaan Sedia ada	89
-------------------------------------	----

3.1.4 Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs)	93
--	----

a. Latar belakang	93
-------------------------	----

b. Usaha Pelaksanaan Sedia ada	93
--------------------------------------	----

3.2 Kesimpulan.....	113
---------------------	-----

**BAB EMPAT: MEKANISME BAHARU KE ARAH PEMANTAPAN
ALIRAN SUNNAH DI NEGERI PERLIS.....114**

4.1 Pendahuluan113

4.2 Mekanisme Baharu113

4.2.1 Mekanisme Dakwah116

4.2.2 Mekanisme Tarbiyah133

4.3 Kesimpulan149

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN152

5.1 Pendahuluan152

5.2 Rumusan152

5.3 Cadangan154

5.3.1 Dasar dan Polisi154

5.3.2 Dasar Kewangan156

5.3.3 Pelaksanaan156

5.4 Penutup158

RUJUKAN159

Senarai Jadual

Jadual 1.1	Senarai Mufti Kerajaan Perlis	6
Jadual 1.2	Penilaian Peraturan dan Tahap Kefahaman Masyarakat Islam Perlis	39
Jadual 1.3	Penilaian Peraturan dan Tahap Kedudukan Amalan Masyarakat Islam Perlis	39
Jadual 1.4	Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis	39
Jadual 1.5	Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh	40
Jadual 1.6	Indikator Tahap Kefahaman Responden Kajian	41
Jadual 1.7	Indikator Kedudukan Amalan Responden Kajian	42
Jadual 2. 1	Komposisi Masyarakat Mengikut Dapatan Banci Penduduk Negeri Perlis bagi Tahun 2010 dan 2020	46
Jadual 2.2	Tahap Kefahaman Pengurusan Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis	49
Jadual 2.3	Tahap Kefahaman oleh Imam Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis	50
Jadual 2.4	Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis	51
Jadual 2.5	Tahap Pendirian oleh Pengurusan Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis.....	52
Jadual 2.6	Tahap Pendirian oleh Imam Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis	53
Jadual 2.7	Tahap Persendirian oleh Makmum Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis	53

Jadual 2.8	Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Tauhid Tiga Serangkai	54
Jadual 2.9	Tahap Kefahaman oleh Imam Masjid Terhadap Tauhid Tiga Serangkai	55
Jadual 2.10	Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Tauhid Tiga Serangkai	56
Jadual 2.11	Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Tauhid Asma Wa Sifat	56
Jadual 2.12	Tahap Kefahaman oleh Imam Masjid Terhadap Tauhid Asma wal Sifat	57
Jadual 2.13	Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Tauhid Asma Sifat.....	58
Jadual 2.14	Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Ayat Mutasyabihat.....	58
Jadual 2.15	Tahap Kefahaman oleh Imam Masjid Terhadap Ayat Mutasyabihat.....	59
Jadual 2.16	Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Ayat Mutasyabihat	60
Jadual 2.17	Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Aliran Sunnah Perlis	60
Jadual 2.18	Peratus Keseluruhan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Aliran Sunnah Perlis	61
Jadual 2.19	Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh	61

Jadual 2.20	Kedudukan Amalan Imam Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh	62
Jadual 2.21	Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh	62
Jadual 2.22	Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Sir Basmalah	63
Jadual 2.23	Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Sir Basmalah	64
Jadual 2.24	Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Sir Basmalah.....	64
Jadual 2.25	Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Wirid Selepas Solat Secara Berjemaah di Masjid	65
Jadual 2.26	Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Wirid selepas Solat Berjemaah di Masjid.....	66
Jadual 2.27	Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Wirid Selepas Solat Berjemaah di Masjid.....	66
Jadual 2.28	Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Talkin Kematian	67
Jadual 2.29	Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Talkin Kematian.....	68
Jadual 2.30	Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Talkin Kematian	69
Jadual 2.31	Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Tahlil Arwah di Rumah Atau Masjid	69

Jadual 2.32	Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Tahlil Arwah di Rumah Atau Masjid	70
Jadual 2.33	Kedudukan Amalan Makmum Masjid Terhadap Amalan Tahlil Arwah di Rumah Atau Masjid	71
Jadual 2.34	Peratusan Kecenderungan masyarakat Islam Tahap Kefahaman Terhadap Aliran Sunnah Perlis	72
Jadual 2.35	Tahap Kefahaman dan Kedudukan Amalan terhadap Aliran Sunnah Perlis	72
Jadual 2.36	Peratusan keseluruhan Tahap Kefahaman dan Kedudukan Amalan Masyarakat Islam di Perlis Terhadap Aliran Sunnah Perlis	73
Jadual 3.1	Aktiviti ISNAD dan Mubaligh JMNPs	92
Jadual 3.2	Kurikulum SAPPs Tahun Satu	97
Jadual 3.3	Kurikulum SAPPs Tahun Dua	97
Jadual 3.4	Kurikulum SAPPs Tahun Tiga	97
Jadual 3.5	Kurikulum SAPPs Tahun Empat	98
Jadual 3.6	Kurikulum SAPPs Tahun Lima	98
Jadual 3.7	Kurikulum SAPPs Tahun Enam	98
Jadual 3.8	Kurikulum SAPPs Tahun Satu	99
Jadual 3.9	Kurikulum SAPPs Tahun Dua	99
Jadual 3.10	Kurikulum SAPPs Tahun Tiga	99

Jadual 3.11	Kurikulum SAPPs Tahun Empat	99
Jadual 3.12	Kurikulum SAPPs Tahun Lima	100
Jadual 3.13	Kurikulum SAPPs Tahun Enam	100
Jadual 3.14	Kurikulum SAPPs Tahun Satu	100
Jadual 3.15	Kurikulum SAPPs Tahun Dua	100
Jadual 3.16	Kurikulum SAPPs Tahun Tiga	101
Jadual 3.17	Kurikulum SAPPs Tahun Empat	101
Jadual 3.18	Kurikulum SAPPs Tahun Lima	101
Jadual 3.19	Kurikulum SAPPs Tahun Enam	102
Jadual 3.20	Taburan Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasam Parlimen Padang Besar (PO1)	102
Jadual 3.21	Taburan Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Kangar (P02)	103
Jadual 3.22	Taburan Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Arau (P03)	104
Jadual 4.1	Segmen Inisiatif Penyiaran Baharu Radio Sunnah Perlis	132
Jadual 4.2	Jadual Tafsir ayat-ayat pilihan	141
Jadual 4.3	Modul Hadis Pilihan	143
Jadual 4.4	Modul Aqidah Imaniyah	145
Jadual 4.5	Modul Sirah Nabawi	146
Jadual 4.6	Modul Hayatus Sahabat Rasulullah SAW	148
Jadual 4.7	Modul Fiqul Ibadah	149



Senarai Rajah

Rajah 1.1	Tahun kajian dan perbandingan peratusan tahap kefahaman	5
Rajah 1.2	Kajian-kajian terhadap Aliran Sunnah Perlis	7
Rajah 1.3	Skop Kajian Aliran Sunnah Perlis	12
Rajah 1.4	Kerangka Teori kefahaman dan amalan Sunnah dalam masyarakat Islam di Perlis.....	15
Rajah 1.5	Kerangka konseptual kedudukan kefahaman dan Amalan Aliran Sunnah dalam masyarakat Islam di Perlis	16
Rajah 1.6	Kerangka dan Bentuk Kajian	32
Rajah 3.1	Subsidiari MAIPs	81
Rajah 3.2	Cadangan Aktiviti KUIPs Kepada Massa	85
Rajah 3.3	Strategi Dakwah Massa One Center Malaysia Perlis (OCMPs)	87
Rajah 3.4	Jawatankuasa ISNAD Perlis	89
Rajah 3.5	Strategi ISNAD	90
Rajah 3.6	Skop dan Peranan Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs)	93
Rajah 4.1	Mekanisme dan Inisiatif Baharu Pemantapan Aliran Sunnah Perlis	114
Rajah 4.2	Kerangka Pusat Dakwah Perlis	116
Rajah 4.3	Saluran Ferkunsi Radio dan Laman Sesawang Radio	120
Rajah 4.4	Mekanisme Pendidikan Baharu	134
Rajah 4.5	Rasional Pemilihan dan Indikator Inisiatif Sekolah Angkat Aliran Sunnah Perlis	137

Senarai Singkatan

ASWJ	Ahlu Sunnah wal Jamaah
NGO	Badan Bukan Kerajaan
JMNPs	Jabatan Mufti Negeri Perlis
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis
JAIPs	Jabatan Agama Islam Perlis
P01	Parlimen Padang Besar
P02	Parlimen Kangar
P03	Parlimen Arau
DUN	Dewan Undangan Negeri
et. Al	dan lain-lain
h.	Halaman
t.t.	Tiada tahun terbitan
SAW	<i>Sallahu alaihi wassalam</i>
Sh.	<i>Sheikh</i>
KUIPs	Kolej Universiti Islam Perlis
OCMPs	<i>One Center Malaysia Perlis</i>
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ISNAD	Institusi Sunnah dan Irsyad
SAPPs	Sekolah Agama Petang Perlis
KAFA	Kelas Agama Fardu Ain
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Aliran Sunnah Perlis merupakan aliran pemikiran baharu di Tanah Melayu sejak awal tahun 1920. Aliran ini merupakan satu bentuk pemikiran yang berusaha untuk mengembalikan kefahaman dan amalan Islam sepertimana yang diamalkan para salafusoleh terutama tiga kurun awal. Aliran ini telah mendapat perhatian dan dukungan masyarakat Islam di negeri Perlis kerana asasnya benar. Hakikat yang wajar diperjelaskan ialah bahawa tiada asas perselisihan atau persengketaan dan lebih-lebih lagi membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam kerana asas aliran pemikiran tradisional dan aliran pembaharuan dari sumber aqidah yang sama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah.

Aliran ini telah diterima oleh masyarakat Islam di Perlis dan perkembangannya sangat subur dari sudut kefahaman dan amalan. Sebelum tahun 1920 masyarakat mendokong aliran tradisional sebagai aliran rasminya seperti pegangan negeri-negeri lain di Malaysia kerana tokoh-tokoh masyarakat di Perlis ketika itu berasal dari Hadramaut, Yaman. Tokoh-tokoh yang mempelopori aliran tradisional antaranya ialah Syed Muhammad Al-Haddad dan Haji Muhammad bin Abdul Latif (Shukor Mat. 2001).

Menurut Shukor Mat (2001), Perlis merupakan satu-satunya negeri yang unik dari sudut perlembagaan negerinya iaitu dinyatakan dengan jelas bahawa pegangan

agama Islam yang berpandukan kepada kitab Al-Quran dan Al-Hadith. Hal ini menggariskan bahawa kedudukan pegangan aqidah Ahlu Sunnah wal-Jamaah dan tidak terikat dengan mana-mana mazhab dan khususnya tidak terikat dengan qaul muktamad Imam Syafie seperti pegangan dan amalan negeri-negeri selain Perlis.

Aliran ini telah mendapat perhatian serius dan menjadi dasar rujukan oleh Institusi Diraja Perlis sebagai payung Majlis Agama dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Kerajaan Perlis juga serius dalam menjaga dan melaksanakan agenda aliran ini. Perkara ini jelas dengan kehadiran tokoh-tokoh politik yang menjadi tulang belakang kepada aliran sunnah di Perlis antaranya Dato' Wan Ahmad bin Wan Daud merupakan adik kepada Raja Syed Alwi dan ketua syarikat Kerajaan Perlis pada masa itu, Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail memegang jawatan sebagai Imam Besar Masjid Alwi dan antara tokoh yang menjadi tulang belakang pergerakan islah iaitu Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd Hashim, Tuan Haji Mat Hakim, Tuan Haji Shaari Jusoh, Dato' Jaafar Hassan, Dato' Ali Haji Ahmad, Tuan Syed Omar Syed Husein dan ramai lagi dari kalangan pemimpin masyarakat (Shukor Mat. 2001).

Aliran Sunnah Perlis ini telah diasaskan melalui gerakan pengislahan di negeri Perlis. Aliran ini dikenali sebagai aliran *La Mazhabiyah* atau aliran yang tidak terikat dengan mana-mana mazhab tertentu dalam penentuan dan rujukan permasalahan masyarakat Islam di negeri Perlis. Menurut Shukor Mat (2001), penduduk Perlis memang bertuah dan bernasib baik kerana di dalam Perlembagaan Negeri Perlis dimasukkan pegangan agama Islam yang berpandu kepada kitab Al-Quran dan Al-Hadis yang menggariskan pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Sedangkan

negeri-negeri lain di Malaysia menetapkan di dalam perlembagaan negeri Mazhab Shafie sebagai *qaul muktamad*. Pada awalnya, aliran ini telah diuji dan pernah ditohmah dengan tohmahan yang sangat keterlaluan sehingga sekarang, antaranya halangan dan cabaran begitu hebat dan dasyat sekali kerana orang-orang yang diketahui mengamalkan As-Sunnah akan dipulau dan dimalukan. Peristiwa ini nyata sekali pada tahun 40-an dan 50-an ramai dikalangan ulama Sunnah Perlis yang menerima padahnya, antaranya Lebai Kechik yang mengajar di Kampung Behor Masjid, beliau pernah diejek dan dipulaukan sehinggakan bekas tapak kakinya hendak dicungkil dan dibuang ke dalam sungai. Menurut Abdul Rahman Abdullah (1989), Shukor Mat (2001) dan Ahmad Yusof Amin (2016), aliran ini telah melalui beberapa fasa penting iaitu:

Fasa pertama: Bermula sejak awal tahun 1920 sehingga 1945, tokoh-tokoh aliran sunnah ketika itu mengajak untuk kembali berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Fasa kedua: Peringkat pembekuan aliran ini di antara tahun 1946 sehingga 1970 disebabkan kedatangan tentera Jepun ke Tanah Melayu sejak bulan Disember 1941. Fasa ini terencat kerana faktor kemelut dalam Institusi Diraja yang diterajui oleh Raja Syed Alwi Jamalullail yang bertindak sebagai Presiden Majlis Negeri ketika itu.

Fasa ketiga: Aliran Sunnah Perlis dipulihkan dan terus cemerlang seawal tahun 1970 sehingga 1983, selepas kekalahan pihak tentera Jepun dan kembalinya pihak Inggeris menjajah kali kedua pada tahun 1945. Pertabalan raja baharu ketika itu Raja Syed Putra menjadi batu asas pemulihan Aliran Sunnah Perlis melalui gerakan Islah.

Fasa keempat: Aliran Sunnah yang dipelopori oleh tokoh gerakan Islah. Menurut Abdul Rahman (1989), gerakan ini telah diterajui oleh tokoh-tokoh gerakan islah. Antara agenda utama gerakan ini ialah:

i. Aqidah Islam yang cenderung kepada aliran yang dipelopori oleh Sheikh Islam Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Qayyim Al-Jauzi serta merujuk kepada Muhammad bin Abdul Wahab. Manakala rujukan masyarakat umum mereka lebih cenderung kepada kitab tauhid yang dikarang oleh Sheikh A. Hassan Bandung. Pembahagian tauhid kepada Allah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Tauhid Rubbubiyah, Tauhid Uluhiyah dan Tauhid Asma wal Sifat. Namun perbezaan antara aliran tradisional dan aliran reformis ini ialah pada Tauhid Asma wal Sifat dengan Tauhid Sifat 20.


ii. Aliran ini memberikan keutamaan dan fokus kepada perbahasan dan penyelesaian isu-isu berkaitan permasalahan amalan dalam ibadah. Pertimbangan yang diguna pakai tidak terikat dengan mana-mana mazhab tertentu atau *La Mazhabiyah*.

iii. Persatuan Al-Islah Perlis adalah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berfokus dalam dakwah dan pendidikan di Negeri Perlis. Telah didaftarkan semenjak 1965, Persatuan Al-Islah Perlis adalah NGO yang bergiat dalam dakwah dan pendidikan di Negeri Perlis. Meskipun wujud lebih awal, ia telah didaftarkan pada 1965. Gerakan ini telah meletakkan Perlis sebagai satu-satunya negeri yang berpegang pada gerakan Islah sebagai platform aliran sunnah.

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang yang telah dinyatakan dalam pengenalan di atas menunjukkan bahawa Aliran Sunnah Perlis merupakan aliran yang kuat diamalkan di negeri Perlis. Menurut Mohd Radhi Othman (1991), dalam kajian yang melebihi 20 tahun telah menunjukkan bahawa 76.5% responden bersetuju, manakala 23.5% tidak bersetuju dengan aliran sunnah di Perlis. Namun begitu, realiti dan kedudukannya masih boleh dipersoalkan. Berdasarkan hasil kajian Saadan Man (2005), dalam kajiannya telah menunjukkan bahawa aliran tradisional masih subur dan terus diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam di negeri Perlis. Temubual bersama SF. Ustaz Roslan Esa, menyatakan bahawa tahap kefahaman telah menunjukkan kadar penurunan peratusan dari 76.5% kepada 50%. Berdasarkan kajian Saadan Man (2005), telah menunjukkan bahawa aliran sunnah tidak mendominasi tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di Perlis. Manakala, kedudukan aliran pemikiran baharu di Perlis menunjukkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat berada di tahap kritikal dan terancam, walaupun aliran ini mempunyai kedudukan yang kukuh di dalam institusi pentadbiran negeri Perlis, khususnya dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama dan Undang-undang Tubuh Negeri Perlis.

Rajah 1.1 Tahun kajian dan perbandingan peratusan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam Perlis.




Atas kesedaran pihak berautoriti berkaitan isu kemerosotan tahap kefahaman dan kedudukan amalan Aliran Sunnah Perlis sebelum ini, menyebabkan pihak berautoriti telah mengundang dan melantik tokoh-tokoh dari luar perlis untuk menjawat jawatan-jawatan penting di negeri Perlis seperti jawatan mufti: antara tokoh luar Perlis Dr. Mohd Asri bin Zainal Abidin dari Pulau Pinang dari tahun 2006 sehingga 2008, seterusnya Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda bin Jaya pada tahun 2008 sehingga 2014 dari Serawak dan lantikan kali kedua Prof. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainal Abidin dari tahun 2014 sehingga kini.

Jadual 1.1. Senarai Mufti kerajaan Perlis

Tahun	Mufti
1941 hingga 1945	Sheikh Mahmod bin Hj. Muhd Saman
1945 hingga 1970	Ustaz Salleh bin Othman
1971 hingga 1982	Hj. Abdul Rahman bin Hj. Ismail (Pemangku)
1984 hingga 2006	Dato' Alim Panglima Hj. Mat Jahya bin Hj. Hussin
2006 hingga 2008	Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainal Abidin
2009 hingga 2014	Dr. Juanda bin Jaya
2015 hingga sekarang	Prof. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainal Abidin

Rajah 1.2. Kajian-kajian terhadap Aliran Sunnah Perlis.



Permasalahannya, timbul persoalan pokok beberapa tokoh aliran pembaharuan ini berkaitan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis perlu kepada penambahbaikan dari masa ke semasa. Menurut Mohd Radhi Othman & O.K Rahmat (1996) melalui temu bual bersama En. Wan Khazim selaku Timbalan Yang Dipertua Pertubuhan Persatuan Al-Islah, beliau dengan jelas menyatakan bahawa: *“Walaupun sudah rasmi tetapi masih banyak halangan”*. Realiti aliran sunnah di Perlis buat masa ini, masih berada di tahap yang sama. Dalam satu wawancara penyelidikan bersama dengan seorang pegawai negeri (7 November 1988), pandangan peribadi beliau menyatakan bahawa aliran sunnah di Perlis ini, lebih banyak glamour dan penekanan aliran ini hanya kepada menjawab persoalan dalam sebahagian bab fiqh sahaja.

Hasil observasi awal, terhadap kedudukan amalan ibadat fardhu dan sunat masyarakat Islam pada bulan Ramadhan 1437H bersamaan 2016, menunjukkan bahawa majoriti jemaah di masjid iaitu 9 dari 15 buah masjid masih kekal dengan

amalan aliran tradisional dari sudut amalan solat tarawikh membabitkan bilangan rakaat dan selawat di antara setiap dua rakaat. Walaupun, terdapat usaha penyelarasan yang dikuatkuasakan oleh agensi berautoriti agama negeri Perlis, namun masih terdapat pihak yang tidak menuruti penyelarasan yang telah dipanjangkan kepada pengurusan dan imam masjid di negeri Perlis. Berdasarkan pernyataan masalah di atas, jelas menunjukkan bahawa satu kajian wajar dilakukan bagi mengetahui status sebenar tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis terhadap Aliran Sunnah Perlis. Hasil kajian ini dapat menunjukkan usaha sedia ada daripada pihak dan agensi agama negeri Perlis dalam memantapkan Aliran Sunnah Negeri Perlis. Kajian ini mampu mengetengahkan beberapa mekanisme baharu melalui beberapa inisiatif bagi tujuan di atas. Hal ini amat bersesuaian dan menepati piawaian utama khususnya kepada negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang mendukung penuh dasar dan pelaksanaan Aliran Sunnah Perlis bermanhaj Ahlu Sunnah wal-Jamaah.

1.3 Soalan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan kepada tiga persoalan kajian seperti berikut:

1. Sejauh manakah tahap kefahaman dan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis terhadap sunnah dari sudut aqidah dan ibadah?
2. Apakah pelaksanaan sedia ada berkaitan pemantapan tahap kefahaman dan amalan aliran sunnah di Negeri Perlis?
3. Bagaimanakah mekanisme baharu bagi memantapkan aliran sunnah di negeri Perlis dari sudut aqidah dan ibadah?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini meletakkan tiga objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis terhadap sunnah dari sudut aqidah dan ibadah.
2. Meneliti pelaksanaan sedia ada berkaitan pemantapan tahap kefahaman dan amalan aliran sunnah di Negeri Perlis.
3. Membentuk mekanisme baharu bagi memantapkan aliran sunnah di negeri Perlis dari sudut aqidah dan ibadah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini, adalah signifikan dan relevan dari segi akademik. Dapatan kajian sebelum ini, telah memberikan maklumat dan gambaran tentang tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam terhadap Aliran Sunnah Perlis dan aliran tradisional di Perlis. Selain itu, kajian ini mengemukakan beberapa hasil penemuan berkaitan tahap kefahaman dan kedudukan amalan yang terkini, sebagai rujukan pihak-pihak yang berkepentingan, dari sudut akademik dan pengurusan.

Kajian ini secara khusus, menyatakan kepentingan dan memberikan fokus penyelidikan ke atas beberapa aspek utama, yang berkaitan aliran sunnah dan mekanisme pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam dalam menepati acuan dan manhaj aliran sunnah yang diamalkan di negeri Perlis. Kepentingan kajian ini, mendasari kepentingan kajian berkaitan aliran sunnah di

negeri Perlis dan menyumbang idea kepada usaha pemantapan. Pihak yang dapat memanfaatkan dari kajian ini, antaranya:

i. Badan berautoriti dapat mengambil manfaat daripada hasil kajian ini sebagai rujukan dalam memantapkan segala usaha sedia ada dan usaha baharu, antara agensi utama iaitu:

- a. Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)
- b. Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNPs)
- c. Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs)

ii. Badan bukan kerajaan (NGO) juga dapat meneliti hasil kajian ini untuk terus merangka perancangan dan aktiviti kepada massa, antara pihak yang dimaksudkan iaitu:

- a. Persatuan Pegawai–pegawai Masjid Perlis
- b. Persatuan Islah Perlis


iii. Institusi pendidikan dan pengamal akademik juga berpeluang menjadikan hasil kajian ini sebagai asas rujukan bagi peyelidikan akademik masa depan, antara sasaran institusi dan pengamal akademik iaitu:

- a. Perpustakaan Awam Negeri Perlis
- b. Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi
- c. Individu

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ilmiah ini, berkaitan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis. Pemilihan negeri Perlis sebagai lokasi kajian, kerana kedudukan aliran sunnah sudah diterima di semua peringkat, seperti institusi Diraja yang termaktub dalam peruntukan Enakmen Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis dan Tujuh Amanat Tuanku Raja Perlis, sebagai pegangan seluruh kepimpinan kerajaan dan rakyat jelata. Namun, skop perbahasan berkaitan Aliran Sunnah Perlis sangat luas, iaitu berkaitan sejarah, idealogi, aspek tajdid yang menjurus kepada perbahasan penetapan fatwa, kefahaman dari sudut aqidah dan amalan atau ibadah harian. Manakala rangkuman ini sangat unik, kerana Perlis satu-satunya negeri yang menerima aliran sunnah atau aliran pemikiran baharu dan juga disebut aliran kaum muda. Skop kajian ini tertumpu kepada tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam, di seluruh Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu 15 DUN mewakili 3 parlimen di Perlis. Tahap kefahaman dan kedudukan amalan diteliti melalui metode temu bual berstruktur. Metode temu bual dan observasi, sangat penting dalam membuat jangkaan dan meramal tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis. Data lapangan kajian ini terhenti di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), manakala data berkaitan agensi utama dapat dikemaskini melalui kenalan yang berkhidmat di agensi berkenaan.

Rajah 1.3. Skop Kajian Aliran Sunnah Perlis



1.7 Definisi Konsep

Definisi berkaitan dengan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini, adalah seperti berikut:

1.7.1 Kefahaman:

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi 1997), istilah kefahaman diertikan sebagai keupayaan seseorang untuk memahami sesuatu dan ia mendapat menerangkan perkara yang difahami kepada rakannya. Menurut Habsah (2000), kefahaman juga dijelaskan sebagai satu pengertian tentang sesuatu dalam erti kata mengetahui, benar-benar mengerti seterusnya mempercayai apa yang difahami. West dan Pines (1985), menjelaskan bahawa idea utama untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan kefahaman ialah membina pengertian tentang apa yang difahami. Kefahaman tentang sesuatu idea dan konsep bermaksud mengetahui erti

idea tersebut. Kefahaman dalam kajian ini bermaksud keupayaan masyarakat Islam mengetahui maksud dan pengertian aqidah Ahlu Sunnah wal Jamaah yang menjadi pegangan di negeri Perlis. Antaranya kefahaman dari sudut *itiqad* tauhid Rububiyah, Uluhiyah dan Asma wal Sifat serta menjadikan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w menjadi sumber utama.

1.7.2 Amalan:

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi keempat), “amalan” iaitu sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan, dsb) sebagai suatu kebiasaan; padanya yang sebenarnya berlaku atau terdapat, pd praktiknya, pada kebiasaannya. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997), istilah amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakan. Ianya juga sebagai suatu kebiasaan. Manakala, amalan juga dapat diertikan sebagai suatu perbuatan yang baik atau membuat suatu kebajikan. Manakala penggunaan istilah “amalan” dalam kajian ini merujuk kepada ibadah harian yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Negeri Perlis. Amalan yang diukur iaitu ibadah solat, zikir, talkin, tahlil dan sebagainya. Sumber dan kaedah penetapan kedudukan amalan tidak terikat dengan satu-satu mazhab fiqh yang tertentu atau disebut *qaul muktamad* seperti *qaul muktamad Mazhab As-Syafieyah*.

1.7.3 Aliran Sunnah di Negeri Perlis

Aliran yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Negeri Perlis. Hal ini bukan sahaja memahami beberapa perkara fekah sahaja, tetapi memahami bahawa pegangan


Perlis ialah semua amalan agama hendaklah berdasarkan dalil yang sahih daripada al-Quran dan as-Sunnah. Pegangan aliran ini dalam amalan agama tidak taksub kepada mana-mana mazhab fekah tetapi setiasa usaha menepati al-Quran dan as-Sunnah. Dalam agama, maka hendaklah Rasulullah s.a.w itu menjadi rujukan utama mengatasi pendapat mana-mana tokoh (MAIPs, 7 Amannat DYMM Tuanku Raja Perlis 20 April 2017).

1.8 Kerangka Teori

Kerangka teori ini berkaitan tahap kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis terhadap Aliran Sunnah Perlis, kerangka ini dibentuk melalui penyusunan yang bersistematik. Menurut Wannbrod (1986) kerangka teori merujuk satu penyusunan yang sistematik tentang idea-idea yang berhubung dengan fenomena yang sedang dikaji atau penjelasan yang sistematik tentang perkaitan di kalangan satu himpunan pemboleh ubah.

Kerangka teori bagi kajian ini, dibentuk bagi menjelaskan tahap kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis terhadap Aliran Sunnah Perlis. Teori ini juga menjelaskan tahap kefahaman iaitu pegangan akidah dan amalan iaitu pelaksanaan ibadah harian sebelum dan selepas dikuatkuasakan dan penyelarasan oleh pihak berautoriti seperti MAIPs, JMNP's dan JAIPs. Setelah melalui proses penyelarasan dan kuatkuasa oleh badan berautoriti agama Islam negeri, hasil akhir akan terbentuk tahap kefahaman dan amalan mengikut dasar Aliran Sunnah Perlis. Kerangka teori adalah seperti berikut:


Rajah 1.4. Kerangka Teori kefahaman dan amalan Sunnah dalam masyarakat Islam di Perlis.



1.9 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian ini merangkumi tiga bahagian iaitu mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis terhadap aqidah dan ibadah. Penilaian tahap kefahaman dan amalan diukur sekala nilai melalui temubual iaitu sekala tinggi, sederhana dan lemah. Bahagian kedua iaitu usaha pemantapan kefahaman dan amalan masyarakat melalui usaha sedia ada melalui empat badan berautoriti iaitu Istana Negeri, MAIPs, JMNP's dan JAIPs. Bahagian terakhir kerangka konsep iaitu membentuk mekanisme baharu bagi memantapkan aliran sunnah di negeri Perlis dari sudut aqidah dan ibadah. Mekanisme baharu ini, direka bentuk melalui aspek dakwah iaitu penubuhan Pusat Komuniti Sunnah dan Radio Sunnah. Manakala aspek tarbiyah dijayakan melalui usaha membangunkan institusi pendidikan iaitu sekolah sunnah, sekolah angkat sunnah dan modul tarbiyah keluarga.

Rajah 1.5. Kerangka konseptual kefahaman dan amalan Sunnah dalam masyarakat Islam di Perlis.



1.10 Ulasan Karya

Beberapa karya lepas berkaitan aliran sunnah di Perlis dan hubungan denganya telah disoroti bagi mendapat gambaran umum berkaitan aliran sunnah yang diamalkan di negeri Perlis. Sorotan ini telah dibahagikan kepada beberapa iaitu aliran sunnah di Perlis dan hubungan denganya, Aliran Sunnah Perlis antara keunikan dan perbezaan dengan aliran tradisional, cabaran dan tomanan terhadap aliran pemikiran baharu, kedudukan dan keunikan aliran sunnah di Perlis, Pengaruh dan peranan media cetak dan gerakan Islah terhadap aliran pemikiran baharu, tahap kefahaman dalam membentuk persepsi dan amalan masyarakat dan akhir berkaitan perkembangan dan isu polemik terhadap aliran pemikiran baharu di Malaysia.

1.10.1 Pendahuluan

Bahagian ini menyentuh berkenaan kajian-kajian terdahulu, yang telah dilaksanakan oleh ahli-ahli akademik berkaitan dengan Aliran Sunnah Perlis dan tahap kefahaman serta kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis. Dalam bab ini juga, memperlihatkan tentang latar belakang sejarah aliran sunnah khususnya di Perlis dan Malaysia umumnya.

1.10.2 Aliran Sunnah Di Perlis dan hubungan dengannya

Aliran Sunnah Perlis, telah menapak di negeri ini sejak awal tahun 1920-an. Aliran ini telah memperkenalkan dasar kefahaman dan amalan yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w sebagai rujukan utama. Merujuk kepada perlembagaan negeri Perlis pegangan agamanya berdasarkan kepada pegangan Ahli As-Sunnah wal-Jamaah bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis (As-Sunnah).

Sedangkan semua negeri kecuali Perlis menetapkan dalam perlembagaan mereka iaitu Ahlu Sunnah Wal-Jamaah bermazhab As-Syafie. Manakala pegangan negeri Perlis ini berpegang kepada As-Sunnah Wal-Jamaah yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab fiqhiyah tertentu. Sebaliknya pendirian aliran ini mengambil mana-mana pendapat dan pandangan mazhab-mazhab yang empat dan mana-mana ulamak muktabar yang berdasarkan kepada hujah-hujah yang kuat dari Al-Quran dan As-Sunnah yang sahih. (Ahmad Yusof Amin 2016).

Aliran Sunnah Perlis, pada dasarnya bergerak melalui gerakan Islah yang aktif di Perlis. Beberapa tokoh-tokoh gerakan Islah telah menjadi tulang belakang kepada keutuhan aliran ini. Kewibawaan dan ketokohan mereka telah meletakkan aliran ini berada di tahap yang berjaya sehingga diwartakan dalam peruntukan Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis. Sorotan kajian lepas telah mendapati gerakan Islah telah berusaha untuk memantapkan aliran ini, melalui pemantapan ciri-ciri pemikiran aspek aqidah, amalan dan menentang kefahaman dan amalan yang berunsurkan syirik, kurafat dan bid'ah. (Abdul Rahman Abdullah .1989).

1.10.3 Aliran Sunnah Perlis antara keunikan dan perbezaan dengan aliran tradisional

Kedudukan Aliran Sunnah Perlis, yang diamalkan sekian lama terdapat keunikan dan perbezaan dengan aliran tradisional di arus perdana, dari sudut pemahaman aqidah dan pelaksanaan ibadah. Pernyataan ini, disokong melalui kajian Zakaria @ Mahmood Daud (1996) dalam kajiannya, berkaitan Ahlu Sunnah Perlis, terdapat perbezaan yang ketara itu dari sudut kefahaman dan amalan yang mengajak kembali

kepada sumber Al-Quran, As-Sunnah, para sahabat Rasulullah S.A.W dan pendapat para ulama salafus saleh serta ulama-ulama muktabar, antaranya Imam Ibnu Taimiyyah dan lain-lain. Prinsip aliran ini, tidak bertaqlid atau tidak terikat dengan mana-mana mazhab tertentu, dalam proses penetapan dan rujukan permasalahan fiqh. Kajian ini menzahirkan beberapa fasa perkembangan Aliran Sunnah Perlis antaranya, fasa pertama iaitu peringkat pembentukan kepada gerakan *islah* atau reformasi Islam. Kelahiran gerakan ini bukan secara kebetulan. Namun, aliran ini mempunyai susur galur sejarah yang konkrit. Manakala fasa kedua, peringkat kebekuan dan merencatkan pergerakan aliran ini. Hal ini terjadi berikutan kedatangan tentera Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 sehingga 1945. Seterusnya, fasa ketiga iaitu peringkat perkembangan. Aliran ini, telah mula berkembang berikutan Tuanku Syed Putra ditabalkan menjadi Raja Perlis yang sah. Manakala kesan positif terhadap gerakan Islah Perlis, telah mendapat nafas baharu, sekaligus pulih dari fasa kebekuan dan berfungsi dengan lebih matang dan mantap. Hasil kajian aliran sebelum ini, menunjukkan kewujudan aliran ini telah diterima pakai dan dimaktubkan secara rasmi oleh kerajaan negeri sebagai enakmen undang-undang tubuh negeri Perlis.

1.10.4 Cabaran dan tohmahan aliran pemikiran baharu

Tohmahan demi tohmahan terhadap aliran pemikiran baharu ini, selalunya dikaitkan dengan pengaruh Muhammad Abdul Wahab. Hakikatnya tohmahan itu tidak berasas kerana aliran ini tidak terikat dengan ideologi Muhammad Abdul Wahab. Namun begitu pandangan Muhammad Abdul Wahab juga menjadi rujukan sepertimana Imam Ibnu Taimiyyah, Ibnu Qayyim Al-Jauzi, Rashid Reza, Mohammad Abduh dan ramai lagi. Penyataan di atas disokong oleh Zakaria @ Mahmud Daud (1997), yang


telah melakukan kajian berkaitan pengaruh Muhammad Abdul Wahab terhadap ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah di Perlis. Hasil kajian ini telah mendapati beberapa pendapat bahawa aliran ini sangat berbeza dengan majoriti umat Islam dalam arus perdana. Aliran ini dianggap tidak sehaluan dengan aliran tradisional dalam arus perdana iaitu tidak berpegang kepada *qaul muktamad* mazhab Syafie sehingga aliran ini sering dikaitkan dengan pengaruh dan ajaran Muhammad Abdul Wahab atau sebutan umumnya “*WAHABI*”. Manakala Aliran Sunnah Perlis, didukung oleh beberapa tokoh yang menekankan kepada dasar perjuangan reformis atau aliran pembaharuan khususnya di Perlis. Agenda perjuangan tokoh reformis antaranya, penekanan kepada pendidikan ke arah memurnikan lagi dari sudut kefahaman yang kabur kepada aqidah Ahlu Sunnah wal-Jamaah dan berusaha untuk menyekat seterusnya membasmikan segala amalan berunsurkan perkara-pekerja syirik, kurafat dan bia’ah (Shukor Mat. 2001).

1.10.5 Kedudukan dan keunikan aliran sunnah di Perlis

Kedudukan dan keunikan Aliran Sunnah Perlis, telah menjadi buah mulut seluruh masyarakat Islam di arus perdana. Dasar dan pendekatan aliran reformis berbeza dengan pegangan aliran tradisional yang terikat kepada *qaul muktamad* Mazhab Syafie dalam penentapan dan rujukan berkaitan permasalahan fiqh. Namun disebalik keunikan dan sifat keterbukaan aliran reformis ini sedikit sebanyak membuka ruang dan peluang untuk aliran tradisional terus berkembang dan bertapak subur khususnya di negeri Perlis (Saadan Man. 2007).

Sejarah permulaan aliran kefahaman masyarakat Islam di Perlis, secara umumnya sama seperti mana pegangan dan kefahaman masyarakat Islam di arus perdana.

Namun setelah beberapa fasa perkembangan aliran pemikiran, tidak dapat dinafikan bahawa Aliran Sunnah Perlis ini mula berkembang dan telah menzahirkan beberapa sudut pandangan berbezaan berkaitan aqidah dan ibadah dengan aliran tradisional di arus perdana. Manakala Fokus dan penekanan Aliran Sunnah Perlis, iaitu membawa asas kefahaman dan amalan untuk kembali kepada Al-Quran dan As-Sunnah, sekaligus tidak bertaklid kepada mana-mana mazhab tertentu. Aliran ini juga menolak setiap unsur amalan khurafat dan bid'ah seperti amalan bertalkin orang mati, upah tunggu kubur, kenduri arwah, tahlil dan lain-lain. Rujukan tauhid aliran ini cenderung kepada tauhid beraliran Salafiyyah (Zakaria @ Mahmood Daud, 2009). Menurut kajian Abdul Karim Ali et.al (2004), menjelaskan Ahlu Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) di Malaysia dari lensa sejarah telah menjelaskan tentang kemunculan aliran pemikiran baharu. Namun tidak dinafikan bahawa aliran tradisional telah menunjangi arus perdana.



Pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20, muncul aliran pembaharuan melalui edaran risalah atau majalah Al-Imam. Aliran reformis ini menekankan konsep *islah* dan *tajdid* dan tidak terikat dengan mana-mana mazhab. Matlamat edaran majalah Al-Imam bukan semata-mata untuk mencabar arus aliran tradisional yang telah lama mendominasi sejak awal abad sehingga akhir abad 19. Menurut Saadan Man dan Abdul Karim Ali (2005), menjelaskan kedudukan aliran kefahaman dan amalan di Malaysia terbahagi kepada dua bahagian utama sejak abad ke-20M. kajian menunjukkan bahawa aliran tradisional telah mendominasi sebelum abad ke-20M, namun selepas abad ke 20M aliran ini dicabar oleh aliran yang baharu atau dikenali sebagai aliran reformis atau Salafiyah. Aliran reformis ini berkembang

melalui edaran majalah Al-Imam pada 1906. Majalah Al-Imam itu menjadi lidah rasmi bagi aliran reformis dalam menjayakan reformasi pemikiran masyarakat Islam di Malaysia.

Terdapat kajian yang mendefinisikan aliran pemikiran dan menyentuh asas perbezaan dan *ikhtilaf*. Menurut Saadan Man dan Abdul Karim (2005), dalam kajiannya menjelaskan aliran ASWJ di Malaysia dari sudut perbezaan atau ikhtilaf. Kajian ini juga mendefinisi aliran Syafiiyah, merujuk kepada aliran tradisional yang mendukung pemikiran *khalaf* dalam teologi dan berpegang teguh dengan qaul muktamad iaitu mazhab Syafie dalam permasalahan fiqh. Aliran reformis atau aliran Islah yang mendukung pemikiran salaf dalam teologi tidak terikat kepada mazhab tertentu dalam permasalahan fiqh. Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), kajian ini menunjukkan ASWJ adalah satu mazhab yang menjadi anutan rasmi umat Islam dalam aspek aqidah, ibadah dan akhlak.

Kesimpulan kajian, menjelaskan asas pengenalan dan pegangan kepada Ahlu Sunnah wal Jamaah melalui keiltizaman terhadap Al-Quran dan As-Sunnah dan menjadikan kedua-duanya sebagai sumber rujukan utama. Hasil kajian ini juga menjelaskan wajib berpegang dengan Ahlu Sunnah wal Jamaah. Menurut Saadan Man (2009), kedudukan dan kesesuaian aliran pemikiran dan amalan bermazhab Syafi'iah telah sehati di kalangan masyarakat di seluruh negeri sebagai rujukan dan pegangan. Namun dalam kajian ini, definisi dan hala tuju aliran pembaharuan atau reformis dan skop kajian telah memberi perhatian dari sudut pandangan positif tentang kewujudan pelbagai mazhab fiqh. Kewujudan aliran reformis ini, telah menjadi mekanisme

penting dalam menyelesaikan pelbagai masalah dan isu yang sangat kompleks yang ditimbulkan oleh kebanyakan masyarakat. Namun dalam kajian ini menyatakan bahawa aliran pembaharuan ini telah mencetuskan kontroversi yang berpanjangan hingga ke hari ini. Menurut kajian Inarah Ahamad Farid, Saadan Man (2012), dalam kajian berkaitan realiti keterbukaan bermazhab dalam realiti masyarakat di Malaysia. Namun aliran tradisional dalam arus perdana terasa tergugat dengan kehadiran aliran pembaharuan yang membawa agenda untuk tidak terikat dengan mazhab syafie. Kajian ini menegaskan bahawa aliran pembaharuan atau *islah* masih berada di landasan dan paksi ASWJ (Abdul Shukor Husin, 2000, h17). Manakala, idea perbahasan fiqh tanpa sempadan diterima oleh sebahagian besar masyarakat Islam di Perlis khususnya dan sebahagian kecil di arus perdana umumnya, namun aliran reformis berhadapan halangan dan cabaran yang hebat.

1.10.6 Pengaruh dan Peranan Media Cetak oleh Gerakan Islah Terhadap Aliran Pemikiran Baharu

Pemikiran masyarakat dapat dibentuk melalui pengaruh media khususnya media cetak iaitu majalah dan akhbar. Terdapat usaha menyemarakkan kefahaman reformis atau aliran pembaharuan melalui majalah dan akhbar seperti yang dilaksanakan oleh gerakan Islah di Pulau Pinang melalui majalah Islah. Kenyataan ini disokong dengan pernyataan oleh Hamidah Jalani (2013), dalam kajiannya tentang perkembangan aliran di dalam dunia pesuratan telah membuktikan bahawa majalah dan akhbar telah berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat.

Menurut kajian awal oleh Abdul Rahman Abdullah (1989), berkaitan “Gerakan Islah di negeri Perlis” menunjukkan terdapat perbezaan antara aliran tradisional dalam arus perdana dan aliran pemikiran baharu di Perlis. Sorotan kajian ini, menunjukkan bahawa aliran reformis telah berjaya “menawan” dan seterusnya mencadangkan aliran Islah sebagai ideologi negeri. Tanggal 1963, peruntukan dalam Undang-undang Tubuh Negeri Perlis menyatakan bahawa ia berpegang kepada aliran Ahlu Sunnah wal-Jamaah, terus berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah, bukannya kepada mazhab-mazhab muktamad sepertimana yang berlaku di negeri-negeri di Malaysia. Menurut Mohd Radhi Othman & O.K Rahmat (1996), menjelaskan latar belakang Ahlu Sunnah di Perlis.

Dalam kajian ini, pemilihan negeri Perlis sebagai sampel lokasi kajian berkaitan aliran pembaharuan kerana Perlis merupakan satu-satunya negeri yang menerima aliran pembaharuan di Malaysia. Menurut Zakaria@Mahmod Daud (1996), menjelaskan bahawa dasar perjuangan tokoh-tokoh Islah dan tajdid di sepanjang perjuangan mereka dalam meletakkan aliran sunnah menjadi batu asas *tajdid*. Intipati perbahasan dan persoalan mereka tidak sama dengan pemikiran umat Islam lain di Malaysia yang rata-rata berpegang kepada akidah Asy’ariyyah. Manakala perbezaan pegangan aliran pembaharuan di Perlis iaitu akidah *Salafiyyah* sebagaimana yang dipegang oleh para sahabat, para tabi’in seperti Ibn Taimiyyah dan Ibnu Qaiyyim. Dalam kajian ini juga, dijelaskan berkaitan rujukan awal aliran pembaharuan di Perlis oleh tokoh Islah iaitu Abdul Rahman Abdullah dalam kitab al-Aqidah al- Wasatiyah oleh Ibn Abd al-Izzi, kitab tauhid oleh Muhammad Ibn Al-Wahhab dan lain-lain rujukan.

Berdasarkan sorotan karya yang dibentangkan berkaitan Aliran Sunnah Perlis dan hubungan dengannya, masih terdapat kelompongan yang berkaitan idea pembaharuan dalam pemikiran dan amalan masyarakat Islam di Perlis khususnya. Menjadi kewajaran untuk ahli akademik meneruskan kajian baharu bagi menjelaskan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di Perlis. Dalam kajian ini, akan dibentangkan mekanisme-mekanisme pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di Perlis terhadap Aliran Sunnah Perlis secara anjal dan mudah.

1.10.7 Tahap kefahaman dalam membentuk persepsi dan amalan masyarakat

Persepsi masyarakat terhadap sesuatu hal dapat diukur nilai melalui tahap kefahaman secara individu atau kelompok masyarakat. Tahap kefahaman dapat disekalakan pada tahap baik atau tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah atau lemah. Sebagai contoh, terdapat satu kajian oleh Muhammad Nubli Abdul Wahab (1997) berkaitan tahap kefahaman para belia untuk menempuhi zaman perkahwinan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman majoriti responden mempunyai tahap kefahaman dan persediaan untuk berkahwin di tahap yang sederhana dan memerlukan pendidikan formal khususnya. Sehubungan itu, menurut Mohd Azrin Johari & Faisal Ahamad Shah (2015), tahap kefahaman masyarakat dapat dinilai dan diukur melalui usaha yang pelbagai, seperti kuliah pengajian Al-Quran, hadith, isu fiqh dan semua cabang ilmu agama. Namun dapatan awal menunjukkan bahawa tahap kefahaman masyarakat bergantung kepada kualiti mekanisme dan perancangan ke arah memantapkan tahap kefahaman mereka. Dapatan kajian akhir menunjukkan tahap kefahaman gagal apabila kadar maksiat yang dilakukan seperti menghisap rokok selepas kuliah agama,

tidak menutup aurat dengan sempurna, mengamalkan amalan bid'ah secara terang-terangan dan sebagainya.

Capaian tahap kefahaman seseorang individu atau kelompok antara faktor penentu kepada kejayaan membentuk persepsi dan amalan individu dan masyarakat. Menurut Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri (2006), menjelaskan bahawa kedudukan amalan pelajar-pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dalam pelaksanaan ibadah harian melalui amalan solat, puasa, membaca Al-Quran, zikir dan doa. Metode kuantitatif digunakan bagi mengetahui tahap amalan ibadah remaja, skop kajian di seluruh MRSM melibatkan sejumlah 674 responden dari tingkatan lima. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedudukan amalan yang memuaskan akan memberikan kesan terhadap kecerdasan pemikiran, emosi dan motivasi untuk menjadi pelajar cemerlang. Manakala kajian perspektif Islam terhadap pembangunan remaja Islam juga dipengaruhi oleh isu tahap kefahaman dan kedudukan ibadah. Faktor-faktor ini juga menyumbang kepada pembangunan remaja.

1.10.8 Perkembangan dan isu polemik terhadap aliran pemikiran baharu di Malaysia.

Aliran pemikiran baharu di kalangan masyarakat tidak semudah untuk diterima pakai, sebaliknya pemikiran baharu akan berhadapan dengan isu-isu polemik. Jika tiada usaha untuk dijernihkan atau ditangani isu dengan baik, ia akan terus kekal sebagai bebanan terhadap tahap kefahaman dan amalan masyarakat. Sebagai contoh

terdapat beberapa kajian yang melibatkan isu polemik dan transformasi pemikiran pembaharuan terhadap beberapa negeri di Malaysia.

Menurut Ahmad Adam (1976), dalam kajian berkaitan pertumbuhan kesedaran sosial orang-orang Melayu di Melaka pada tahun 1920-an dan 1930-an. Dalam kajian ini, dapatan kajian telah mendedahkan fasa pertama pendidikan di Melaka telah menerima acuan sekular. Manakala fasa kedua menyaksikan usaha yang dilakukan oleh Kaum Muda dalam memperkasakan institusi dakwah dan pendidikan di negeri Melaka. Dapatan kajian telah menyatakan bahawa usaha pendidikan oleh Kaum Muda di Melaka, telah bermula dengan tertubuhnya sekolah agama juga telah bermula dengan tertubuhnya sekolah agama juga dikenali sebagai sekolah arab. Kejayaan lain aliran ini ialah telah menubuhkan sekolah Al-Hadi pada tahun 1913 di Banda Kaba. Sh. Al-Hadi merupakan pengasas sekolah Al-Hadi dan beliau juga merupakan seorang tokoh Kaum Muda. Aliran Kaum Muda telah menjadi tulang belakang dan menyediakan acuan pendidikan seiring dengan aliran pemikiran Kaum Muda. Sorotan kajian berkaitan sekolah ini, menunjukkan bahawa jangka hayat institusi ini tidak bertahan lama disebabkan oleh cabaran yang menghalang iaitu kekurangan para pelajar dan paling besar cabaran yang ditempuhi apabila institusi ini mendapat tentangan dari masyarakat beraliran Kaum Tua. Namun realiti ini memberikan impak yang besar iaitu polemik antara Kaum Muda dan Kaum Tua itu semakin rancak dan seolah-olah akan mencetuskan krisis sosial seperti yang berlaku di Minangkabau pada tahun yang sama.

Era kemuncak aliran dan pemikiran Kaum Muda di Melaka bermula antara tahun 20-an sehingga 30-an. Aliran ini tidak hanya bertapak di Melaka Tengah sahaja, namun pengaruh aliran telah menjalar sehingga ke Alor Gajah dengan kekuatan seorang tokoh iaitu Sh. Tahir Jalaludin pada tahun 1927.

Fokus aliran pembaharuan di Melaka tidak terhenti di Melaka Tengah, namun beberapa daerah juga telah menerima aliran pemikiran pembaharuan ini. Antaranya daerah Jasin pada awal tahun 1940 oleh Haji Ahmad Amin. Beliau juga merupakan pengasas sekolah iaitu Madrasah Diniah di Terentang Jasin pada akhir 30-an. Manakala Haji Abdul Rahman Firdaus pada akhir tahun 1918 telah menubuhkan Madrasatul Khairiyah Muhammadiyah. Pada tahun 1923, Haji Md Zain Haji Abdul Rahman telah menubuhkan sekolah pondok dan beliau melangkah lagi dengan menubuhkan sebuah Madrasah Muftadi pada 1930. Semua agenda aliran pembaharuan di Melaka membawa agenda dakwah dan tarbiyah iaitu pendidikan kepada masyarakat Islam khususnya di Melaka.

Negeri Perak antara negeri di Pantai Barat Malaysia yang menerima cetusan pemikiran baharu. Menurut Radhi Othman dan O.K Rahmat (1996), menjelaskan bahawa terdapat usaha mengerakkan agenda pembaharuan pemikiran dan amalan mengikut acuan pemikiran reformis di Perak. Hasil temu bual bersama SS. Datuk Harussani Mufti Perak berkaitan isu agenda pembaharuan di Perak, beliau menjelaskan bahawa terdapat sekumpulan umat Islam yang mempunyai kefahaman yang sama seperti di negeri Perlis. Dapatan kajian menjelaskan bahawa terdapat tokoh-tokoh pembaharuan di Perak seperti Abu Bakar al- Baqir dan Sh. Juned yang

berasal dari Padang Rengas. Kefahaman mereka dengan jelas mengambil pendekatan berhikmah tanpa konfrontasi. Jasa tokoh pembaharuan ini antaranya menubuhkan sekolah-sekolah agama dan pondok pengajian agama rakyat seperti Maahad II Ihya Assyarif, Gunung Semanggol Perak.

Cetusan pemikiran baharu tidak bertumpu di sebelah Pantai Barat Malaysia, sebaliknya berkembang di Pantai Timur Malaysia iaitu di negeri Kelantan. Menurut Hayei Abdul Sukor (2003), telah menjelaskan bahawa sumbangan Tok kenali atau Muhammad Yusuf Bin Muhammad dalam gerakan tajdid Islam di Kelantan, sekaligus menerima aliran pembaharuan pemikiran dalam kerja-kerja amal Islam. Dapatan kajian menunjukkan kedudukan beliau sebagai seorang tokoh yang mempunyai wawasan *tajdid* terhadap masa depan masyarakat Islam di Kelantan khususnya. Tok Kenali diberikan kepercayaan untuk memegang beberapa jawatan tertinggi dalam pengurusan negeri Kelantan, antaranya sebagai Ketua Pelajaran Agama, Ketua Pengarang Majalah Pengasuh dan menjadi Ahli Majlis Agama Islam Kelantan. Pendekatan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Tok Kenali iaitu secara *amal jamaie* bersama anak muridnya dan menyerahkan sepenuh tugas dakwah dan tarbiyah masyarakat kepada anak-anak muridnya. Pendekatan pembaharuan kedua melalui penulisan dalam Majalah Pengasuh. Rujukan beliau lebih cenderung kepada penulisan ilmunan yang terlibat dalam agenda reformis melalui Majalah Al-Manar, antara tokoh rujukan Tok Kenali iaitu penulisan Jamaluddin Afghani, Muhammad Abdoh dan Shiekh Muhammad Redha. Dapatan kajian ini, menjelaskan bahawa jasa Tok Kenali sebagai tokoh yang menjaga perpaduan dan memperkenalkan cara hidup sufi dari sudut akhlak yang zuhud. Beliau juga disegani kerana sifat warak dalam

menyantuni dan muamalah bersama masyarakat. Pendirian Tok Kenali dalam menjawab persoalan *fiqh furu'iyah* atau cabang fiqh melalui pendekatan pemikiran terbuka dan tidak suka membuang masa terhadapnya, sebaliknya beliau suka meniup semangat kebangsaan dan bersatu dalam mendaulatkan Islam.

1.11 Metodologi Kajian

1.11.1 Reka Bentuk Kajian


Bab ini menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi ini dijadikan sebagai alat utama untuk menjawab kepada persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Hasil kajian ini mengikut landasan atau metodologi kualitatif sebagai panduan dalam melaksanakan kajian. Secara jelasnya, kajian ini mengaplikasikan metodologi kualitatif dalam usaha proses pengumpulan data dan menganalisis data kajian ini. Terdapat tiga elemen penting yang akan dijelaskan dalam metodologi kajian kualitatif. Pertama, prosedur dan proses pengumpulan data kualitatif akan dijelaskan dalam bab ini. Kedua, setelah perolehan data-data kajian dikumpulkan, seterusnya bab ini menjelaskan bagaimana data-data kajian diproses.

Metodologi kualitatif diamalkan bertujuan menangani isu kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Menurut Amaratunga (2002), menjelaskan bahawa, suatu kajian dilaksanakan kerana mempunyai dorongan dan keinginan yang kuat dan asas yang kukuh untuk memahami dan mengetahui secara mendalam secara fakta, pengalaman, data-data tertentu, konsep, inferens, andaian dan pelbagai lagi. Metodologi kajian yang diguna pakai dalam kajian ini adalah kualitatif. Kaedah

ini dipilih kerana lebih tepat dan bersesuaian dengan kajian tanpa hipotesis. Kaedah ini mampu dilaksanakan secara natural dan juga akan memberikan makna atas fenomena secara holistik (Merriam S.B, 1998). Oleh kerana itu, dapatan dalam kualitatif sangat dipengaruhi oleh nilai dan persepsi penelitian atau *researcher's value and perception*. Dalam kajian ini, terdapat beberapa bentuk kajian kualitatif diterapkan dalam penyelidikan ini iaitu kajian sejarah Aliran Sunnah Perlis. Manakala, sorotan kajian sejarah ini akan menyelusuri latarbelakang dan fasa-fasa perkembangan sejarah aliran sunnah di Perlis sehingga meletakkan kedudukan aliran ini kukuh dan subur sebagai pegangan dan amalan masyarakat Islam di Perlis. Melalui kaedah ini juga, penyelidik dapat mengetahui latarbelakang dan punca-punca perbezaan tahap kefahaman dan kedudukan amalan.



Rajah 1.6. Kerangka dan Bentuk Kajian



1.11.2 Metode Kutipan Data Kajian

Proses pengumpulan data kajian, merupakan satu proses yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan pengumpulan data-data dengan menggunakan kaedah-kaedah kajian tertentu untuk memperolehi data serta maklumat yang berkaitan dengan persoalan dan permasalahan yang dikaji. Data-data tersebut lazimnya mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan fakta dan persepsi yang dikumpulkan seterusnya dianalisis (Idris Awang, 2001). Metode ini dilaksanakan

bagi mengumpulkan dapatan data-data yang berkaitan dengan kajian dan penyelidikan untuk kajian ini. Pengumpulan data kajian dikumpulkan melalui dua kaedah yang utama iaitu menggunakan data primer iaitu kajian lapangan dan data sekunder. Dalam kajian ini, data-data sekunder pula diperolehi melalui metode temu bual dan pemerhatian (observasi) dan data sekunder diperolehi melalui metode analisis kandungan daripada penulisan dan dokumentasi berkaitan kajian ini (Creswell, J.W, 2013).

i. Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan perantaraan bagi mengumpulkan semua dapatan data kajian. Kaedah ini dapat dilaksanakan melalui tiga struktur soalan temu bual iaitu soalan berstruktur, semi-struktur dan tidak berstruktur (Chua Yan Piaw.2006,*op.cit*, h.113).

Responden kajian ini, melibatkan dua kelompok responden iaitu:

Pertama: Kelompok pelaksana dasar iaitu pengurusan masjid, imam masjid dan makmum masjid. Justifikasi pemilihan responden mengambil kira status semasa iaitu pengurusan masjid berkaitan pengurusan dasar daripada pihak berautoriti, manakala pihak imam masjid merupakan pelaksana dasar berkaitan pemantapan kefahaman dan amalan yang diselaraskan oleh pihak berautoriti. Pemilihan makmum secara rawak untuk menjawab persoalan berkaitan kefahaman dan amalan. Indikator temubual kepada pengurusan, imam dan makmum masjid agar dapat memberikan respon kepada persoalan berkaitan kefahaman iaitu faham, tidak atau tidak pasti. Kedua berkaitan persoalan pelaksanaan amalan atau ibadah iaitu selalu diamalkan, kadang-kadang diamalkan atau tidak diamalkan.

Kedua: Pemilihan responden diperingkat badan berautoriti seperti pegawai MAIPs, JAIPs dan Jabatan Mufti Perlis, telah banyak membantu dan terlibat secara langsung dalam memberikan respon kepada sesi temu bual dan mendapat maklumat-maklumat rasmi, antaranya maklumat berkaitan tujuh amanat DYMM Tuanku Raja Perlis, studio ISNAD dan SAPPs.

Dapatan kajian direkodkan dengan persetujuan dan kebenaran dari semua responden atau informan. Tujuan rakaman temu bual ialah untuk membolehkan rekod ditranskrip bagi tujuan untuk rekod kekal. Menurut ulasan Bryman:

“ ...because the interviewer is supposed to be highly alert to what is being said- following up interesting point made, prompting and probing where necessary, drawing attention to any inconsistencies in the interviewee’s answer-it is best if he or she is not distracted by having to concentrate on getting down notes on what is said (Bryman Alan, 2008).”

Melalui prosedur rakaman, sesi temu bual akan dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna. Seluruh isi temu bual telah dirakam dan disalin semula dalam bentuk transkrip dalam fail *Microsoft Word*. Secara dasarnya, kesemua data-data temu bual ditranskrip dalam bentuk fail *Microsoft Word* kecuali percakapan yang tidak memberikan sebarang maksud seperti ha.., em.. dan sebarang bentuk lafaz yang samar dan tidak jelas.


ii. Analisis Dokumen

Metode pengumpulan data ialah proses melakukan tinjauan dokumentasi. Kepentingan melakukan rujukan terhadap dokumentasi ialah mendapatkan bukti-bukti tambahan dan sokongan daripada sumber-sumber yang lain. Dokumen membantu mengesahkan maklumat yang diperolehi semasa temu bual dengan responden. Seterusnya, dokumen turut menyediakan maklumat yang spesifik dan terperinci untuk menambah maklumat daripada sumber yang lain dan membuat kesimpulan daripada dokumen. Dalam situasi tertentu, penelitian dokumen dapat membantu dan mengesan sekiranya terdapat percanggahan dengan maklumat yang diperolehi semasa temu bual (Hsiung P.C,2014). Menurut Yin (2014), menjelaskan dokumen-dokumen yang perlu dikumpulkan dalam kajian kualitatif. Pertama ialah surat, memorandum dan kenyataan lain. Kedua ialah agenda, pengumuman minit mesyuarat dan repot bertulis acara yang dijalankan. Ketiga ialah dokumen pentadbiran, proposal, laporan kemajuan dan rekod-rekod dalaman yang lain. Keempat ialah kajian rasmi atau penilaian berkaitan kajian. Kelima ialah keratan akhbar dan artikel berkaitan yang dipaparkan dalam media massa dan surat khabar tempatan.

iii. Kaedah Observasi

Metode observasi, merupakan sumber penting dalam kajian kualitatif. Kaedah pemerhatian atau metode observasi, merupakan satu cara mengumpulkan data tanpa melibatkan komunikasi di antara dua pihak (Sheila Ainon Yussof, 2013). Metode observasi merupakan asas kukuh dan kritikal dalam kajian kualitatif. Metode observasi digunakan untuk mengetahui hubungan interaksi yang kompleks dalam

situasi yang biasa. Permerhatian turut digunakan semasa temu bual dijalankan dengan mengambil bahasa badan, intonasi suara responden dan lain-lain yang mempengaruhi maklumat dari responden kajian. Menurut Sabitha Marican (2005) menjelaskan bahawa informan diperhatikan dalam persekitaran semulajadi atau aktiviti dan tingkah laku mereka direkod. Metode observasi dibahagikan kepada dua keadaan observasi. Pertama observasi secara formal melalui observasi mengenai aktiviti mesyuarat, aktiviti sekitar, suasana gaya kerja dan lain-lain. Kedua observasi tidak formal, seperti observasi semasa lawatan lapangan kajian dalam usaha mendapatkan maklumat kajian. Sebagai contohnya, suasana di tempat kerja boleh menunjukkan atau memberi indikator mengenai iklim dan kesukaran sesuatu organisasi (Yin, *Case Study Research*, 10). Bagaimanapun, metode pemerhatian membantu dalam memperolehi data secara lebih mendalam, kesahan, terperinci dan telus.



Universiti Utara Malaysia

1.11.3 Metode Analisis Data kajian Kualitatif

Latar belakang data kajian kualitatif sangat besar dan kompleks. Metode kajian kualitatif perlu mempunyai panduan untuk menghasil analisis yang tepat dan benar. Analisis kajian kualitatif memerlukan penglibatan secara langsung usaha kajian untuk menunjukkan kepentingan kajian seterusnya mencapai objektif kajian (Miles, M.B. & Huberman, 1994).

Proses menganalisis kualitatif ini, tidak semestinya dijalankan secara urutan sahaja. Malah kadangkala perlu dijalankan secara serentak dan berulang-ulang. Pada awal

peringkat kajian, usaha kajian turut akan berhadapan dengan kekaburan dalam menganalisis data kualitatif. Masalah ini memerlukan penelitian secara aktif sehingga semua data kualitatif berjaya diteliti dan diterokai dengan sempurna, maka segala kepentingan dan objektif kajian yang ingin dicapai semakin jelas dan kesahihannya nyata.

Dalam Kajian ini, analisis deskriptif digunakan. Manakala data statistik deskriptif melibatkan skala seperti peratus. Kaedah ini, bertujuan untuk mencapai objektif kajian iaitu tahap kefahaman dari sudut aqidah dan kedudukan amalan dari sudut ibadah, sekaligus menentukan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis terhadap Aliran Sunnah Perlis. Penentuan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam, dibahagikan kepada dua penilaian iaitu jadual 1 tahap kefahaman masyarakat Islam dan jadual 2 iaitu kedudukan amalan dari sudut ibadah harian. Untuk menganalisis data dan maklumat kajian ini, beberapa kaedah analisis diguna pakai iaitu:

i. Kaedah *Content Analysis*:

Kajian ini memerlukan kepada analisis kandungan dalam menjana atau penetapan tema tertentu. Kewajaran kaedah ini adalah satu penetapan tema tertentu agar proses analisis terhadap teks itu tidak menyimpang (Mohammad Haji Yusof, 1993). Dalam konteks kajian ini, tema adalah pengambilkiraan realiti dan lokaliti yang ada pada masyarakat Perlis dalam aspek kefahaman, amalan dan mekanisme sedia ada serta mekanisme baharu. Dalam memastikan kaedah analisis kandungan ini dilaksanakan dengan cara memilih teks yang sesuai dan menepati tujuan kajian yang dijalankan.

Oleh itu, usaha mendapatkan sampel yang digunakan untuk tujuan kajian ini ialah sumber terpilih yang disediakan oleh MAIPs, Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs), Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNPs) dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

ii. Kaedah Aplikasi Nvivo:

Menurut Burn (1995) analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Dalam kaedah ini, analisis kandungan memerlukan pengekodan yang berkaitan dengan matlamat sesuatu penyelidikan. Kaedah ini telah dibangunkan pada awal proses pengumpulan data kajian. Menurut Burn (1995) kategori pengekodan harus dibangunkan sebaik sahaja pengumpulan data pertama dilakukan. manakala pengekodan membantu dan memudahkan untuk memahami apa yang diperolehi dan menjadi panduan untuk menentukan fokus kepada matlamat seterusnya.

Kaedah analisis temu bual ini, dijalankan secara manual dengan merujuk kepada kaedah skor iaitu skala peratusan yang telah digunapakai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam memberikan skor kepada pencapaian pelajar dalam setiap mata pelajaran. Dalam kajian ini ditampa melibatkan perisian analisis seperti Nvivo dan sebagainya. Skor peratusan dan skala pencapaian yang digunakan seperti berikut:

Jadual 1. 2: Penilaian peratusan dan tahap kefahaman masyarakat Islam Perlis

Peratusan Kefahaman	Tahap Kefahaman Masyarakat Islam
80 hingga 100	Tinggi (Sangat Faham)
50 hingga 79	Sederhana (Faham)
0 hingga 49	Rendah (Lemah)

Jadual 1. 3. Penilaian peratusan dan tahap kedudukan Amalan Masyarakat Islam Perlis

Peratusan Amalan	Tahap Amalan Masyarakat Islam
80 hingga 100	Tinggi (Selalu diamalkan)
50 hingga 79	Sederhana (kadang-kadang diamalkan)
0 hingga 49	Rendah (tidak pernah diamalkan)

Semua data temu bual telah dirakamkan dalam simpanan audio dan ditranskripkan mengikut kelompok responden. Seterusnya proses menjadualkan data melalui dapatan temu bual. Contoh soalan dan dapatan temu bual seperti berikut:

Contoh soalan 1: Apakah yang anda faham tentang Aliran Sunnah yang diamalkan di negeri Perlis?

Jadual 1.4. Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Faham	4/5	2/5	3/5	9/15	60%
Tidak Faham	0/5	2/5	1/5	3/15	20%
Tidak Pasti	1/5	1/5	1/5	3/15	20%

Soalan 6: Adakah anda melaksanakan qunut subuh setiap kali solat subuh?

Jadual 1.5. Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Selalu	2/5	1/5	0/5	3/15	20%
Kadang-kadang	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Tidak Laksana	3/5	4/5	5/5	12/15	80%

1.11.4 Pemilihan Responden Kajian

Dalam temubual ini, pemilihan responden terdiri daripada tiga kelompok iaitu:

- i. Para Pengurusan Masjid
- ii. Para Imam Masjid
- iii. Para Makmum Masjid



1.11.5 Struktur Soalan Kajian

Dalam analisis temu bual ini, beberapa soalan disediakan bagi mengukur tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di Perlis. Dalam kajian ini, disediakan 10 soalan yang menguji responden melalui dua segmen iaitu:

a. Tahap kefahaman terhadap Aliran Sunnah Perlis.

Soalan 1: Apakah yang anda faham tentang Aliran Sunnah yang diamalkan di negeri Perlis?

Soalan 2: Apakah pendirian anda terhadap Aliran Sunnah yang diamalkan di negeri Perlis?

- Soalan 3: Apakah yang anda faham tentang Tauhid tiga serangkai yang diamalkan di negeri Perlis?
- Soalan 4: Apakah yang anda faham tentang Tauhid Asma' wa Sifat yang diamalkan di negeri Perlis?
- Soalan 5: Apakah yang anda faham tentang pentakwilan ayat mutasyabihat dan apakah perlu ditakwil?

1.11.6 Indikator Responden Kajian

Semua jawapan bagi menentukan tahap kefahaman responden terhadap Aliran Sunnah Perlis dibahagikan kepada tahap dan setiap tahap tersebut mempunyai indikator tertentu:

i. Tahap Kefahaman

Jadual 1.6. Indikator Tahap Kefahaman Responden Kajian

Skala	Indikator
Faham	1. Bersetuju dengan kenyataan berkaitan soalan 2. Menyokong penuh, 3. Mampu menjelaskan maklumat berkaitan soalan
Tidak Faham	1. Tidak bersetuju tapi ikut sahaja 2. Bantah sepenuhnya 3. Tidak mampu menjelaskan apa yang ditanya sebaliknya mempertahankan penderian yang bertentangan.
Tidak Pasti	1. Responden menjawab tidak pasti. 2. Tidak pandai tapi saya sokong juga. 3. Tak berapa pasti tapi saya ikut apa-apa yang

b. Kedudukan amalan ibadah harian yang diamalkan di masjid dan luar masjid

- Soalan 6: Adakah anda melaksanakan qunut subuh setiap kali solat subuh?
- Soalan 7: Adakah anda *sir basmalah* (bacaan tidak jelas) setiap kali solat maghrib, isyak dan subuh?
- Soalan 8: Adakah anda masih melaksanakan wirid secara berjamaah selepas solat fardu?
- Soalan 9: Adakah anda dan masyarakat setempat masih melaksanakan amalan talkin kematian?
- Soalan 10: Adakah anda dan masyarakat setempat masih melaksanakan amalan tahlil arwah di masjid atau di rumah?

Semua jawapan bagi menentukan kedudukan amalan responden terhadap Aliran Sunnah Perlis dibahagikan kepada tahap dan setiap tahap tersebut mempunyai indikator tertentu:

iii. Kedudukan amalan:

iv. Jadual 1.7. Indikator Kedudukan Amalan Responden Kajian

Skala	Indikator
Selalu laksana	Selalu atau kerap melaksanakan mengikut ketetapan
Kadang-kadang laksana	Kadang –kadang dilaksanakan atas sebab permintaan makmum atau waris hajat buat di masjid (Tahlil dan kenduri arwah)
Tidak laksana	Menolak sebarang amalan yang dilarang untuk diamalkan
Sir	Saya sir bacaan basmalah pada setiap solat maghrib, isya dan subuh
Kadang-kadang sir	Saya sir juga tapi kadang-kadang saya jahar juga atas permintaan makmun yang rasa “tidak puas kalau sir”
Tidak sir	Saya tidak sir basmallah pada setiap waktu solat maghrib, isya dan subuh

v. Kaedah Perbandingan

Beberapa persamaan dan perbezaan dalam hasil kajian bermula dari proses membuat kesimpulan melalui kaedah perbandingan. Dalam kajian ini, kaedah yang akan diguna pakai ialah pendekatan kontrastif. Pendekatan ini lebih fokus kepada kesan persamaan atau implikasi yang wujud di antara dua unsur yang dibandingkan. Dalam kajian ini, unsur-unsur perbezaan yang terdapat di antara tahap kefahaman dan kedudukan amalan Aliran Sunnah Perlis dengan aliran tradisional akan dianalisis dan seterusnya dijadikan asas kepada mekanisme pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam terhadap Aliran Sunnah Perlis melalui badan berautoriti seperti MAIPs, JAIPs, JMNP dan intitusi masjid di Perlis.

1.12 Kesimpulan

Aliran Sunnah Perlis telah memperkenalkan dasar pelaksanaan, berkaitan kefahaman dan amalan yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan. Namun realiti adalah sebaliknya, apabila terdapat beberapa usaha untuk menyuburkan kefahaman dan amalan aliran tradisional sebagaimana yang dilaporkan berlaku dalam masyarakat Islam di negeri Perlis. Dalam pada masa yang sama, penyelarasan dasar-dasar aliran ini telah dilaksanakan iaitu berkaitan dasar kefahaman dan amalan di dalam semua peringkat masyarakat, antara yang terlibat iaitu pengurusan dan pentadbiran negeri sehingga pengurusan pentadbiran di institusi masjid di Perlis, meskipun cuba dinafikan banyak pihak yang rata-rata tidak senang dengan usaha pihak berautoriti dalam melaksanakan penyelarasan dasar kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis. Justeru kajian mengenai pemantapan aliran sunnah di Perlis, menurut sisi pandang dasar dan pelaksanaan inisiatif kepada mesyuarat perlu

dihalusi kerana kajian seperti ini belum lagi ditemui berdasarkan sorotan karya yang lalu.



BAB DUA

ALIRAN SUNNAH DARI SUDUT TAHAP KEFAHAMAN DAN KEDUDUKAN AMALAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI PERLIS

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincang dan menerangkan kajian secara umum ke atas Aliran Sunnah Perlis dari sudut kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam semasa di negeri Perlis. Semua perbincangan dalam bab ini meliputi demografi Negeri Perlis membabitkan populasi masyarakat, kedudukan agama Islam di Negeri Perlis. Seterusnya bab ini juga mengemukakan status tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam sedia ada di Negeri Perlis. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

2.2 Demografi Negeri Perlis

Kajian ini, melibatkan latarbelakang negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang menjadi tapak aliran sunnah di Perlis. Sehubungan dengan itu, data bancian komposisi masyarakat mengikut etnik di negeri Perlis dari tahun 2000 sehingga 2010 dinyatakan dalam kajian ini. Perkara ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan Agama Islam di negeri Perlis sebagai agama anutan majoriti penduduk serta rasmi negara dan negeri.

2.2.1 Populasi Masyarakat

Perlis merupakan sebuah negeri yang terkecil dalam peta Malaysia dan terletak di arah utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan dua wilayah negara Thailand iaitu wilayah Satun dan Songhkla. Kebudayaan sebahagian penduduk negeri Perlis masih ada pengaruh adat dan kehidupan masyarakat Thailand kerana asal usul Perlis pernah berada di bawah pengaruh Siam sebelum menjadi negeri yang berdaulat pada 20 Mei 1843.

Berdasarkan dapatan bancian penduduk di negeri Perlis oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di bawah Program Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia bagi tahun 2020, telah direkodkan bahawa kepadatan penduduk negeri Perlis meningkat dari tahun 2010 sehingga 2020 iaitu:

Jadual 2.1. Komposisi Masyarakat Mengikut Dapatan Banci Penduduk Negeri Perlis bagi Tahun 2010 dan 2020

Tahun	Jumlah penduduk	Perbandingan Peningkatan Jumlah & Peratus penduduk bagi tahun 2010 sehingga 2020
2010	225, 630 orang	+ 57, 342 orang (13.6%)
2020	280, 885 orang	+ 59, 355 orang (26.3 %)

Dapatan bancian menunjukkan jumlah penduduk mengikut kategori etnik iaitu Bumiputera 88.8 peratus dari jumlah penduduk. Selebihnya terdiri dari etnik yang berbangsa Cina, India dan lain-lain etnik. Manakala peratus pelbagai agama menunjukkan bahawa agama Islam mempunyai majoriti iaitu 87.8 peratus dari jumlah penduduk semasa dan diikuti agama Budha yang dianuti 9.2 peratus, Hindu 1.3

peratus, Kristian 0.6 peratus dan tiada agama atau tidak diketahui status agama iaitu 1.0 peratus.

2.2.2 Kedudukan Agama Islam di Negeri Perlis Berdasarkan Peruntukan Undang-undang

Agama Islam di negeri Perlis menjadi agama negeri sejajar dengan peruntukan yang ada dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis, Menurut Ahmad Yusof Amin (2016) cetakan semula Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis yang mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2008. Butiran berkaitan seperti berikut:

i. Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis

Bahagian II: Agama Negeri:

5.(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1959, (Pindaan 1974), halaman 4: “Agama bagi negeri ialah agama Islam Ahlus Sunnah Wal Jama’ah seperti telah diamalkan di dalam negeri”

(2) Agama lain boleh diamalkan oleh orang yang memelukinya di mana-mana tempat pun di dalam Negeri akan tetapi mereka hendaklah mengamalkan dengan aman.

Bahagian II: Raja sebagai Ketua agama

Perkara 19, menetapkan bahawa seorang Raja yang akan dilantik di Perlis, hendaklah beragama Islam yang beraliran “Ahli Sunnah Wal-Jamaah”. Demikian juga untuk melantik seorang Pemangku Raja atau Jamaah Pemangku Raja, hendaklah juga beraliran “Ahli Sunnah Wal-Jamaah”.

Perkara 3:1, Dalam menetapkan syarat waris DiRaja, dia hendaklah juga beraliran “Ahli Sunnah Wal-Jamaah”(Perkara 29).

ii. Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis

Perkara 7(4) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis Tahun 1963, halaman 5: "Tatkala Majlis mengeluarkan suatu fatwa dan jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya di bawah cerai (2) maka hendaklah badan itu mengikut Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Tetapi sekiranya pendapat atau alasan-alasan itu berlawanan dengan faedah umum, maka majlis dan jawatankuasa Syariah hendaklah mempersembahkan fatwa dan pendapat itu kepada Raja pemerintah untuk mendapatkan keputusan. (5) Pada mengeluarkan suatu fatwa di bawah fasal ini Majlis hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu yang terpakai dalam Negeri Perlis"

2.3 Tahap Kefahaman Dan Kedudukan Amalan Masyarakat Islam Sedia ada di Negeri Perlis.

Dalam kajian ini, terdapat dua fokus utama iaitu tahap kefahaman masyarakat yang merangkumi persoalan aqidah. Manakala fokus kedua iaitu kedudukan amalan yang merangkumi ibadah harian masyarakat Islam. Sehubungan dengan itu, bagi menilai status kefahaman dan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis, dibentuk set soalan yang diajukan kepada beberapa kelompok responden, dapatan tersebut akan ditentukan tahap kefahaman dan kedudukan amalan menggunakan skala tinggi, sederhana dan rendah.

2.3.1 Tahap Kefahaman

Bagi mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat Islam terhadap Aliran Sunnah Perlis satu set soalan dibangunkan berkaitan aqidah Ahlu Sunnah wal Jamaah merangkumi:

- i. Kefahaman tentang Aliran Sunnah yang diamalkan di negeri Perlis.
- ii. Pendirian berkaitan aliran sunnah yang diterima pakai di negeri Perlis
- iii. Kefahaman tentang tauhid tiga serangkai.
- iv. Kefahaman tentang tauhid *Asma wa Sifat*.
- v. Kefahaman tentang pentakwilan ayat *mutasyabihat*

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab sebelum ini terdapat tiga kolompok responden iaitu pengurusan masjid, imam masjid dan makmum masjid. Soalan dan dapatan temubual adalah seperti berikut:

Soalan 1: Apa yang anda faham tentang Aliran Sunnah yang diamalkan di negeri Perlis?

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>Peratus %</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
<i>Faham</i>	4/5	2/5	3/5	9/15	60%
<i>Tidak Faham</i>	0/5	2/5	1/5	3/15	20%
<i>Tidak Pasti</i>	1/5	1/5	1/5	3/15	20%

Jadual 2.2. Tahap Kefahaman Pengurusan Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis

Daripada jadual 2.2, bilangan responden yang memberikan jawapan faham terhadap aliran sunnah yang diamalkan di negeri Perlis mengikut kawasan parlimen P01 seramai 4 responden iaitu 80 peratus, manakala P02 seramai 2 responden iaitu 40 peratus dan P03 seramai 3 responden iaitu 60 peratus. Peratusan keseluruhan parlimen iaitu 9 responden daripada 15 responden iaitu 60 peratus. Bagi jawapan tidak faham mengikut parlimen iaitu P01 sifar responden sifar peratus, P02 seramai 2 responden 40 peratus, P03 seramai seorang responden iaitu 20 peratus dan jumlah keseluruhan bilangan dan peratusan yang tidak faham tentang aliran sunnah yang diamalkan di negeri Perlis iaitu 3 responden 20 peratus. Manakala bagi jawapan tidak pasti seramai seorang dari P01, P02 dan P03 masing-masing seorang sahaja iaitu peratus 20 peratus dan keseluruhan peratus yang tidak pasti iaitu 3 responden dari 15 responden iaitu 20 peratus.

Jadual 2.3. Tahap Kefahaman oleh Imam Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
<i>Faham</i>	2/5	4/5	4/5	10/15	67%
<i>Tidak Faham</i>	1/5	1/5	0/5	2/15	13%
<i>Tidak Pasti</i>	2/5	0/5	1/5	3/15	20%

Berdasarkan jadual 2.3 di atas, menunjukkan peratusan tertinggi dari kalangan para imam telah memahami atau faham tentang Aliran Sunnah Perlis iaitu 67% atau seramai 10 orang imam. Hal ini mungkin disebabkan para imam telah mendapat pendedahan secara formal dari pihak yang bertanggungjawab seperti JAIPs dan Jabatan Mufti Perlis. Jawapan atau respon kepada soalan temubual ini jelas bahawa para imam yang mendapat tauliah imam sangat memahami latar belakang Aliran

Sunnah Perlis. Seterusnya terdapat juga para imam yang tidak pasti untuk menjelaskan tentang Aliran Sunnah Perlis iaitu 30% atau 3 orang disebabkan tahap umur dan pendidikan. Berdasarkan dua faktor sebelum ini, para imam dapat menjelaskan berkaitan latar belakang Aliran Sunnah Perlis dengan secara umum sahaja dan apabila diminta penjelasan yang lebih daripada itu mereka menyatakan “setakat itu sahaja saya tahu”. Manakala hanya 13% atau dua orang sahaja dari kalangan para imam yang menyatakan tidak faham tentang Aliran Sunnah Perlis sekadar menyatakan secara ringkas bahawa aliran ini membawa fahaman Wahabi dan tidak terbuka ruang pemikirannya.

Jadual 2.4. Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
<i>Faham</i>	1/5	4/5	3/5	8/15	53.3%
<i>Tidak Faham</i>	1/5	0/5	1/5	2/15	13.3%
<i>Tidak Pasti</i>	3/5	1/5	1/5	5/15	33.3%

Jadual 2.4 di atas menunjukkan peratusan tertinggi adalah makmum yang faham tentang Aliran Sunnah Perlis iaitu 53.3% atau seramai 8 orang. Hal ini yang telah melalui kaedah observasi menunjukkan tahap pendidikan makmum yang ditemu bual mempunyai tahap pendidikan yang sangat baik, walaupun penduduk di kawasan kampung dan ada antara mereka tinggal di pinggir pekan. Seterusnya diikuti oleh makmum yang masih tidak pasti tentang Aliran Sunnah Perlis iaitu 33.3% atau seramai 5 orang. Hal ini merujuk kepada pendapat makmum menjelaskan bahawa “kami tidak diberikan pencerahan tentang sunnah Perlis di kawasan atau *qaryah* kami”. Manakala hanya 13.3% atau dua orang sahaja yang menyatakan dengan jelas

bahawa mereka tidak memahami apa yang di maksudkan dengan Aliran Sunnah Perlis secara mendalam. Kesimpulannya masih terdapat ruang dan peluang bagi usaha menjelaskan tentang Aliran Sunnah Perlis kepada makmum atau masyarakat setempat melalui saluran alternatif selain institusi masjid terutama medium kuliah maghrib.

Soalan 2: Apakah pendirian anda terhadap Aliran Sunnah yang diamalkan di negeri Perlis?

Jadual 2.5. Tahap Pendirian oleh Pengurusan Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Setuju	4/5	2/5	3/5	9/15	60%
Tidak setuju	0/5	2/5	1/5	3/15	20%
Tidak Pasti	1/5	1/5	1/5	3/15	20%

Jadual 2.5 menjelaskan peratusan tertinggi adalah bersetuju terhadap amalan sunnah di negeri Perlis oleh para pengurusan masjid iaitu 60% atau 9 orang. Seterusnya 20% atau tiga orang masing-masing tidak bersetuju terhadap amalan sunnah di negeri Perlis, diikuti peratusan yang sama iaitu 20% atau tiga orang menyatakan tidak pasti terhadap amalan sunnah di negeri Perlis. Kesimpulan daripada hasil dapatan melalui temubual dan peratusan ini, menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan mempengaruhi persepsi dan jawapan terhadap persoalan bersetuju, tidak bersetuju dan tidak pasti. Sebagai contoh, seorang pengurus masjid yang pernah berguru dengan tokoh aliran sunnah seperti Tuan Guru Sheikh Mohamad Noor, lebih mudah bersetuju terhadap amalan sunnah yang diamalkan di negeri Perlis.

Jadual 2.6. Tahap Pendirian oleh Imam Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Setuju	2/5	4/5	4/5	10/15	67%
Tidak setuju	1/5	1/5	0/5	2/15	13%
Tidak Pasti	2/5	0/5	1/5	3/15	20%

Jadual 2.6 menunjukkan bahawa responden keseluruhannya menyatakan bersetuju terhadap amalan aliran sunnah di negeri Perlis iaitu 67% atau 10 orang responden berbanding dengan mereka yang tidak pasti terhadap pelaksanaan amalan aliran sunnah di Perlis iaitu 20% atau tiga orang sahaja. Manakala 13% atau dua orang tidak bersetuju dengan cara atau pelaksanaan amalan sunnah di Perlis. Dapatan kajian menjelaskan bahawa masih ada imam -imam yang tidak menghiraukan keputusan dan perkeliling kerana terdapat dua faktor iaitu faktor pertama imam masih selesa dengan cara lama atau amalan aliran tradisional. Faktor kedua, pada realiti imam masih berada dalam dan tersepit di antara perkeliling dari pemerintah dan jabatan berkaitan dengan keinginan anak-anak qaryah yang telah selesa dengan amalan aliran tradisional.

Jadual 2. 7. Tahap Pendirian oleh Makmum Masjid Terhadap Aliran Sunnah Perlis

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Setuju	3/5	3/5	3/5	9/15	60%
Tidak Setuju	1/5	0/5	0/5	1/15	7%
Tidak Pasti	1/5	2/5	2/5	5/15	33%

Jadual 2.7 menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 60% atau 9 orang responden yang menyatakan pendirian bersetuju terhadap aliran sunnah yang diamalkan di negeri Perlis. Seterusnya 33% atau 5 orang yang menyatakan pendirian tidak pasti terhadap aliran sunnah yang diamal oleh pemerintah negeri Perlis. Hal ini menunjukkan bahawa medium sebaran maklumat tentang aliran sunnah Perlis, masih ada kelompangan dari sudut pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat. Manakala peratusan yang menolak atau tidak bersetuju iaitu 7% atau seorang responden dari kalangan makmum yang berpendirian tidak bersetuju terhadap amalan aliran sunnah yang diamalkan di negeri Perlis.

Soalan 3: Apa yang anda faham tentang Tauhid tiga serangkai yang diamalkan di negeri Perlis?

Jadual 2.8. Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Tauhid Tiga Serangkai

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Setuju	4/5	3/5	3/5	10/15	67%
Tidak Setuju	1/5	2/5	2/5	5/15	33%
Tidak Pasti	0/5	0/5	0/5	0/15	0%

Dapatan temubual jadual 2.8, mendapati majoriti responden bersetuju dengan pegangan tauhid tiga serangkai di kalangan pengurusan masjid. Berdasarkan jadual di atas peratusan yang bersetuju iaitu 67% atau 10 responden bersetuju dengan pegangan tauhid tiga serangkai. Melalui temu bual, responden yang bersetuju telah menjelaskan bahawa tiada halangan untuk memahami tauhid tiga serangkai kerana perbezaan hanya pada tauhid asma wal sifat dengan tauhid sifat 20 sahaja.

Seterusnya responden yang menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan pegangan tauhid tiga serangkai atau tauhid asma wal sifat iaitu 33% atau 5 orang. Tiada responden yang menyatakan pendirian tidak pasti terhadap pegangan tauhid tiga serangkai. Dalam persoalan ini, majoriti responden yang bersetuju dengan pegangan tauhid tiga serangkai akan menjadi arus perubahan yang positif.

Jadual 2.9. Tahap Kefahaman oleh Imam Masjid Terhadap Tauhid Tiga Serangkai

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Setuju	3/5	4/5	4/5	11/15	73%
Tidak Setuju	2/5	1/5	0/5	3/15	20%
Tidak Pasti	0/5	0/5	1/5	1/15	7%

Merujuk kepada jadual 2.9, jumlah responden yang bersetuju dengan pegangan tauhid tiga serangkai seperti yang difahami di negeri Perlis sebanyak 73% atau 11 orang dari keseluruhan responden. Jadual dan carta 2.10 menunjukkan bahawa 20% atau 3 orang responden tidak bersetuju dalam pegangan tauhid tiga serangkai. Manakala responden yang menyatakan pendirian tidak pasti terhadap tauhid tiga serangkai iaitu 7% atau seorang responden. Kesimpulan menunjukkan bahawa terdapat kewajaran bagi pihak seperti JAIPs dan pihak lain-lain, berusaha dengan serius dalam usaha menjamin dan memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan pegangan sebagai asas amalan harian dengan baik dan sempurna.

Jadual 2.10. Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Tauhid Tiga Serangkai

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Setuju	3/5	3/5	3/5	9/15	60%
Tidak Setuju	2/5	1/5	1/5	4/15	27%
Tidak Pasti	0/5	1/5	1/5	2/15	13%

Jadual 2.10 di atas menunjukkan peratusan tertinggi adalah responden yang bersetuju terhadap tauhid tiga serangkai iaitu 60% atau seramai 9 orang. Hal ini kerana hasil tinjauan mendapati majoriti responden dari kalangan makmum sudah memahami perbahasan mengenai tauhid tiga serangkai. Seterusnya diikuti oleh responden yang tidak bersetuju terhadap kefahaman tauhid tiga serangkai iaitu 27% atau 4 orang. Manakala hanya 13% atau hanya 2 orang sahaja yang berpendirian tidak pasti.

Soalan 4: Apakah yang anda faham tentang Tauhid Asma' wa Sifat yang diamalkan di negeri Perlis?

Jadual 2. 11. Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Tauhid Asma Wa Sifat

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Faham	3/5	2/5	3/5	8/15	53%
Tidak Faham	2/5	2/5	2/5	6/15	40%
Tidak Pasti	0/5	1/5	0/5	1/15	7%

Jadual 2.11 menjelaskan peratusan tertinggi adalah responden yang bersetuju terhadap kefahaman tauhid asma wal sifat dari kalangan pengurusan masjid dengan

peratusan tertinggi iaitu 53% atau 8 orang. Seterusnya responden yang menyatakan pendirian tidak bersetuju terhadap kefahaman asma wal sifat iaitu 40% atau 6 orang. Responden yang tidak bersetuju telah menyatakan bahawa mereka lebih selesa dengan kefahaman terhadap “Sifat 20”. Manakala bagi responden yang menyatakan pendirian tidak pasti iaitu 7% atau seorang sahaja berpendapat bahawa beliau tiada ilmu untuk membezakan antara kefahaman tauhid asma wa sifat dengan sifat 20 dan berpendirian untuk mengikut sahaja apa yang diamalkan oleh majoriti masyarakat.

Jadual 2.12. Tahap Kefahaman Imam Masjid Terhadap Tauhid Asma wal Sifat

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Faham	3/5	4/5	4/5	11/15	73%
Tidak Faham	2/5	1/5	0/5	3/15	20%
Tidak Pasti	0/5	0/5	1/5	1/15	7%

Jadual 2.12 menunjukkan bahawa majoriti responden menjelaskan pendirian untuk bersetuju terhadap kefahaman tauhid asma wa sifat seperti yang anjurkan dalam kursus dan taklimat kepada para imam masjid iaitu 73% atau 11 orang responden berbanding dengan mereka yang berpendirian tidak faham terhadap kefahaman asma wa sifat iaitu 20% atau 3 orang sahaja, faktor asas pendidikan awal membezakan latar belakang pendirian berbeza. Masih terdapat responden dari kalangan imam yang menyatakan pendirian tidak pasti dan tidak mampu untuk menentukan pendirian faham atau tidak faham iaitu 7% atau seorang sahaja.

Jadual 2.13. Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Tauhid Asma Wa Sifat

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Faham	3/5	3/5	3/5	9/15	60%
Tidak Faham	2/5	1/5	1/5	4/15	27%
Tidak Pasti	0/5	1/5	1/5	2/15	13%

Dapatan temu bual bersama makmum berkaitan kefahaman tauhid asma wa sifat, majoriti responden menyatakan faham tentang persoalan tauhid asma wa sifat iaitu 60% atau 9 orang. Manakala responden yang menyatakan pendirian tidak faham iaitu 27% atau 4 orang sahaja. Responden yang tidak pasti iaitu 13% atau 2 orang. Dapatan ini juga, menyaksikan jurang tahap kefahaman disebabkan tahap pendidikan kerana tidak ramai yang hadir ke kuliah pengajian terutama generasi 40 tahun ke bawah. Situasi tidak faham dan tidak pasti di kalangan makmum amat membimbangkan dan sangat memberikan kesan yang membimbangkan.

Soalan 5: Apakah yang anda faham tentang pentakwilan ayat mutasyabihat dan apakah perlu ditakwil?

Jadual 2.14. Tahap Kefahaman oleh Pengurusan Masjid Terhadap Ayat Mutasyabihat

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Faham	4/5	3/5	3/5	10/15	67%
Tidak Faham	0/5	1/5	2/5	3/15	20%
Tidak Pasti	1/5	1/5	0/5	2/15	13%

Jadual 2.14 menunjukkan majoriti peratusan responden menyatakan bahawa mereka memahami maksud ayat -ayat mutasyabihat iaitu 67% atau 10 orang responden berbanding dengan mereka yang masih tidak memahami maksud ayat-ayat *mutasyabihat* iaitu 20% atau 3 orang sahaja. Manakala responden yang tidak dapat menentukan status kefahaman sama ada faham atau tidak faham iaitu 13% atau 2 orang sahaja. Salah satu faktor kelemahan kefahaman di kalangan pengurusan masjid iaitu latar belakang dan tahap ilmu agama, sebaliknya pengurusan masjid berlatarbelakang pendidikan akademik.

Jadual 2. 15. Tahap Kefahaman oleh Imam Masjid Terhadap Ayat Mutasyabihat

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Faham	3/5	4/5	4/5	11/15	73.3%
Tidak Faham	1/5	1/5	0/5	2/15	13.3%
Tidak Pasti	1/5	0/5	1/5	2/15	13.3%

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa responden dari kalangan para imam masjid memahami tentang ayat *mutasyabihat* iaitu 73.3% atau 11 orang responden. Dapatan ini menunjukkan tahap pendidikan dan kefahaman berada di tahap yang sangat memuaskan. Manakala dapatan di atas juga menunjukkan peratusan yang sama iaitu 13.3% atau 2 orang responden bagi imam yang menyatakan tidak faham tentang ayat-ayat mutasyabihat. Maksud para imam ini, bukan tidak memahami maksud ayat mutasyabihat tetapi responden tidak memahami kenapa tidak boleh ditakwilkan. Responden yang menyatakan tidak pasti iaitu 13.3% atau 2 orang responden sahaja.

Jadual 2.16. Tahap Kefahaman oleh Makmum Masjid Terhadap Ayat Mutasyabihat

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Faham	3/5	3/5	3/5	9/15	60%
Tidak Faham	2/5	2/5	2/5	6/15	40%
Tidak Pasti	0/5	0/5	0/5	0/15	0%

Dapatan temubual mendapati majoriti responden dari kalangan makmum yang hadir ke masjid menyatakan bahawa responden memahami tentang ayat-ayat *mutasyabihat* iaitu 60% atau 9 orang responden. Jawapan yang diberikan oleh responden menunjukkan kemampuan dan penguasaan ilmu berkaitan ayat-ayat mutasyabihat. Terdapat juga responden yang menyatakan jawapan tidak faham iaitu 40% atau 6 orang responden, kerana asas pendidikan awal mereka ialah beraliran tradisional. Manakala responden yang tidak pasti tentang ayat-ayat mutasyabihat iaitu sifar jumlah dan peratus. Masalah berkaitan kefahaman ayat-ayat mutasyabihat di kalangan makmum dapat dimantapkan melalui pendidikan di masjid seperti kuliah dan kelas bimbingan yang terancang.

Kesimpulan tahap kefahaman masyarakat terhadap aliran sunnah di Perlis dapat dibahagikan kepada tiga kelompok utama iaitu:

Jadual 2. 17. Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Aliran Sunnah Perlis

RESPONDEN	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4	Soalan 5	PERATUSAN KESELURUHAN
Pengurusan Masjid	60 %	60 %	67 %	57 %	67%	63 %
Imam Masjid	67 %	67 %	73 %	73 %	73.3 %	70.6 %
Makmum Masjid	53.3 %	60 %	60 %	60 %	60 %	58.6 %

Dapatan temubual menunjukkan bahawa tahap kefahaman masyarakat Islam terhadap Aliran Sunnah Perlis telah berada pada kedudukan yang sederhana iaitu:

Jadual 2.18. Peratus Keseluruhan Tahap Kefahaman Masyarakat terhadap Aliran Sunnah Perlis

RESPONDEN	PERATUSAN KESELURUHAN	TAHAP KEFAHAMAN
Pengurusan Masjid	63 %	Sederhana
Imam Masjid	70.6 %	Sederhana
Makmum Masjid	58.6 %	Sederhana

2.3.2 Kedudukan Amalan

Soalan 1: Adakah anda melaksanakan qunut subuh setiap kali solat subuh?

Jadual 2.19. Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Selalu	2/5	1/5	0/5	3/15	20%
Kadang-kadang	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Tidak Laksana	3/5	4/5	5/5	12/15	80%

Dapatan temubual bersama pengurusan masjid mendapati majoriti tidak melaksanakan amalan qunut subuh berjemaah di masjid iaitu 80% atau 12 orang responden. Tindakan ini berdasarkan kepada perkililing yang diedarkan kepada pengurusan masjid untuk melaksanakan. Namun pihak pemerintah tidak melarang bagi amalan ini dilaksanakan secara individu di masjid atau di kediaman masing-

masing. Responden yang menyatakan bahawa responden selalu amalkan qunut di masjid iaitu 20% atau 3 orang responden. Manakala tiada atau sifar peratusan dan bilangan menjelaskan bahawa majoriti responden dari kalangan pengurusan masjid memahami kehendak pemerintah.

Jadual 2.20. Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Selalu	2/5	1/5	0/5	3/15	20%
Kadang-kadang	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Tidak Laksana	3/5	4/5	5/5	12/15	80%

Jadual 2.20 menunjukkan bahawa responden dari kalangan para imam masjid majoriti tidak melaksanakan amalan qunut secara berjamaah di masjid dengan peratusan 80% atau 12 orang responden berbanding dengan sebilang kecil responden yang menyatakan pendirian untuk melaksanakan amalan qunut secara kadang-kadang iaitu 20% atau 3 orang responden. Manakala tiada responden yang menyatakan amalan secara kadang-kadang.

Jadual 2.21. Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Qunut Subuh.

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Selalu	2/5	1/5	0/5	3/15	20%
Kadang-kadang	0/5	0/5	1/5	1/15	7%
Tidak Laksana	3/5	4/5	4/5	11/15	73%

Jadual 2.21 menunjukkan peratusan tertinggi dari kalangan para makmum yang menyatakan bahawa amalan qunut tidak dilaksanakan di masjid iaitu 73% atau 11 orang responden. Hasil temubual mendapati majoriti makmum menyatakan “kami laksanakan amalan dengan kefahaman dari pengajian”, hal ini juga menjadi faktor dan penyebab kenapa masyarakat boleh terima perubahan dan sebaliknya. Seterusnya diikuti oleh 20% atau 3 orang responden yang masih melaksanakan amalan qunut subuh di masjid, hal ini juga disebabkan masih ada pengurusan dan imam yang melaksanakan amalan ini di masjid seterusnya menjadi ruang dan peluang untuk para makmum memilih masjid yang mereka inginkan. Manakala responden menjelaskan kedudukan amalan secara kadang-kadang melaksanakan amalan qunut subuh di masjid iaitu 7% atau seorang responden sahaja. Responden menjelaskan bahawa “saya tak pasti dan ikut imam saja”.

Soalan 2: Adakah anda *sir basmalah* (bacaan tidak jelas) setiap kali solat maghrib, isyak dan subuh?

Jadual 2. 22. Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Sir Basmalah

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
<i>Sir</i>	4/5	4/5	5/5	13/15	86%
Kadang-kadang <i>Sir</i>	1/5	0/5	0/5	1/15	7%
Tidak <i>Sir</i>	0/5	1/5	0/5	1/15	7%

Jadual 2.22 menghimpunkan peratusan tertinggi berkaitan amalan sir atau bacaan secara sembunyi dari kalangan para pengurusan masjid iaitu 86% atau 13 orang responden, sebahagian besar dari responden ini menyatakan bahawa “saya sudah

mengamalkan sebelum arahan dikuatkuasakan”. Namun masih terdapat responden dari kalangan pengurusan masjid yang tidak bersetuju dan lebih selesa untuk tidak sir bacaan basmalah iaitu 7% atau seorang responden, responden menjelaskan kenapa tidak *sir*?. Dapatan temubual menunjukkan bahawa responden “*tidak selesa*”. Manakala baki responden iaitu 7% atau seorang sahaja menjelaskan bahawa “*saya ikut saja*”.

Jadual 2. 23. Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Sir Basmalah

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
<i>Sir</i>	4/5	4/5	5/5	13/15	86%
Kadang-kadang <i>Sir</i>	1/5	0/5	0/5	1/15	7%
Tidak <i>Sir</i>	0/5	1/5	0/5	1/15	7%

Dapatan temuabual bersama para imam masjid dalam merungkai kedudukan amalan *sir basmalah* menunjukkan peratusan majoriti iaitu 86% atau 13 orang responden bersetuju sir basmalah. Manakala dapatan dan peratusan yang sama iaitu 7% atau seorang menjelaskan untuk tidak *sir* dan kadang-kadang *sir*. Dapatan ini membuktikan bahawa para imam dapat melaksanakan arahan dan kehendak pemerintah MAIPs.

Jadual 2.24:Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Sir Basmalah

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
<i>Sir</i>	4/5	4/5	5/5	13/15	86%
Kadang-kadang <i>Sir</i>	1/5	0/5	0/5	1/15	7%
Tidak <i>Sir</i>	0/5	1/5	0/5	1/15	7%

Kedudukan amalan para makmum terhadap amalan *sir basamalah* terdapat 3 jawapan dan pendirian, majoriti para makmum menjelaskan pendirian untuk *sir basmalah* iaitu 87% atau 13 orang responden. Manakala dapatan dan peratusan yang sama iaitu 7% atau seorang menjelaskan untuk tidak *sir* dan kadang-kadang *sir*. Jika pihak pengurusan masjid dan para imam memainkan peranan yang sama iaitu mengikut kepada penyelarasan dari pihak berkuasa dan pemerintahan tertinggi negeri, hasilnya para makmum akan teracuan dengan sendiri.

Soalan 3: Adakah anda masih melaksanakan wirid secara berjamaah selepas solat fardu?

Jadual 2.25. Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Wirid Selepas Solat Secara Berjamaah di Masjid

<i>Skala</i> \ <i>Lokasi</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Selalu	1/5	0/5	0/5	1/15	7%
Kadang-kadang	0/5	1/5	0/5	1/15	7%
Tidak laksana	4/5	4/5	5/5	13/15	86%

Jadual 2.25 di atas menunjukkan peratusan tertinggi adalah kelompok pengurusan masjid yang tidak melaksanakan amalan wirid selepas solat secara berjamaah iaitu 86% atau 13 orang responden, sebahagian dari responden menjelaskan bahawa amalan ini telah dilaksanakan sebelum penguatkuasaan oleh pihak majlis dan Jabatan Agama Islam. Mereka akur dengan pekeliling atau arahan kerana difikirkan baik. Terdapat responden yang menyatakan bahawa masih selesa untuk dilaksanakan secara kadang-kadang iaitu 7% atau seorang responden. Manakala 7% atau seorang

responden sahaja yang menyatakan selalu melaksanakan amalan wirid secara berjamaah kerana amalan ini sudah sebatu dengan amalan responden sebelum ini.

Jadual 2.26. Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Wirid Selepas Solat Berjamaah di Masjid

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Selalu	1/5	0/5	0/5	1/15	7%
Kadang-kadang	0/5	1/5	0/5	1/15	7%
Tidak laksana	4/5	4/5	5/5	13/15	86%

Hasil temubual bersama para imam berkaitan amalan zikir atau wirid selepas solat secara berjamaah. Jadual dan carta 2.26 menunjukkan terdapat kelompok terbesar atau majoriti responden yang tidak melaksanakan amalan wirid secara berjamaah iaitu 86% atau 13 orang responden. Terdapat responden yang menyatakan bahawa amalan wirid secara berjamaah dilaksanakan skala kadang-kadang iaitu 7% atau seorang responden sahaja. Manakala baki responden iaitu 7% atau seorang responden sahaja menyatakan selalu melaksanakan wirid secara berjamaah.

Jadual 2. 27. Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Wirid Selepas Solat Berjamaah di Masjid

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Selalu	1/5	0/5	0/5	1/15	7%
Kadang-kadang	0/5	1/5	0/5	1/15	7%
Tidak laksana	4/5	4/5	5/5	13/15	86%

Dapatan temubual bersama para makmum, didapati peratusan tertinggi yang menyatakan bahawa responden tidak melaksanakan wirid selepas solat berjamaah iaitu 86% atau 13 orang responden. Seterusnya diikuti dengan responden yang menyatakan bahawa amalan wirid secara berjamaah dilakukan berskala kadang-kadang iaitu 7% atau seorang responden sahaja. Manakala selebihnya responden iaitu 7% atau seorang responden sahaja, telah menyatakan bahawa responden selalu melaksana amalan wirid secara berjamaah.

Soalan 4: Adakah anda dan masyarakat setempat masih melaksanakan amalan talkin kematian?

Jadual 2.28. Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Talkin Kematian

<i>Skala</i>	<i>Lokasi</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
		<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Selalu		0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Kadang-kadang		1/5	0/5	1/5	2/15	23%
Tidak laksana		4/5	5/5	4/5	13/15	77%

Jadual 2.28 di atas menjelaskan responden terhadap kedudukan amalan talkin kematian di kalangan pengurusan masjid. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pengurusan masjid tidak melaksanakan amalan talkin di tanah perkuburan sebaliknya melaksanakan tazkirah kematian iaitu 77% atau 13 orang responden. Seterusnya terdapat responden yang melakukan talkin secara kadang-kadang iaitu 23% atau 2 orang, hal ini berlaku apabila masyarakat atau kaum kerabat meminta secara peribadi kepada pengurusan masjid, berkata sebahagian pengurusan masjid “*saya laksanakan dan tidak mewakili institusi masjid*”. manakala responden yang menyatakan selalu

laksanakan iaitu sifat bilangan dan peratusan responden, hal ini menunjukkan tahap pendidikan dan kedudukan amalan talkin semakin difahami dengan baik.

Jadual 2.29. Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Talkin Kematian

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Selalu	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Kadang-kadang	1/5	1/5	2/5	4/15	27%
Tidak laksana	4/5	4/5	3/5	11/15	73%

Jadual 2.29 dapatan daripada temubual bersama para imam masjid berkaitan amalan talkin kematian, didapati peratusan tertinggi yang menyatakan bahawa responden tidak melaksanakan amalan talkin kematian sebaliknya melaksanakan tazkirah iaitu 73% atau 11 orang responden. Seterusnya terdapat responden yang menyatakan amalan talkin ini diamalkan secara kadang-kadang iaitu 27% atau 4 orang responden. Hal ini dilaksanakan atas dasar menjaga hubungan kerabat sahaja “*saya terhimpit antara jawatan dengan hajat kaum kerabat*”. Manakala tiada responden atau sifar yang melaksanakan talkin secara selalu, hal ini membuktikan bahawa tahap kefahaman para imam menepati kehendak dan penyelarasan amalan tazkirah kematian yang fungsi sebagai peringatan kepada yang hidup khususnya.

Jadual 2.30. Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Talkin Kematian

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Selalu	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Kadang-kadang	1/5	1/5	3/5	5/15	33%
Tidak laksana	4/5	4/5	2/5	10/15	67%

Jadual 2.30 di atas menunjukkan terdapat peratusan tertinggi responden-responden dari kalangan para makmum yang menyatakan bahawa amalan talkin tidak dilaksanakan di tempat mereka iaitu 67% atau 10 orang responden. Seterusnya terdapat baki responden yang menjelaskan kedudukan amalan talkin dilaksanakan secara kadang-kadang iaitu 33% atau 5 orang responden. Tiada responden yang memilih untuk melaksanakan amalan talkin secara selalu iaitu 0% atau sifar responden

Soalan 5: Adakah anda dan masyarakat setempat masih melaksanakan amalan tahlil arwah di masjid atau di rumah?

Jadual 2. 31. Kedudukan Amalan oleh Pengurusan Masjid Terhadap Amalan Tahlil Arwah di Rumah Atau Masjid

<i>Lokasi</i> <i>Skala</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
Dilaksana di rumah dan tidak dilaksana di masjid	3/5	3/5	2/5	8/15	53%
Dilaksana di masjid sahaja	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Tidak laksana di masjid dan rumah	2/5	2/5	3/5	7/15	47%

Jadual 2.31 menunjukkan dapatan kajian berkaitan kedudukan amalan tahlil arwah di rumah atau di masjid. Daripada soalan temubual yang telah dilaksanakan, didapati responden memberikan jawapan amalan tahlil arwah tidak dilaksanakan di masjid tetapi dilaksanakan di rumah dan peratusan majoriti iaitu 53% atau 8 orang responden, hal ini berlaku kerana sebahagian para pengurusan ingin menjaga institusi masjid berpandukan kepada pekeliling pihak yang berautoriti. Terdapat juga responden yang tidak melaksanakan di masjid dan rumah iaitu 47% atau 7 orang responden. Manakala baki responden yang menyatakan amalan tahlil dilaksanakan di masjid iaitu sifat peratusan dan bilangan responden.

Jadual 2.32. Kedudukan Amalan oleh Imam Masjid Terhadap Amalan Tahlil Arwah di Rumah Atau Masjid

<i>Skala</i>	<i>Lokasi</i>	<i>Parlimen</i>			<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
		<i>P01</i>	<i>P02</i>	<i>P03</i>		
	Dilaksana di rumah dan tidak dilaksana di masjid	4/5	3/5	2/5	9/15	60%
	Dilaksana di masjid sahaja	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
	Tidak laksana di masjid dan rumah	1/5	2/5	3/5	6/15	40%

Berdasarkan Jadual 2.32 menunjukkan peratusan tertinggi 60% atau 9 orang responden menyatakan bahawa amalan tahlil arwah dilaksanakan di rumah dan tidak dilaksanakan di masjid. Sebahagian para imam tidak melaksanakan di masjid, setelah menerima edarkan dan penyelarasan etika amalan di masjid namun masyarakat masih berhajat untuk para imam melaksanakan di rumah mereka atas jemputan secara peribadi. Terdapat responden yang menyatakan pendirian untuk tidak melaksanakan amalan tahlil arwah di masjid dan rumah kerana bagi mereka hal itu

tiada nas yang kuat iaitu 40% atau 6 orang responden. Manakala responden yang menjelaskan tiada amalan tahlil di masjid, walaupun ada pihak waris mohon untuk melaksanakan di masjid, hal ini ditolak oleh para imam dengan penerangan dan berhikmah, dapatan menunjukkan sifar peratusan dan bilangan responden yang melaksanakan amalan tahlil di masjid sahaja.

Jadual 2.33. Kedudukan Amalan oleh Makmum Masjid Terhadap Amalan Tahlil Arwah di Rumah Atau Masjid

Lokasi Skala	Parlimen			Jumlah	%
	P01	P02	P03		
Dilaksana di rumah dan tidak dilaksana di masjid	4/5	5/5	2/5	11/15	73%
Dilaksana di masjid sahaja	0/5	0/5	0/5	0/15	0%
Tidak laksana di masjid dan rumah	1/5	0/5	3/5	4/15	27%

Jadual 2.33 menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 73% atau 11 orang responden bersetuju melaksanakan amalan tahlil di rumah dan bukan di masjid. Seterusnya terdapat responden yang menyatakan untuk tidak laksanakan di masjid dan rumah iaitu 27% atau 4 orang responden. Manakala tiada responden yang bersetuju untuk melaksanakan amalan tahlil di masjid sahaja iaitu sifar peratusan dan bilangan responden.

Jadual 2. 34. Peratusan Kecenderungan masyarakat Islam Tahap Amalan Sunnah di Perlis

Responden	Soalan 6	Soalan 7	Soalan 8	Soalan 9	Soalan 10	Peratus keseluruhan
Pengurusan Masjid	80 %	86 %	86 %	77 %	47%	75 %
Imam Masjid	80 %	86 %	86 %	73 %	40 %	73 %
Makmum Masjid	73 %	86 %	86 %	67 %	27 %	67.8 %

Dapatan temubual menunjukkan bahawa kedudukan amalan masyarakat Islam terhadap Aliran Sunnah Perlis telah berada kedudukan yang sederhana iaitu:

Jadual 2.35. Kedudukan Amalan terhadap Aliran Sunnah Perlis

RESPONDEN	PERATUSAN KESELURUHAN	KEDUDUKAN AMALAN
Pengurusan Masjid	75 %	Sederhana
Imam Masjid	73 %	Sederhana
Makmum Masjid	67.8 %	Sederhana

2.4 Kesimpulan

Kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis merupakan teras kepada tali hayat aliran sunnah di Perlis khususnya. Kesimpulannya, masih terdapat ruang dan peluang kepada semua pihak yang berautoriti seperti MAIPs, JAIPs dan JMNP's untuk merangka pelan strategik, bagi memastikan kelangsungan agenda Aliran Sunnah Perlis dapat mencapai peratusan tahap tinggi di masa depan. Berdasarkan dapatan temubual menunjukkan bahawa kedudukan amalan masyarakat Islam terhadap Aliran Sunnah Perlis telah berada kedudukan yang sederhana iaitu:

Jadual 2.36: Peratusan keseluruhan Tahap Kefahaman dan Kedudukan Amalan Masyarakat Islam di Perlis Tahadap Aliran Sunnah Perlis.

Responden	Tahap Kefahaman	Tahap Capaian	Kedudukan Amalan	Tahap Capaian
pengurusan Masjid	63 %	Sederhana	75 %	Sederhana
Imam Masjid	70.6 %	Sederhana	73 %	Sederhana
Makmum Masjid	58.6 %	Sederhana	67.8 %	Sederhana
Peratus keseluruhan	64%	Sederhana	71.9%	Sederhana

Dalam masa yang sama, terdapat perbezaan yang ketara antara kelompok responden atau pihak pelaksana dasar dari sudut kefahaman dan amalan terutama di kalangan makmum masjid yang rata-rata tidak mampu untuk memberikan respon dari sudut ilmu sebaliknya “saya ikut saja dan saya tidak pasti”.

Secara asasnya terdapat dapatan kajian, menunjukkan peratusan keseluruhan capaian tahap kefahaman dan amalan, bagi tiga kelompok responden iaitu pengurusan masjid, imam dan makmum berada pada peratusan tahap kefahaman iaitu 64% dan 71.9% amalan yang serasi dengan Aliran Sunnah Perlis. Oleh itu, terdapat peningkatan peratusan tahap amalan antara tahun kajian 2005 iaitu 50 %, manakala 2019 iaitu 71.9%, menunjukkan peningkatan sebanyak 21.9%, namun tahap capaian masih kekal sama iaitu berada di tahap sederhana. Manakala terdapat penurunan peratusan capaian bagi tahap kefahaman antara tahun 1991 iaitu 76.5%, manakala tahun 2019 iaitu 64%, perbezaan peratusan tahap kefahaman iaitu 12.5%, capaian peratusan masih sama iaitu berada pada tahap sederhana.

Sehubungan itu, jurang kefahaman dan amalan antara pengurusan dan imam masjid dengan makmum masjid dapat dirapatkan dengan usaha pemantapan kefahaman dan amalan melalui mekanisme baharu seperti ilmu yang lebih mudah dan anjal serta mengambil kira peranan teknologi media sesama. Realiti remaja dan pemuda dalam masyarakat sangat bergantung kepada media penyiaran sebagai asas rujukkan kefahaman dan amalan harian mereka. Sebaliknya remaja dan pemuda sangat jauh hati terhadap aktiviti ilmu di masjid seperti kuliah ilmu dan sebagainya.



BAB KETIGA

USAHA PELAKSANAAN SEDIA ADA TERHADAP ALIRAN SUNNAH DI NEGERI PERLIS

3.1 Pendahuluan

Semua usaha pelaksanaan sedia ada adalah melibatkan empat institusi terpenting yang berkaitan dengan urusan pentadbiran agama Islam di negeri Perlis, iaitu Istana Negeri Perlis, MAIPs, JAIPs dan JMNPs.

3.1.1 Istana Negeri Perlis

a. Latar belakang

Menurut Mohd Radhi Othman & O.K Rahmat (1996) salah satu sendi kekuatan Ahlu Sunnah Perlis ialah sokongan dan dokongan daripada pihak Institusi Istana Negeri Perlis sebagai payung rasmi bagi agama Islam di Perlis. DYMM Tuanku Raja Perlis merupakan payung negeri dalam memastikan serta mendaulatkan kedudukan agama Islam dan sekaligus menaungi kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan sekalian rakyat jelata. Sejarah penglibatan Istana telah bermula sejak tahun 1920, semasa di era pemerintahan Siam dan Inggeris di Perlis. Sehubungan itu, semua perkara yang berhubungkait dengan hal ehwal agama Islam ditadbir oleh Raja Pemerintah yang diangkat darjat sebagai Ketua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. DYMM Tuanku Al-Marhum Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Saffi Jamalulail telah menubuhkan Majlis Agama Islam Perlis telah ditubuh pada tahun 1920. Dari tahun 2000 hingga kini mencatatkan kegemilangan pentadbiran hal-

ehwal Islam di bawah pemerintahan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Agenda dan tindakan utama Baginda iaitu mengambil berat berkaitan urusan hal-ehwal Islam Perlis supaya selaras dengan manhaj Ahlu Sunnah wal- Jamaah dari sudut kefahaman dan amalan (Portal Rasmi DiRaja, 2017).

b. Usaha Pelaksanaan Sedia ada

Pihak Institusi Istana terlibat secara langsung dalam memastikan agenda agama Islam berlangsung dengan sepatutnya. Sehubungan itu, keterlibatan pihak Istana Negeri dapat dilihat melalui beberapa peruntukan yang ada dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis:

i. Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis

Menurut Ahmad Yusof Amin (2016) pada 26 Mac 1959 dengan terkanunnya ideologi Islah menjadi sebahagian asas di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis dan Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, sekaligus memantapkan kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis iaitu:

¹Perkara 17, menetapkan bahawa seorang Raja yang akan dilantik di Perlis, hendaklah beragama Islam yang beraliran “Ahli Sunnah Wal-Jamaah”. Demikian juga untuk melantik seorang Pemangku Raja atau Jamaah Pemangku Raja, hendaklah juga beraliran “Ahli Sunnah Wal-Jamaah”. (Perkara 3:1). Dalam menetapkan syarat waris DiRaja, dia hendaklah juga beraliran “Ahli Sunnah Wal-Jamaah”(Perkara 27).

¹ Perkara 17 yang dijelaskan oleh Ahmad Yusof Amin sebenarnya merujuk kepada Perkara 19 dan Perkara 27 merujuk kepada Perkara 29. Rujukan Undang-undang Tubuh Negeri Perlis.

Menurut Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis 1948 dalam bahagian dua dan syeksen lima dan enam telah menetapkan dasar berkaitan agama negeri dan Istana:

Bahagian II: Agama Negeri:

5.(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1959, (Pindaan 1974), halaman 4: “Agama bagi negeri ialah agama Islam Ahlus Sunnah Wal Jama’ah seperti telah diamalkan di dalam negeri”

(2) Agama lain boleh diamalkan oleh orang yang memelukinya di mana-mana tempat pun di dalam Negeri akan tetapi mereka hendaklah mengamalkan dengan aman.

i. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis

Bedasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963, dilihat signifikan peranan Istana dalam memastikan dasar Majlis dan Jawatankuasa Syariah bertepatan dengan Ahlu Sunnah wal Jamaah. Peruntukan seperti berikut:

Perkara 7(4) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis Tahun 1963, halaman 5: *“Tatkala Majlis mengeluarkan suatu fatwa dan jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya di bawah ceraian (2) maka hendaklah badan itu mengikut Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Tetapi sekiranya pendapat atau alasan-alasan itu berlawanan dengan faedah umum, maka majlis dan jawatankuasa Syariah hendaklah mempersembahkan fatwa dan pendapat itu kepada Raja pemerintah untuk mendapatkan keputusan. (5) Pada mengeluarkan suatu fatwa di bawah fasal ini Majlis hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu yang terpakai dalam Negeri Perlis”*

ii. Amanat Tuanku DYMM Raja Perlis

Peranan pihak institusi dapat dilihat lebih jelas melalui “Tujuh Amanat Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail”, amanat ini telah diterbitkan oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis secara rasmi pada 20 april tahun 2017 sekaligus menzahirkan usaha yang diwujudkan bagi memastikan kefahaman dan amalan masyarakat Islam sejajar dengan agenda Aliran Sunnah Perlis, antara Amanat Tuanku DYMM Raja Perlis:

Pertama: Semua teraju utama Negeri Perlis, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Exco-exco, Penasihat Undang-Undang dan selainya hendaklah benar-benar memahami pegangan Ahlu Sunnah wal Jamaah yang dipegang di dalam negeri Perlis ini seperti yang telah dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis. Hal ini bukan sekadar memahami beberapa perkara fekah sahaja, tetapi memahami bahawa pegangan Perlis ialah semua amalan agama hendaklah berdasarkan dalil yang sahih daripada Al-Quran dan Al-Sunnah. Pegangan Perlis dalam amalan agama adalah tidak taksub kepada mana-mana mazhab fekah, tetapi sentiasa berusaha menepati Al-Quran dan Al-Sunnah. Dalam amalan agama, makahendaklah Nabi SAW itu sentiasa menjadi rujukan utama mengatasi pendapat mana-mana tokoh.

Kedua: Semua jentera pentadbiran di dalam Negari Perlis hendaklah berusaha mengukuh dan memperteguhkan pegangan Ahlus Sunnah wal Jamaah seperti yang menjadi pegangan di dalam negeri Perlis. Hendaklah semua yang bertugas dan berada di dalam negeri Perlis diberikan kefahaman yang jelas tentang pegangan Perlis. Sama ada mereka ingin mengamalkan ataupun tidak secara peribadi, itu terpulang kepada setiap individu. Namun, mereka hendaklah diberikan kefahaman yang jelas tentang pegangan Perlis di dalam hal ehwal agama.

Ketiga: Anak-anak di negeri Perlis hendaklah mewarisi kefahaman yang jelas tentang Ahlus Sunnah wal Jamaah yang dipegang dan diamalkan di dalam negeri ini. Mereka merupakan pewaris kita. Usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan hal ini hendaklah dipertingkatkan. Maka, sukatan pengajian agama di peringkat awal (sekolah) hendaklah selaras dengan pegangan Perlis ini.

Keempat: Agensi agama di dalam Perlis paling bertanggungjawab dalam soal menegakkan pegangan Perlis ini. Jangan sampai berulang di mana agensi agama Islam tidak berpegang dan menegaskan pegangan Ahlu Sunnah wal Jamaah Perlis.


Kelima: Politik kepartian yang memecah belahkan rakyat hendaklah tidak dibawa ke dalam masjid dan pentadbiran agama. Masjid dan institusi agama hendaklah bebas daripada politik kepartian yang memecah belahkan umat Islam. Politik kepartian sering merosakkan kekuatan umat Islam.

Keenam: Para pendakwah di dalam negeri Perlis hendaklah mengelakkan diri daripada terlibat dengan politik kepartian dalam pengajaran mereka. Ini kerana penglibatan mereka akan menyebabkan penyampaian mereka akan bersifat berat sebelah ataupun tidak telus.

Ketujuh: Pegangan Islam di dalam negeri Perlis hendaklah harmoni untuk semua pihak, tanpa mengira bangsa dan agama Islam yang diajar di dalam negeri Perlis hendaklah bersifat universal yang kebaikan dan rahmatnya merangkumi semua kaum dan agama. Pendekatan Islam yang diajar kepada anak-anak di sekolah dan rakyat jelata hendaklah bebas dari unsur perkauman dan permusuhan di antara rakyat disebabkan perbezaan kaum dan agama semata.

Cabaran Bagi mengatur langkah untuk memelihara dan keutuhan Aliran Sunnah Perlis sebagai satu pegangan khususnya masyarakat Islam di Perlis, maka institusi

Istana wajar meneliti tahap cabaran semasa yang dihadapi. Hasil dari itu menjadi dasar dan seterusnya terbentuk mekanisme pemantapan terhadap cabaran tersebut. Cabaran Istana terhadap peranan pemimpin dan pemerintah Kerajaan Negeri Perlis dalam usaha penyelarasan dan pelaksanaan dasar-dasar aliran ini. Sejarah perkembangan Aliran Sunnah Perlis, telah melalui pelbagai fasa perubahan dan cabaran terhadap tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat tempatan. Peranan Istana juga sebagai payung kedaulatan agama dan dasar-dasar yang berkaitan aliran ini. Cabaran pertama, Istana dalam memastikan kemampuan pihak pelaksana dalam menyampaikan dasar-dasar ini kepada masyarakat Islam tempatan. Kedua, menilai perkembangan tahap penerimaan dan menangani konflik yang timbul di sebabkan pertembungan tahap kefahaman dan amalan aliran ini dengan aliran tradisional yang masih sebatik dalam pegangan sebahagian masyarakat Islam tempatan.



3.1.2 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)

a. Latar belakang

Menurut portal rasmi MAIPs (2020) menjelaskan bahawa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), telah ditubuhkan pada 1 Februari 1948, setelah Perlis menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Januari 1948. Sebelum itu, hal ehwal agama Islam ditadbir oleh DYMM Tuanku Al-Marhum Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Saffi Jamalullail.

Menurut peruntukan di dalam Syeksen 4, Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Perlis menyatakan: “Maka hendaklah ada suatu bernama “Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis” untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu”. Menurut Hazman Hassan (2014), Hal ini bertepatan dengan kedudukan MAIPs sebagai badan berautoriti yang bertanggungjawab membentuk dan merangka mekanisme pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat tempatan. penubuhan MAIPs adalah selari dengan perkenan DYMM Tuanku Al-Marhum Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis ke-6 yang telah mengurniakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis pada tanggal 1 Februari 1948.

Dasar dan perancangan MAIPs dibentuk kerangkanya berdasarkan kepada visi MAIPs iaitu, penaraju pentadbiran hal ehwal Islam yang disegani dan disayangi serta menaungi ummah gemilang menjelang 2025. Manakala misi MAIPs iaitu memastikan kelangsungan kesejahteraan ummah melalui pengurusan hal ehwal Islam yang telus dan efektif berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Objektif MAIPs, antaranya:


“Objektif kedua iaitu melaksanakan agenda dakwah Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah”

“Objektif ke empat iaitu memantapkan pentadbiran undang-undang Islam ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam”.

b. Usaha Pelaksanaan sedia ada

Usaha pelaksanaan kerja MAIPs mempunyai tiga subsidiari iaitu KUIPs, One Center Malaysia dan Akademik Transformasi Asnaf MAIPs Sdn Bhd. Dalam kajian ini, penumpuan diberikan kepada dua subsidiari iaitu KUIPs dan One Center Malaysia sebagai mewakili usaha pelaksanaan sedia ada dalam usaha pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di Perlis.

Rajah 3. 1. Subsidiari MAIPs



i. Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), merupakan salah satu usaha melalui skop pendidikan yang mampu memantapkan tahap kefahaman dan amalan khususnya kepada para mahasiswa dan mahasisiwi dan umumnya kepada masyarakat di negeri Perlis bagi memahami aliran sunnah yang diamalkan di negeri Perlis.

KUIPs telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) yang dinaungi oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail. Penubuhan KUIPs telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta. KUIPs ditubuhkan pada 17 Jun 2013 di Blok S1,

Kompleks Desa Siswa, Sg. Chuchuh, dengan pengambilan pertama pada 15 Mei 2014 membabitkan seramai 61 pelajar terdiri daripada dua program pengajian iaitu Asasi Muamalah dan Diploma Perbankan Islam. Kampus baharu Sehingga April 2022 beroperasi di Kuala Perlis, terdapat lebih 20 program pengajian yang ditawarkan di peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Falsafah (PHD) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi. Manakala perancangan jangka panjang untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Lestari yang menekankan konsep “*Sustainable Education*” dan “*University Community Responsibility*”. Moto KUIPs iaitu syumul, taqwa dan dinamik. Manakala Misi KUIPs iaitu Institusi pendidikan yang mengintegrasikan dan menyebarkan ilmu dan kefahaman berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah ke arah melahirkan Insan bermodal minda kelas pertama yang menyumbang kepada melahirkan peradaban ummah. Visi KUIPs pula ialah unggul sebagai institusi pendidikan berdaya saing di peringkat global.

KUIPs menyediakan program pengajian Islam yang mengintegrasikan konsep tradisional dan kontemporari dalam pelbagai bidang yang diiktiraf oleh kerajaan, Badan Akreditasi dan Badan-Badan Profesional serta memenuhi keperluan industri. Memastikan para pelajar dapat menamatkan sesi pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dengan kelulusan cemerlang iaitu setelah menyempurnakan syarat pengajian serta memiliki nilai kemanusiaan berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah (Temubual bersama Khalilullah Amin Ahmad. 2019). Antara usaha pemantapan kefahaman dan amalan ialah:

Menurut portal rasmi Fakulti Al-Quran dan Sunnah KUIPs (2021) Visi fakulti iaitu mewujudkan pendidikan tinggi berteraskan penerapan pengetahuan dan pemahaman Al-Quran dan Sunnah yang mampan. Misi fakulti fokus untuk melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman Quran dan Sunnah yang mempamerkan personiliti unggul muslim serta menjadi teladan dalam pembentukan sahsiah ummah. Manakala objektif fakulti iaitu melahirkan siswazah yang berkemampuan untuk memahami dan mengambil hukum dari sumbernya yang asal iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Kedua, membentuk siswazah yang mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap pemikiran Islam di bidang akidah, syariah dan akhlak yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Selain itu juga siswazah juga dapat memahami perkembangan pemikiran semasa. Ketiga, hasrat untuk melahirkan tenaga manusia yang dapat melaksanakan tugas dengan sempurna dalam masyarakat terutama dalam bidang pengajian Al-Quran dan As-Sunnah seperti guru, penyelidik dan pegawai. Senarai program yang ditawarkan iaitu :

- i. Diploma Al-Quran Wal Qira'at (MQA/PA 13046) N/221/4/0247
- ii. Ijazah Sarjana Muda Bahasa Al-Quran dan Sunnah dengan Kepujian (MQA/PA13048) N/224/6/0102
- iii. Ijazah Sarjana Muda Hadis dengan kepujian (MQA/PA 14233) N/221/4/0165

Fakulti ini juga, bertanggungjawab dalam membangunkan kurikulum pendidikan tinggi (Al-Quran) dalam bidang Pengajian Islam, Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan Al-Quran serta menawarkan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran berkualiti yang menepati kehendak mahasiswa, pihak-pihak berkepentingan, ummah dan pasaran. FPI juga dipertanggungjawabkan menyediakan dan memastikan 80% kurikulum pengajian Islam, Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan Al-Quran

berteraskan Al-Quran dan Sunnah. Visi FSI, menjadi institusi akademik berteraskan Islam terkemuka di peringkat antarabangsa yang menawarkan gabungan program pengajian Islam tradisional dan kontemporari. Misi FSI iaitu menghasilkan pelajar yang berpengetahuan dan berkompeten dalam pemangkin ke arah pembangunan dan pemodenan negara. Senarai program FSI:


- i. Asasi Pengajian Islam MQA/FA 6032 (R/010/3/0365)
- ii. Diploma Pengajian Islam MQA/FA 4858 (R/221/4/0168)
- iii. Diploma Syariah MQA/FA 4859 (R/221/4/0165)
- iv. Diploma Bahasa Arab MQA/PA 9534 (N/224/4/0084)
- v. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) MQA/PA 7412 (N/221/6/0183)

Cabaran besar dalam usaha pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan mahasisiwa dan mahasisiwi KUIPs kerana memiliki latar belakang yang berbeza. Namun dapatan menunjukkan bahawa sejumlah besar daripada kalangan mereka yang layak menyambung pengajian di KUIPs adalah daripada latar belakang Sekolah Agama Swasta, Sekolah Menengah Agama Kebangsaan (SMKA) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Antara cabaran terbesar adalah rata-rata kalangan mereka masih belum memahami sunnah seperti mana yang diamalkan di Perlis dan kurang penguasaan bahasa Arab untuk memahami apa yang dipelajari dalam bilik-bilik kuliah samada secara *face to face* atau tutorial dan *online learning*. Ini menyebabkan tempoh masa untuk mereka mengaplikasi sunnah sepenuhnya adalah panjang. Sebahagian besar kalangan pelajar yang mudah memahami dan mengaplikasi sunnah di Perlis kerana para pensyarah sentiasa memberikan input dan melibatkan diri dalam program pembangunan rohani dan aktiviti keagamaan

samada melalui kuliah dhuha mingguan dan sistem halaqah antara murabbi dan pelajar.

Selain itu, masyarakat sekeliling memberikan persepsi awal kepada pelajar tentang pengajian di KUIPs atas sebab KUIPs di bawah naungan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Pengerusi Ahli Lembaga Pengurus (ALP) KUIPs Sdn. Bhd. disandang oleh Mufti Kerajaan Negeri Perlis sendiri. Namun demikian, para pelajar sering melibatkan diri di dalam program khidmat masyarakat di sekitar kampus KUIPs bagi menerapkan nilai-nilai kepentingan mengaplikasikan sunnah dalam kehidupan. Ini sedikit sebanyak memberikan ruang dan peluang kepada pelajar untuk merasai dan menyampaikan dakwah sunnah kepada masyarakat sekeliling. Cadangan bagi memantapkan lagi kefahaman sunnah, dalam kalangan warga KUIPs dan masyarakat adalah dengan mengadakan seminar sunnah secara berperingkat. Selain itu, para pensyarah perlu melibatkan diri dalam berbakti kepada masyarakat dalam menyampaikan kuliah maghrib dan subuh di masjid-masjid. Para pelajar juga disarankan melibatkan diri dengan melatih diri menjadi pegawai masjid seperti imam, bilal dan siak. Para pelajar juga boleh mengadakan kelas Al-Quran kepada pelajar sekolah sekitar negeri Perlis di samping menerangkan kepada mereka akan kepentingan berpegang kepada sunnah. Dicapangkan juga agar Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis agar sentiasa memberi ruang dengan melibatkan diri dalam penyediaan slot wacana di kampus KUIPs (Temubual bersama Khalilullah Amin Ahmad. 2019).

Rajah 3. 2. Cadangan Aktiviti KUIPs kepada Massa



ii. One Center Malaysia Perlis (OCMPs)


One Center Malaysia Perlis (OCMPs), merupakan organisasi ini bernaung di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sejak 2017. Visi OCMPs menjadi peneraju agama Islam secara harmoni dan terunggul di rantau Asia.

OCMPs juga berperanan dalam mempertahankan, menyubur, membawa serta menyampaikan mesej yang baik berkaitan agama Islam. Usaha ini diperkukuhkan dengan misi yang jelas iaitu melahirkan pendakwah yang ikhlas menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam melalui kaedah yang efektif, kreatif, inovatif serta kritis demi membina jaringan dan kerjasama yang utuh dalam mencapai maqasid dakwah berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah.

One Center Malaysia Perlis (OCMPs) sebagai inisiatif sedia ada bagi perkasakan tahap kefahaman dan kedudukan amalan iaitu membetulkan sebarang salah faham masyarakat terhadap Islam, selain itu memperkenalkan Islam yang sebenar kepada masyarakat bukan Islam. Usaha ini telah mendapat dokungan bersama MAIPS,

JAIPs dan Jabatan Mufti Perlis, sepanjang tahun 2017 sehingga 2018 OCMPs telah mencapai kejayaan iaitu 144 program telah dilaksanakan dengan jaya. Antara program yang dilaksanakan seperti dialog harmoni, aktiviti belia remaja, street dakwah, siri jelajah dakwah, kembara rumah ibadah, ziarah muallaf dan pelbagai aktiviti dakwah lain.

Rajah3.3. Strategi Dakwah Massa One Center Malaysia Perlis (OCMPs)



3.1.3 Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP)

a. Latar belakang

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis merupakan salah satu badan kerajaan yang dipertanggungjawabkan secara khusus dalam mengkaji dan memberikan pandangan fatwa kepada Kerajaan Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis bagi setiap permasalahan dan persoalan yang memerlukan kepada fatwa selain memberikan pandangan dan khidmat nasihat kepada masyarakat di dalam setiap perkara yang berkaitan penetapan hukum syarak.

Menurut temubual bersama Ustaz Wafiq Desa, Jabatan Mufti Perlis (15 Oktober 2019), latar belakang Jabatan Mufti Negeri Perlis pada peringkat awalnya merupakan salah satu bahagian daripada Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs). Ia juga dikenali sebagai bahagian fatwa. Namun pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awan (JPA) telah mengeluarkan satu surat pekeliling mengenai pengasingan bahagian fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia. Maka tertubuhlah Jabatan Mufti Negeri Perlis diketuai oleh Sahibus Samahah Mufti sebagai ketua Jabatan. Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNPs) melaksanakan dasar dan agenda kerajaan negeri Perlis. Jabatan Mufti Negeri Perlis terletak di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Bidang kuasa Jabatan Mufti Negeri Perlis, diperuntukkan oleh Seksyen 45 iaitu bidang kuasa yang berhubungan dengan perkara-perkara Hukum Syarak. Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis Tahun 2006 yang menegaskan:

“Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Perlis selepas Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini”).


b. Usaha Pelaksanaan sedia ada

i. Penyiaran Studio Isnad

Studio Isnad merupakan salah satu usaha penyiaran dan dalam usaha memantapkan kefahaman dan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis. Sekaligus menjadi medium penyiaran kepada seluruh masyarakat Islam.

Studio Isnad menurut Ustaz Wafiq Desa (2019) melalui temubual menjelaskan bahawa cetusan idea penubuhan studio Isnad ini dicetus oleh SS Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Bin Zainal Abidin. Manakala pada 18 Mei 2016 penubuhan Studio Isnad di bawah Jabatan Mufti Perlis telah mewujudkan studio rakaman khusus, sebagai medium siaran dakwah dan menjelaskan isu-isu yang menyentuh umat Islam yang disebarkan melalui laman sesawang social. Sehubungan itu, menurut Mufti Perlis SS Dato' Arif Perkasa Prof Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin (2016), menjelaskan bahawa penubuhan studio tersebut juga untuk mengekang penyebaran maklumat dari sumber tidak jelas termasuk hadis-hadis palsu dan masalah umat Islam melalui pelbagai platform.

Rajah 3.4. Jawatankuasa ISNAD Perlis




Rajah di atas, menunjukkan bahawa Institusi Sunnah dan Irsyad (ISNAD) merupakan suatu unit melaksanakan program keagamaan di negeri Perlis. Program-program yang dianjurkan adalah tertumpu kepada jabatan-jabatan kerajaan negeri dan persekutuan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS), program kewanitaan dan kemasyarakatan. Bagi membekalkan kekuatan dan pemantapan dalam ilmu pengetahuan, diwujudkan unit kecil di bawah ISNAD iaitu Center of Sunnah bagi menjayakan ceramah-ceramah serta pengajian ilmu Islam yang

dianjurkan oleh pihak JMNP (Temubual bersama Ustaz Mohammad Wafiq Desa 2022). Terdapat peranan utama ISNAD dalam memantapkan kefahaman umat Islam, antaranya:

- a. Memberikan penerangan berkaitan fatwa dan permasalahan hukum hakam.
- b. Mendedahkan pemahaman berkaitan As-Sunnah kepada masyarakat Islam Perlis secara khususnya dan Malaysia umumnya.
- c. Medium penyebaran maklumat berkaitan aktiviti dan perancangan yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Rajah 3.5. Strategi ISNAD



Mekanisme pemantapan ini menekankan kepada dua aktiviti utama, iaitu:

- i. Rakaman program pendek dari penceramah dari Jabatan Mufti Perlis atau penceramah luar.
- ii. Menyediakan dan membuat liputan berkaitan keputusan fatwa, permasalahan hukum, soal jawab agama khususnya berkaitan fiqh Ibadah.

Jadual 3.1. Aktiviti ISNAD dan Mubaligh JMNP

Tajuk	Artikal	Dikunjungi
Program Akademik Imam 7 Tahun 2020	Ditulis oleh Editor JMNP	39
Tazkirah Dhuha Bersama RISDA Kangar	Ditulis oleh Editor JMNP	28
Kursus Pengurusan Jenazah Wanita Masjid Negeri Perlis	Ditulis oleh Editor JMNP	42
Kuliah Dhuha Tahsin Tilawah dan Tafsir Juz Amma Surau Kg Balik Guar	Ditulis oleh Editor JMNP	30
Kursus Pengurusan Jenazah di ROS	Ditulis oleh Editor JMNP	37
Jadual Pengajian Bertalaqqi	Ditulis oleh Editor JMNP	25
Kelas Tahsin Tilawah dan Tafsir Juz Amma Surau Kg. Balik Guar	Ditulis oleh Editor JMNP	31
Kursus Pengurusan Jenazah Wanita (teori & Praktikal)	Ditulis oleh Editor JMNP	43
Kuliah Dhuha Kem Askar Wataniah 504	Ditulis oleh Editor JMNP	28
Kuliah Dhuha Tahsin Tilawah dan Tafsir Juz Amma	Ditulis oleh Editor JMNP	26
Kelas Tahsin Tilawah dan Tafsir Juz Amma	Ditulis oleh Editor JMNP	63

Usaha memandaikan ummah merupakan satu cabaran yang besar yang dilaksanakan melalui media massa atau secara *online* merupakan usaha dan cara terbaik, namun masih terdapat beberapa kekangan daripada masyarakat terutama antaranya berkaitan kemahiran dan ilmu teknologi. Dalam temubual bersama pengurusan masjid di zon P02, (5 November 2018), responden secara keseluruhan menyatakan beberapa isu berkaitan usaha penyiaran ISNAD, antaranya:

- i. Tidak semua masyarakat Islam di negeri ini dapat mengakses laman sesawang dan melayari rancangan dan aktiviti Studio Isnad.
- ii. Studio Isnad yang kurang kreatif dan menarik dari sudut rakaman dan tontonan yang rendah iaitu tidak melebihi 1 ribu penonton bagi setiap rakaman.
- iii. Studio perlu kepada tenaga yang mahir dan kreatif terutama bidang penyiaran agar mutu persembahan menarik dan berkualiti tinggi.


3.1.4 Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs)

a. Latar belakang

Jabatan Hal Ehwal Islam Perlis (JAIPs) ditubuhkan sebagai jentera Kerajaan Negeri Perlis, berfungsi dalam membantu melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh MAIPs dengan lebih fokus dan berkesan.

JAIPs juga berfungsi sebagai pelaksana bagi setiap dasar yang ditetapkan terutama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja dan MAIPs sebagai punca kuasa pemutus kepada dasar-dasar dari masa ke semasa. Manakala pada dasar tanggungjawab JAIPs terdapat tujuh bahagian yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal agama Islam bagi negeri Perlis, bahagian-bahagian tersebut ialah:

Rajah 3.6. Skop dan Peranan Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs)



Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perlis

Berdasarkan rajah di atas, pemilihan dua dari tujuh skop JAIPs iaitu, dakwah dan pendidikan dalam usaha melengkapkan dan menjawab persoalan kajian berkaitan usaha dan bentuk pelaksanaan sedia ada dalam memantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis.

i. Pendidikan

Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) merupakan salah satu usaha dalam kerangka pemantapan Aliran Sunnah Perlis dari sudut pendidikan kepada masyarakat pelajar sekolah rendah di negeri Perlis.

Operasi SAPPs telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2018, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), Jabatan Mufti Negeri Perlis dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNNs) telah melaksanakan projek rintis Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs), MAIPs di 15 buah sekolah premis seluruh Negeri Perlis (Temubual bersama Ustaz Ahmad Hafiz Ahmad, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, 2019).

SAPPs di bawah MAIPs merupakan inspirasi bagi menyambut titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dalam tujuh (7) amanat yang ketiga (3) iaitu:

“Anak – Anak di Negeri Perlis hendaklah mewarisi kefahaman yang jelas tentang Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang dipegang dan diamalkan di dalam negeri ini. Mereka merupakan pewaris kita. Usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan hal ini hendaklah dipertingkatkan. Maka, sukatan pengajian agama di peringkat awal (sekolah) hendaklah selaras dengan pegangan Perlis ini”

Kurikulum SAPPs ini telah dicadangkan operasinya pada setiap hari Jumaat di waktu sesi petang. Lokasi telah dipilih mengikut taburan parlimen di seluruh negeri Perlis. 60 buah sekolah / premis telah dipilih bagi operasi kurikulum baharu ini. Murid tahun satu bagi tahun pengajian 2019 akan menjadi perintis kurikulum SAPPs.

Skop yang diterapkan dalam kurikulum (SAPPs) MAIPS merangkumi bidang akidah, ibadah dan akhlak. Murid-murid didedahkan dengan ilmu-ilmu Islam dari sumber yang muktabar iaitu daripada Al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Sehubungan itu, panel penggubal dasar kurikulum baharu, telah merujuk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988, Bahagian V; Nazir Sekolah Islam.

“17. Majlis boleh melantik beberapa orang Nazir Sekolah Islam yang diperlukan yang tugas –tugasnya hendaklah termasuk:

- (a) Untuk menjalankan dari semasa ke semasa pemeriksaan ke atas sekolah – sekolah Islam tentang pengajaran kurikulum yang dibenarkan, penggunaan buku – buku teks, guru –guru yang diambil bekerja dan pematuhan yang wajar akan Enakmen ini dan kaedah – kaedah yang dibuat di bawahnya atau arahan –arahan Pendaftar.*
- (b) Untuk menjalankan penyiasatan ke atas mana – mana sekolah Islam berhubung dengan apa–apa perkara yang dibenarkan oleh Pendaftar.*
- (c) Untuk memeriksa akaun – akaun Sekolah Islam dan*
- (d) Untuk melaporkan apa–apa perkara luar, aturan dan untuk membuat apa–apa cadangan yang diperlukan kepada Pendaftar.*

Kurikulum SAPPs telah digubal oleh panel pakar yang berpengalaman dan menjadi hakcipta MAIPs akan digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran SAPPs, MAIPs di seluruh Negeri Perlis dan sumber (Temubual bersama ustaz Hafiz bin Jaafar, Timbalan Pengarah JAIPs, 2018) rujukan bagi silibus SAPPs dan lokasi operasinya disediakan oleh Bahagian Pendidikan JAIPs, seperti berikut:

i. Silibus Akidah

Jadual 3.2. Kurikulum SAPPs Tahun Satu

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akidah
1	1	Pengertian Akidah
	2	Perkara yang wajib Diketahui Oleh Seseorang Muslim
	3	Mengenal Allah SWT
	4	Mengenal Agama Islam
	5	Mengenal Nabi

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.3. Kurikulum SAPPs Tahun Dua

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akidah
2	1	Rukun Iman dan Dalilnya
	2	Beriman kepada Allah
	3	Beriman kepada Malaikat
	4	Beriman Kepada Rasul

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.4. Kurikulum SAPPs Tahun Tiga

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akidah
3	1	Beriman kepada Kitab
	2	Beriman kepada Al-Quran
	3	Beriman kepada Hari Akhirat

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.5. Kurikulum SAPPs Tahun Empat

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akidah
4	1	Kematian
	2	Alam Barzakh
	3	Azab dan Nikmat Kubur
	4	Syurga dan Penghuninya
	5	Neraka dan Penghuninya

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.6. Kurikulum SAPPs Tahun Lima

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akidah
5	1	Iman kepada Qadha dan Qadar
	2	Syahadatain
	3	Menyakini Keesaan Allah SWT
	4	Beribadah hanya kepada Allah
	5	Nama dan sifat Allah SWT

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.7. Kurikulum SAPPs Tahun Enam

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akidah
6	1	Syirik
	2	Kufur
	3	Nifaa

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

ii. **Silibus Ibadah**

Jadual 3.8. Kurikulum SAPPs Tahun Satu

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Ibadah
1	1	Ibadah
	2	Taharah

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3. 9. Kurikulum SAPPs Tahun Dua

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Ibadah
2	1	Najis
	2	Istinjak
	3	Wuduk

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.10. Kurikulum SAPPs Tahun Tiga

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Ibadah
3	1	Tayamum
	2	Hadas
	3	Mandi Wajib dan Sunat

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.11. Kurikulum SAPPs Tahun Empat

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Ibadah
4	1	Azan dan Iqamah
	2	Solat
	3	Solat Jumaat

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.12. Kurikulum SAPPs Tahun Lima

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Ibadah
5	1	Solat Musafir
	2	Solat Ketika Sakit
	3	Solat Jenazah
	4	Puasa

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.13. Kurikulum SAPPs Tahun Enam

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Ibadah
6	1	Zakat
	2	Umrah
	3	Haji

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

iii. Silibus Akhlak

Jadual 3.14. Kurikulum SAPPs Tahun Satu

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akhlak
1	1	Pengertian Akhlak
	2	Akhlak Terhadap Diri Sendiri
	3	Akhlak Terhadap Ibu Bapa

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.15. Kurikulum SAPPs Tahun Dua

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akhlak
2	1	Akhlak Terhadap Keluarga
	2	Akhlak Terhadap Guru
	3	Akhlak Terhadap Rakan

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.16. Kurikulum SAPPs Tahun Tiga

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akhlak
3	1	Akhlak Terhadap Allah SWT
	2	Akhlak Terhadap Rasulullah SAW

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.17. Kurikulum SAPPs Tahun Empat

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akhlak
4	1	Akhlak Terhadap Masyarakat
	2	Akhlak Terhadap Orang Yang Lebih Berusia
	3	Akhlak Terhadap Orang Lebih Muda
	4	Akhlak Terhadap Jiran
	5	Akhlak Terhadap Tetamu
	6	Hikmah Berakhlak Terhadap Masyarakat

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.18. Kurikulum SAPPs Tahun Lima

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akhlak
5	1	Akhlak Terhadap Orang Yang Lebih Memerlukan
	2	Cara Berakhlak Terhadap Golongan Memerlukan
	3	Akhibat Tidak Berakhlak Terhadap Golongan Yang Memerlukan
	4	Faedah Berakhlak Terhadap Golongan Yang Memerlukan

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Jadual 3.19. Kurikulum SAPPs Tahun Enam

Tahun	Bab	Tajuk-Tajuk Berkaitan Akhlak
6	1	Akhlak Terhadap Pemimpin
	2	Akhlak Terhadap Alam Sekitar
	3	Akhlak Terhadap Kemudahan Awam

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Lokasi pelaksanaan SAPPs, MAIPs adalah seperti berikut:

i. Sekolah/Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Padang Besar (P01)

Jadual 3.20. Taburan Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Padang Besar (P01)

Dewan Undangan Negeri (DUN)	Sekolah/Premis SAPPs, MAIPs
N1. Titi Tinggi	Sek. Keb. Padang Besar (U)
	Sek. Keb. Felda Rimba Mas
	Sek. Keb. Felda Mata Ayer
	Sek. Keb. Titi Tinggi
N2. Beseri	Sek. Keb. Guar Jentik
	Sek. Keb. Seri Tunjong
	Sek. Keb. Lubuk Sireh
	Sek. Keb. Beseri
N3. Chuping	Sek. Keb. Guar Nangka
	Sek. Keb. Chuping
	Sek. Keb. LKTP Chuping
	Sek. Ren. Islam III, Felda Chuping
	Sek. Keb. Batu Bertangkup
	Sek. Keb. Bukit Keteri
	Sek. Keb. Panggas

N4. Mata Ayer	Sek. Keb. Dato' Kayaman
	Sek. Keb. Oran
N5. Santan	Sek. Keb. Santan
	Sek. Keb. Paya
	Sek. Keb. Padang Melangit

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

ii. Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Kangar (P02)

Jadual 3.21. Taburan Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Kangar (P02)

Dewan Undangan Negeri (DUN)	Sekolah / Premis SAPPs, MAIPs
N6. Bintong	Sek. Keb. Padang Kota
	Sek. Ren. Keb. Stella Maris
	Sek. Keb. Behor Empiang
	Sek. Keb. Abi
	Sek. Keb. Bintong
N7. Sena	Sek. Keb. Kampung Salang
	Sek. Keb. Sena
	Sek. Keb. Jejawi
	Sek. Keb. IPGM, Padang Behor
N8. Indera Kayangan	Sek. Keb. Dato' Wan Ahmad
	Sek. Keb. Seri Indera

	Sek. Keb. Putra
	Sek. Keb. Jalan Raja Syed Alwi
	Sek. Keb. Seri Perlis
N9. Kuala Perlis	Sek. Keb. Seberang Ramai
	Sek. Keb. Kuala Perlis
	Sek. Keb. Padang Besar (S)
N10. Kayang	Sek. Keb. Titi Tok Bandar
	Sek. Keb. Kayang
	Sek. Keb. Panggau

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

iii. Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Arau (P03)

Jadual 3.22. Taburan Sekolah / Premis SAPPs MAIPs Kawasan Parlimen Arau (P03)

Dewan Undangan Negeri (DUN)	Sekolah / Premis SAPPs, MAIPs
N11. Pauh	Sek. Tengku Budriah
	Sek. Keb. Pauh
N12. Tambun Tulang	Sek. Keb. Tambun Tulang
	Sek. Keb. Utan Aji
	Sek. Keb. Kubang Gajah
	Sek. Keb. Long Boh
	Sek. Keb. Ujong Batu

N13. Guar Sanji	Se. Keb. Kampung Serdang
	Sek. Keb. Arau
	Sek. Keb. Jelempek
	Sek. Keb. Changkat Jawi
	Sek. Keb. Raja (P) Budriah, Chemumar
N14. Simpang Empat	Sek. Keb. Simpang Empat
	Sek (A) Al-Islahiyah Rendah (SAIR)
	Sek. Keb. Sungai Baru
	Sek. Keb. Sungai Berembang
	Sek. Keb. Bohor Mali
N15. Sanglang	Sek. Keb. Sanglang
	Sek. Keb. Dato' Ahmad Musa
	Sek. Keb. Padang Keria

Sumber: Bahagian Pendidikan JAIPs

Sumber tenaga manusia Seorang (1) Ketua Penyelia dan empat (4) orang Penyelia SAPPs, MAIPs yang telah dilantik pada tahun 2018 perlu disambung kontrak mereka bagi menjayakan SAPPs, MAIPs ini.

Tenaga pengajar atau guru perlu dilantik bagi menjayakan SAPPs, MAIPs ini. Cadangan guru SAPPs, MAIPs ini adalah terdiri daripada dua (2) orang guru SAPPs, MAIPs bagi setiap satu (1) sekolah / premis yang dipilih menjadikan bilangan mereka sebanyak 120 orang Guru SAPPs, MAIPs di seluruh negeri Perlis pada tahun 2019.

Bagi menghargai sumbangan yang diberikan, saguhati sebanyak RM100.00 sebulan akan diberikan kepada 60 orang Penyelaras atau Guru Besar sekolah dan pengerusi premis yang melaksanakan SAPPs, MAIPs di sekolah / premis di bawah kelolaan mereka.

Buku teks dan buku latihan SAPPs, MAIPs kepada pelajar juga diperlukan bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran di SAPPs, MAIPs. Keperluan Bahan Bantu Mengajar (BBM) perlu disediakan kepada guru SAPPs, MAIPs bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan.

Bagi peningkatan kompetensi guru SAPPs, MAIPs, peruntukan untuk mengadakan bengkel, program, latihan, taklimat dan kursus perlu disalurkan bagi menjaga kualiti SAPPs, MAIPs yang akan dilaksanakan. Bagi meneruskan pelaksanaan SAPPs, MAIPs pada tahun 2020, peruntukan untuk mengadakan bengkel yang melibatkan penyediaan Buku Teks dan Buku Latihan SAPPs, MAIPs perlu disalurkan. Antara bengkel yang berkaitan adalah seperti Bengkel Penyediaan Draf Buku Teks dan Buku Latihan, Bengkel *Proof* Muka Surat (PMS), Bengkel Naskah Sedia Kemera (NSK) dan Bengkel Penyediaan Naskah Contoh (PNC) bagi SAPPs, MAIPs ini.

ii. Masjid

Dalam bahagian ini, satu lagi inisiatif sedia ada oleh JAIPs iaitu bahagian dakwah melalui institusi masjid sebagai pusat atau *center* masyarakat Islam. Objektif inisiatif ini sebahagian dari usaha untuk memantapkan tahap kefahaman atau dan kedudukan

amalan harian yang lebih luas dan mudah serta tidak terikat dengan satu-satu *qaul* muktamad.

Menurut Nik Daud Raja Hussein, Mohd Helmi Abd Rahim & Rosmawati Mohammad Rasit (2014), Institusi masjid merupakan medium *dakwah* atau seruan dan *tarbiyah* atau pendidikan untuk masyarakat Islam. Medium ini bersifat anjal dan mudah serta memberikan impak yang sangat kuat dan berkesan dalam memantapkan kefahaman dan amalan masyarakat Islam khususnya di negeri Perlis. Menurut Nik Daud Raja Hussein, Mohd Helmi Abd Rahim & Rosmawati Mohammad Rasit (2014), menjelaskan bahawa institusi masjid merupakan sebuah pusat atau institusi penting dan utama sebagai mekanisme dakwah kepada masyarakat.

Peranan masjid merupakan usaha JAIPs dalam memantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam Perlis. Dapatan kajian dalam bab dua, membuktikan bahawa institusi masjid merupakan mekanisme sedia ada yang berfungsi sebagai institusi yang melaksana sebahagian besar agenda pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan atau ibadah harian masyarakat Islam di Perlis. Institusi masjid merupakan institusi yang diiktiraf oleh pemerintah tertinggi negeri Perlis, MAIPs, JAIPs dan Jabatan Mufti Perlis sebagai jambatan dan medium pelaksana dasar dan agenda Aliran Sunnah Perlis dengan lebih baik dan sempurna. Sehubungan dengan itu, institusi masjid di negeri Perlis, sangat menampakkan hasil yang memuaskan dan bersifat mesra masyarakat, khususnya dalam melaksanakan program pengajian dan khidmat masyarakat. Menurut temubual bersama Imam 2 Masjid Solehuddin Al-Ayubi di Parlimen Padang Besar, beliau menjelaskan bahawa

peranan institusi masjid sangat besar dalam mendidik anak-anak *qaryah* dalam ilmu agama atau *ilmu syara'* dan ilmu semasa atau *ilmu waqie'*. Beliau menambah lagi dengan menjelaskan bahawa ilmu agama dilaksanakan secara kelas mingguan seperti kuliah maghrib, subuh, dhuha, kelas tahsin qiraah Al-Quran, tafsir surah pilihan, pengajian hadis, kelas khas fiqh wanita dan banyak lagi. Manakala program agama secara bulanan seperti kuliah bersama Dato' Mufti Perlis dalam program "Semarak Dakwah dan Imarah Masjid", terdapat kelas pengurusan dan latihan secara berkala seperti kursus pengurusan jenazah, latihan dan kursus ibadah haji dan banyak lagi (Temubual bersama Imam Mustaqim Azhar. (2018). Pengurusan Imam di masjid Sallahuddin Al Ayubi Parlimen Padang Besar).

Institusi masjid merupakan institusi rasmi yang diiktiraf oleh MAIPs, JAIPs dan Jabatan Mufti Perlis dalam melaksanakan dasar dan agenda Aliran Sunnah Perlis, sepertimana termaktub dalam Enakmen Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis. Program yang berskala mega seperti Perkampungan Sunnah yang sudah memasuki siri ke 7 bagi pada 10 hingga 12 April 2020, juga dilaksanakan di Masjid Syed Alwi, Kangar, hal ini menunjukkan institusi masjid masih relevan dan dekat di hati masyarakat Islam khususnya di negeri Perlis.

Cabaran pengurusan masjid dalam usaha memaksimumkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat sejajar dengan agenda Aliran Sunnah Perlis. Berdasarkan analisis dari bab dua, menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat sangat berkait rapat dengan tahap kemampuan, daya usaha dan bentuk pelaksanaan pengurusan institusi masjid terhadap agenda utama

dalam memertabatkan tahap kefahaman yang memuaskan dan amalan yang benar. Sehubungan itu, jika pengurusan masjid mempunyai perancangan dan pendekatan yang bersifat anjal dan mudah, secara tidak langsung akan meletakkan masjid menjadi usaha yang paling dekat dengan kefahaman dan amalan masyarakat umumnya, dan juga sebaliknya. Menurut temubual bersama Imam 1 Ustaz Mohd Sufian Muda (2018) beliau menjelaskan bahawa terdapat beberapa isu institusi masjid sebagai mekanisme pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam wajar diteliti dengan proaktif dan beliau menambah dengan menyatakan bahawa:

Isu pertama: “...peranan masjid belum mencapai tahap yang memuaskan, hal ini merujuk kepada jumlah kehadiran makmum pada waktu solat maghrib dan isya dan perbandingan solat jumaat secara purata iaitu 60:700. Isu ini bukan baharu terutama golongan muda yang agak membimbangkan apabila yang hadir ke kuliah majoriti mereka yang berusia antara 50 tahun dan ke atas” (Temubual bersama Ustaz Mohd Sufian Muda Imam 1 Masjid Darul Ibadah, Behor Pulau, 20 November 2018).

Isu kedua: Melalui temubual bersama pengurusan masjid dan para imam pada 2018, pengkaji mendapati bahawa sebahagian pengurusan masjid belum menunjukkan prestasi yang baik disebabkan beberapa faktor yang ketara, iaitu sebahagian pengurusan yang tidak akur dan tidak bersedia melaksanakan arahan dan pekeliling dari JAIPs. Ini sekaligus memberikan kesan yang negatif terhadap usaha pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat. Isu ini disokong oleh pernyataan Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman (2004), menjelaskan

bahawa sebarang peranan dan keupayaan yang dilaksanakan oleh institusi masjid akan terganggu jika beberapa elemen diabaikan, antara elemen yang perlu disokong dan ditambahbaik seperti keperluan sumber manusia yang mahir dalam pengurusan dan pentadbiran, bantuan kewangan dalam mengurus aktiviti dan elaun tenaga kerja dan latihan kecekapan pengurusan pentadbiran terhadap kegiatan dan agenda pemantapan kefahaman dan amalan masyarakat Islam menurut kehendak dan kesempurnaan Islam. Isu mekanisme ini wajar dimantapkan sebelum pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat, menurut Mohd Mohadis (1997) berkaitan institusi masjid mendapati antara punca atau kelompongan yang wajar dilihat dan diberi keutamaan untuk penambahbaikan kepada institusi masjid sebagai dakwah masyarakat antaranya, ketiadaan perancangan dan penyelarasan yang menyeluruh disebabkan kelemahan dalam pelaksanaan peraturan dan kawalan terutama dalam hal garis panduan melantik pegawai dan kakitangan masjid yang berkebolehan sehingga dapat menimbulkan masalah kepada pengurusan yang tidak dapat menaikkan imej, status masjid, aktiviti yang lesu dan tidak dapat memakmurkan masjid. Pengurusan baikpulih bangunan yang hambar dan kemudahan yang terhad menyebabkan institusi masjid kurang sambutan. Sehubungan dengan kelemahan pengurusan masjid juga membawa kepada ketidak menjadian institusi masjid sebagai agen perubah dan dakwah masyarakat yang sempurna dan menarik (Mohd Mohadis Hj. Yasin. 1997).

Kegagalan penambahbaikan mekanisme sedia ada akan mengagalkan objektif pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan, menurut Khairul Anwar (1996) menjelaskan impak dan implikasi daripada kegagalan dan ketidakupayaan kakitangan masjid yang dilantik akan menimbulkan masalah dan merencatkan kepada perancangan aktiviti dakwah masjid yang lesu, tidak berhikmah dan tidak

pelbagai, pengurusan yang terlibat dalam membawa fahaman politik yang melampau juga menjauhkan sasaran masjid sebagai institusi memantapkan kefahaman dan amalan masyarakat terhadap Islam yang tidak terhad kepada fahaman politik, malah ada di kalangan kakitangan dan pengurusan masjid yang tidak menjadi *role model* kepada masyarakat juga menyumbang kepada implikasi negatif kepada institusi masjid sebagai medan dakwah masyarakat (Khairul Anwar Ahmad, 1996).

Isu ketiga: Institusi masjid kurang daya upaya kreatif dan proaktif dan hanya bergantung kepada peranan asas yang diperuntukkan sahaja. Menurut temubual bersama Pak Su (2018), menjelaskan bahawa:

“kebanyakan aktiviti di masjid bergantung kepada kuliah maghrib sebagai contoh, bagi saya tidak memadai untuk memberikan kefahaman dan memperelokkan amalan terutama mereka yang jarang-jarang dan tidak hadir ke masjid. (Temubual bersama “Pak Teh” pengurusan Masjid Nurul Huda FELDA Chuping, 9 November 2019).

Menurut Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman (2004), Namun begitu tidak dinafikan terdapat juga pelbagai tanggapan yang kurang enak didengar tentang pengurusan aktiviti masjid yang dianggap tidak menarik. Hasil kajian menunjukkan capaian 90 peratus masjid telah berjaya menganjurkan aktiviti-aktiviti kepada masyarakat dan hasil ini perlu kepada kesinambungan usaha memperkasakan atau *check and balance* dalam usaha untuk memantapkan institusi masjid sebagai medan dakwah kepada masyarakat (Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman

(2004). Dalam temubual dan observasi kajian ini juga menyokong penyataan di atas bahawa kedudukan dan peranan masjid sebagai tempat melaksanakan ibadah fardhu dan amalan berkaitan ibadah solat sahaja, manakala urusan kemasyarakatan yang lain diaktifkan di luar masjid antaranya kegiatan masyarakat berkaitan rukun tetangga diaktifkan di dewan orang ramai dan kelas KAFA, sedangkan majoriti masyarakat tempatan beragama Islam (Imam Mustaqim, 2018).

Isu keempat: surau menjadi alternatif kepada institusi masjid dalam melaksanakan ibadah harian dan pusat pengajian masyarakat Islam. Namun institusi surau menjadi cabaran kepada Aliran Sunnah Perlis untuk terus berkembang dan subur kerana fungsinya agak kontra dengan peranan dan penyelarasan di peringkat masjid. Amalan di surau rata-rata tidak mengikut pekeliling dan penyelarasan yang dikeluarkan oleh JAIPs. Hal ini menjadi pilihan bagi para makmum, untuk berpindah dari masjid ke surau yang berhampiran atau lebih jauh dari masjid qaryahnya. Menurut temubual bersama seorang imam di P02 (N08) telah menyatakan bahawa:

“...ramai anak qaryah kami, tidak hadir ke masjid dengan alasan ingin bertukar angin, iaitu berpindah tempat atau masjid, ini disebabkan pihak masjid menerima arahan beramal dengan amalan Aliran Sunnah Perlis sedangkan para makmum sudah sebat dengan amalan secara tradisional” (Temubual bersama pengurusan masjid di zon P02, 5 November 2018).

3.2 Kesimpulan

Aliran Sunnah Perlis merupakan landasan rasmi bagi kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis. Sehubungan dengan itu, segala usaha dan bentuk pelaksanaan diterapkan dalam usaha memantapkan tahap kefahaman dan amalan harian masyarakat Islam. Manakala secara umumnya, segala usaha dan bentuk pelaksanaan ini, merangkumi seluruh perancangan, usaha sama dan peranan dari pihak-pihak berautoriti seperti Istana Negeri Perlis, MAIPs, JMNPps dan JAIPs. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa usaha dan bentuk pelaksanaan yang sedia ada wajar diberikan fokus dan ditambah nilai dengan mengambil kira beberapa usaha dan bentuk pelaksanaan yang lebih sesuai antaranya, pendidikan, dakwah kepada masyarakat dan penyiaran yang bersifat mudah dan anjal serta mesra teknologi maklumat. Seterusnya, pada bab keempat usaha dan bentuk pelaksanaan beberapa usaha baharu bagi memastikan agenda pemantapan tahap kefahaman dan amalan dapat diterjemahkan dengan tepat di masa depan.

BAB EMPAT

MEKANISME BAHARU KEARAH PEMANTAPAN TAHAP KEFAHAMAN DAN AMALAN SUNNAH DI PERLIS

4.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan kesinambungan daripada bab tiga yang mengetengahkan mekanisme baharu. Pada bahagian ini, merupakan perbincangan tentang mekanisme baharu berkaitan pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam negeri Perlis.


4.2 Mekanisme Baharu

Mekanisme baharu ini, memberikan manfaat dan nafas baharu kepada usaha pelaksanaan dan bentuk pelaksanaan sedia ada kepada masyarakat yang bersifat anjal dan mudah. Dalam kerangka mekanisme baharu ini, dibahagikan kepada dua bahagian mekanisme iaitu aspek dakwah dan mekanisme ini membabitkan dua inisiatif baharu iaitu Pusat Dakwah Perlis dan Radio Sunnah Perlis, kedua-dua inisiatif baharu ini menjadi mata rantai dalam memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam.

Inisiatif-inisiatif melalui aspek pendidikan iaitu pertama penubuhan Sekolah Aliran Sunnah Perlis, sekaligus membawa dasar dan pelaksanaan pendidikan pada usia lebih awal serta menjayakan agenda Aliran Sunnah Perlis secara langsung melalui aspek pendidikan. Inisiatif kedua iaitu Sekolah Angkat Sunnah Perlis merupakan inisiatif

jangka masa segera. Penyediaan tenaga kerja melalui pemilihan guru-guru yang selari dengan kefahaman Aliran Sunnah Perlis diberikan keutamaan sebagai pendidik. Manakala dari sudut kos pula, sekolah angkat dapat menjimatkan masa untuk membina keperluan prasarana seperti bangunan sekolah dan asrama sebaliknya penjimatan itu dapat diberikan kepada keutamaan baikpulih prasarana sedia ada. Inisiatif ketiga iaitu Modul Tarbiyah Keluarga merupakan satu usaha untuk meningkatkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan terutama kepada anak-anak secara khusus dan umumnya kepada pembinaan kefahaman dan amalan yang baik dan sempurna terhadap ibubapa dan penjaga.

Rajah 4.1. Mekanisme dan Inisiatif Baharu Pemantapan Aliran Sunnah Perlis




4.2.1 Mekanisme Dakwah

Mekanisme dakwah merupakan pintu masuk kepada masyarakat dalam memastikan tahap kefahaman dan kedudukan amalan terhadap Aliran Sunnah Perlis terus berada di landasan yang tepat. Melalui mekanisme ini, terdapat dua inisiatif baharu dalam memastikan matlamat dan objektif pemantapan tahap kefahaman dan amalan masyarakat dicapai.

a. Pusat Dakwah Perlis

Pusat Dakwah Perlis, merupakan inisiatif pelaksanaan bagi mekanisme baharu dari aspek dakwah. Pusat ini juga dibangunkan secara berpusat dan seterusnya mewakili tiga Parlimen di negeri Perlis iaitu Parlimen Padang Besar (PO1), Parlimen Kangar (PO2) dan Parlimen Arau (PO3). Latar belakang inisiatif ini direka bentuk membabitkan tiga bahagian iaitu dakwah yang merangkumi agensi seperti masjid sedia ada, Studio ISNAD dan unit penerangan fatwa atau *Dar Ifta*". Kedua berkaitan pendidikan iaitu membabitkan perpustakaan, Galeri Sunnah Perlis dan pusat latihan ICT. Ketiga berkaitan sosio ekonomi iaitu membabitkan Hub Halal dan ekonomi masyarakat Islam di Perlis khususnya.

Rajah 4.2. Kerangka Pusat Dakwah Perlis



b. Objektif

Pusat Dakwah Perlis, mempunyai objektif khusus untuk memantapkan tahap kefahaman iaitu aqidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah, ke arah mencapai matlamat yang lebih tepat melalui inisiatif secara anjal dan mudah. Pusat dakwah ini, diletak di bawah bidang kuasa dan dukungan dari pihak seperti: MAIPs, JAIPs, Jabatan Mufti Negeri Perlis dan sokongan dari semua NGO Islam di negeri Perlis. Objektif Pusat Dakwah Perlis, antaranya:

- i. Menjadi pemangkin kepada manhaj Ahlu Sunnah wal Jamaah yang mendukung Aliran Sunnah Perlis.

- ii. Memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam Perlis khususnya dalam ibadah harian berpandukan Al-Quran dan Sunnah Nabawiyah.
- iii. Menjadikan sebagai pusat sehenti untuk memudahkan perkhidmatan dakwah dan tarbiyah kepada masyarakat tempatan melalui pendekatan yang lebih anjal dan mudah.

c. Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan Pusat Dakwah Perlis, dilaksanakan secara mesra pelanggan, anjal dan mudah dalam memberikan perkhidmatan serta bantuan segera kepada masyarakat Islam di Perlis. Pusat Dakwah ini juga direka bentuk membabitkan tiga bahagian iaitu dakwah, pendidikan dan ekonomi masyarakat Islam di Perlis:

i. Dakwah

Bahagian pertama iaitu skop dakwah yang membabitkan usaha pemantapan melalui masjid yang sedia ada dan juga berperanan sebagai teras pembangunan kefahaman dan amalan masyarakat Islam. Kedua, Unit Penerangan Fatwa kepada komuniti, unit ini berperanan sebagai pemudah cara dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat yang membabitkan permasalahan semasa berkaitan hukum-hakam dan aqidah. Ketiga Studio ISNAD, peranan studio ini lebih memberikan tumpuan kepada komuniti yang membabitkan usaha memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan melalui medium penyiaran.

ii. Pendidikan

Bahagian kedua iaitu yang membabitkan skop pendidikan yang menjadi kerangka Pusat Dakwah Perlis, melalui beberapa inisiatif antaranya, pertama Mini Perpustakaan yang berperanan sebagai gedung ilmu bagi memantapkan kefahaman masyarakat Islam setempat. Kedua Galeri Sunnah Perlis, galeri ini berfungsi sebagai tempat rujuk latar belakang, sejarah, cabaran dan peranan Aliran Sunnah Perlis khususnya dan Ahlu Sunnnah wal Jamaah termasuk mazhab-mazhab fiqh secara umumnya. Ketiga Pusat Latihan ICT, pusat ini memberikan ruang dan peluang kepada masyarakat untuk memperkasakan ilmu dan kemahiran ICT dan sekaligus dapat memertabatkan masyarakat dengan ilmu teknologi maklumat yang terkini.

iii. Ekonomi

Pusat Dakwah Perlis juga berperanan sebagai inisiatif pembangunan dan pemantapan sosio ekonomi masyarakat Islam di Perlis terutama yang membabitkan HUB HALAL. Pusat ini juga menyediakan asas pengetahuan dan latihan industri kecil dan sederhana (IKS). Tidak kurang dari itu, pusat ini juga berperanan sebagai pusat jualan hasil ekonomi masyarakat.

Secara asasnya, inisiatif baharu ini juga mengambil idea dari Program Strategi Lautan Biru iaitu Urban Tranformasi Center (UTC). Strategi dan operasi UTC telah berjaya menggabungkan fungsi dan peranan beberapa agensi kerajaan dan swasta, sehingga urusan yang dahulunya susah dan kini menjadi lebih mudah dan teratur. Justeru itu penubuhan Pusat Dakwah Perlis juga berperanan sebagai pusat sehenti atau

one stop center kepada masyarakat. Situasi semasa sangat sesuai dan bertepatan sebagai inisiatif kepada mekanisme dakwah baharu kepada masyarakat Islam tempatan di Perlis masa kini.

d. Manfaat Pelaksanaan

Manfaat atau pulangan penubuhan Pusat Komuniti Sunnah Perlis ini kepada masyarakat tempatan bersifat jangka masa semasa dan panjang, antara manfaat kepada masyarakat seperti berikut:

- i. Pusat Komuniti Sunnah Perlis menjadi tempat rujukan masyarakat dalam menyelesaikan permasalahan sesama melalui pusat rujukan fatwa komuniti atau *Dar Ifta'*.
- ii. Perkembangan ilmu dan pembangunan minda masyarakat yang berkaitan agama Islam dapat dimantapkan melalui gedung ilmu iaitu perpustakaan, mengenali asal usul dan perkembangan Aliran Sunnah Perlis melalui sumber dari Gelari Sunnah.
- iii. Masyarakat diberikan peluang meningkatkan kemahiran dan ilmu asas teknologi komputer (ICT) dan penjana industri kecil dan sederhana (IKS) melalui program di Pusat Komuniti Sunnah Perlis.
- iv. Masyarakat memperolehi maklumat semasa dan sebaran maklumat berkaitan ilmu dan pengetahuan berkaitan aqidah dan tatacara pelaksanaan ibadah yang benar, melalui studio radio Sunnah Perlis.

iii. Radio Sunnah Perlis


Radio Sunnah Perlis merupakan bentuk pelaksanaan dari mekanisme baharu dan merupakan satu aspek komunikasi yang sangat penting dalam usaha memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam khususnya dan bukan Islam umumnya terhadap agenda aliran sunnah di negeri Perlis khususnya. Bentuk pelaksanaan ini berupaya menyalurkan maklumat dengan cepat dan tepat kepada semua sasaran dalam masyarakat di semua lapisan dengan cara yang lebih santai dan merentasi pelbagai lokasi. Menurut Gamle dan Gamble (2005) menyatakan pendapat terhadap mekanisme penyiaran maklumat dan komunikasi massa merupakan:

“Proses mentransmisi mesej yang diproses oleh pengampang (gatekeeper) sebelum disampaikan kepada khalayak yang ramai menerusi saluran yang luas mencakupi media cetak, audio atau visual (ms.556)”

Selain itu, inisiatif penyiaran ini sangat berperanan sebagai alat bantu kepada masyarakat untuk memahami setiap maklumat yang berkaitan ilmu dan hal-hal yang berkaitan agenda Aliran Sunnah Perlis. Medium penyiaran melalui radio sangat sederhana kerana mudah untuk diakses oleh semua lapisan masyarakat dengan kos yang sangat berpatutan. Realiti media merupakan pengantara antara sumber dan penerima sumber. Manakala media massa merupakan alat yang berfungsi bagi menyampaikan sesuatu maklumat kepada masyarakat. Oleh itu, wajar kepada institusi berautoriti untuk mengangkat mekanisme baharu ini, iaitu Radio Sunnah Perlis dan laman sesawang radio sebagai jaringan dan sebaran sumber utama Aliran Sunnah Perlis untuk menyampaikan manhaj ilmu kepada sasaran pendengar iaitu masyarakat Islam di Perlis khususnya dalam usaha maksimum pemantapan tahap

kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam melalui penambahbaikan dari sudut penyiaran Radio Sunnah Perlis fm sebagai lidah rasmi kepada aliran sunnah di Perlis khususnya.

Rajah 4.3. Saluran Ferkunsi Radio dan Laman Sesawang Radio



Saluran ferkunsi radio dan laman sesawang radio merupakan inisiatif yang dilihat lebih dominan dalam hebahan maklumat, berbanding dengan saluran atau medium media tradisional atau media lama seperti media cetak. Menurut Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah (2011) bentuk dan lanskap masyarakat telah berubah dan tidak lagi berada dalam kelompok atau secara berpuak-puak, malah era masyarakat pada hari ini yang dikaitkan dengan pengaruh media massa semakin hilang dan mulai digantikan dengan struktur masyarakat jaringan komunikasi bersemuka semakin digantikan dan ditambah dengan komunikasi bersemuka. Perubahan dan perkembangan dunia komunikasi telah berubah dari komunikasi massa kepada komunikasi secara jaringan.

Menurut Gustavo Cordoso (2011) komunikasi jaringan terbentuk oleh tiga ciri utama:

- i. Proses globalisasi komunikasi
- ii. Rangkaian media massa dan interpersonal, yang melahirkan mediasi jaringan
- iii. Tahap penggunaan interaktiviti

Bentuk pelaksanaan ini, lebih nyata dan ketara dalam memenuhi keperluan masyarakat bermaklumat yang menyaksikan jaringan merupakan elemen dan pilihan utamanya. Menurut Christakis & Flower (2009) menjelaskan bahawa komunikasi jaringan sama ada bersifat mudah mahupun kompleks, manakala jaringan social melibatkan dua aspek asas, iaitu:

- i. Hubungan atau *connection* yang melibatkan siapa berhubungan dengan siapa.
- ii. Penularan atau *contagion* yang berhubung dengan aliran yang merentasi ikatan yang terbina atau secara mudahnya struktur dan fungsi.

Perkembangan aplikasi web dan kemajuan teknologi, menyebabkan lahir juga persekitaran jaringan sosial dua dan tiga dimensi atau dunia maya berasaskan jaringan sesawang yang hampir menyamai dunia realiti.

Dalam proses penerusan kehidupan yang bersifat global setiap individu sentiasa memerlukan dan menyebarkan maklumat. Tanpa media penyiaran urusan manusia menjadi terbatas dan sukar dalam mengurus maklumat. Media penyiaran merupakan

alat atau saluran komunikasi yang sangat penting dalam meletakkan kedudukan nilai kefahaman dan amalan masyarakat. Manakala pengaruh dan kesan media penyiaran dalam membentuk tingkahlaku, corak kehidupan dan norma-norma kehidupan manusia (Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali, 2015). Kenyataan ini disokong bahawa kedudukan media massa dan penyiaran sangat diperlukan, menurut Vivian (2002) telah menjelaskan pendapat bahawa komunikasi massa ialah satu bentuk proses yang melibatkan kelompok komunikator (mass communicator) yang berperanan menyampaikan pelbagai mesej dan informasi kepada masyarakat umum menerusi perantaraan media massa dan penyiaran. Hal ini juga diperkukuhkan dengan pandangan menurut Dominick (2002), bahawa media massa dan penyiaran secara lazimnya melibatkan proses dan jaringan dari sumber menerusi penggunaan media yang disasarkan kepada masyarakat umum.

Media penyiaran mempunyai kemampuan capaian dan kecepatan jaringan komunikasi. Menurut Najmuddin & Samsuddin (2015), menjelaskan media dilihat sebagai satu alat bagi mendapat informasi dan pengetahuan dengan cepat, sehingga mereka mampu memahami informasi lebih banyak dan memahami informasi. Menurut Che Su Mustafa & Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014), berpendapat bahawa teknologi komunikasi massa terutamanya media baharu yang cepat berubah mengikut arus dan perkembangan kemodenan dan industri komunikasi massa yang sangat pantas capaiannya. Menjadi kewajaran bagi aliran sunnah agar memantapkan kefahaman melalui sebaran media penyiaran yang disifatkan tanpa batas terhadap kehendak masyarakat masa kini yang menuntut agar informasi berkaitan agenda aliran sunnah diperolehi dengan mudah dan pantas.

Medium atau jaringan media penyiaran boleh dibahagikan kepada beberapa jenis jaringan sebaran. Menurut Nielsen C (2001), telah membahagikan media kepada beberapa jenis mengikut dominasi penggunaan media penyiaran sebagai salur pilihan seperti radio, peralatan siar raya, muzik rakaman, filem dan televisyen amat berpengaruh dalam menyampaikan informasi secara elektronik. Namun tidak dinafikan juga peranan medium media cetak seperti surat khabar, buku, risalah atau komik. Semua saluran ini bertujuan mengedarkan maklumat. Sehubungan dengan perkembangan teknologi di tangan masyarakat yang sudah mencapai tahap teknologi tinggi seperti penggunaan telefon pintar atau *smart phone* yang membolehkan masyarakat meneroka ilmu melalui aplikasi yang semakin canggih dan pantas, seharusnya aliran sunnah merencanakan aplikasi yang mudah kepada masyarakat.

Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghadaffi Hanifah (2015), impak media baharu kepada teknik dan cara berfikir masyarakat telah berlaku perubahan disebabkan ledakan dan perkembangan teknologi komunikasi dalam media baharu. Sehubungan dengan impak ini berlaku kerana media baharu ini sangat mudah dikendalikan dan luas capaian maklumat. Manakala kedudukan dan peranan media penyiaran dalam memenuhi keperluan dan hajat massa merupakan antara komponen terpenting dalam komunikasi dalam bentuk proses komunikasi atau sistem komunikasi. Informasi sesuatu ilmu dan maklumat akan terhenti atau terbantut tanpa peranan sistem komunikasi penyiaran. Impak dari sistem komunikasi penyiaran akan dapat menyampaikan isi atau mesej aliran sunnah dalam membentuk tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat dengan tepat. Dari sudut ini, media penyiaran dapat diungkapkan sebagai apa sahaja bentuk alat atau mekanisme sama

ada konkrit mahupun abstrak yang dijadikan perantaraan dalam menyampaikan sesuatu mesej. Media massa juga berperanan sebagai medium penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat kerana ia dapat mempengaruhi dan memberi impak yang besar bagi membangunkan gagasan kemanusiaan. Melalui media baharu masyarakat dapat menerima maklumat dengan anjal dan mudah (Abdul Munir Ismail, 2016).

Nilai dan tahap kefahaman dan amalan masyarakat sangat rapat jika dikaitkan dengan kesan atau keupayaan teknologi komunikasi media baharu dalam arus kemodenan menentukan nilai, khususnya dalam memantapkan kefahaman dan amalan masyarakat secara tidak langsung (Ika Destiana, Ali Salman & Mohd Helmi Abd Rahim, 2013). Menurut Hasrul Hashim & Bahiyah Omar 2011, menjelaskan kedudukan sikap dan nilai masyarakat mula merasa terkeliru dengan paparan–paparan gaya hidup terkini melalui media baharu yang sering dipertontonkan di kaca televisyen dan layar perak. Sehubungan itu, media baharu ini juga dikenali “media baharu yang baharu” atau “*new new media*”, hal ini merujuk kepada kehadiran kuasa dan impak media yang lebih baharu dari media baharu sebagai satu bentuk dan skala yang berbeza daripada media baharu yang baharu seperti email dan laman web (Siti Ezalelila Mustafa & Azizah Hamzah, 2011). Manakala, sejarah perkembangan media penyiaran di Malaysia bermula pada tahun 1963, media ketika itu di bawah Kerajaan Persekutuan dan menubuhkan sebuah agensi penyiaran rasmi yang dikenali sebagai Radio Televisyen Malaysia (RTM). Teknologi media tradisional telah berhadapan dengan suatu ledakan teknologi media baharu, teknologi media baharu sangat pantas dan pesat sehingga media tradisional seperti televisyen dan radio mula

dipinggirkan dan kurang digemari akibat dari ledakan media baharu seperti *blog*(1997), *linke & skype*(2003), *facebook*(2004), *yuotube*(2005), *twitter*(2006) dan *whatsapp*(2009). Kecanggihan teknologi media baharu diledakkan mengikut keperluan generasi baharu dan media ini menjadi cabaran dan peluang (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghadaffi Hanifah. 2015). Realiti semasa dan sejarah, menyaksikan ledakan era teknologi media baharu telah mengizinkan dan menyaksikan kebangkitan rakyat antaranya isu revolusi rakyat Mesir melalui *facebook*. Sehubungan itu, menurut Ratih Maharani Eka Putri (2015), menjelaskan data pengguna laman *facebook* di Mesir yang aktif 80 juta pengguna internet, dari jumlah itu hanya 15-17% penduduk atau sekitar 5.2 juta pengguna aktif merupakan golongan pemuda. Hal ini menjelaskan bahawa ledakan media baharu bukan sekadar dalam mempengaruhi peluang ekonomi dan politik malah revolusi rakyat juga memberi impak yang sangat berkesan mudah dan tepat kepada sasaran pengguna.

Sejarah media massa cetak merupakan media terawal di Malaysia khususnya. Perkembangan media massa penyiaran yang berteknologi tinggi asasnya bermula dari media massa cetak seperti surat khabar telah berkembang dalam bentuk majalah dan seterusnya media massa penyiaran elektronik seperti radio dan televisyen dan kemuncak media massa baharu dan terkini iaitu media internet.

Peranan media baharu dalam usaha pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat khususnya sangat penting dan sudah menjadi trend masa kini. Menurut Van Djik (2006), telah menjelaskan bahawa bentuk medium komunikasi manusia sentiasa berubah dan berlaku perkembangan seiring dengan perkembangan

teknologi atau revolusi yang berbentuk struktur dan teknikal. Perkembangan kefahaman terhadap ilmu dan pola amalan masyarakat setiap era berubah mengikut perkembangan teknologi semasa daripada era purba kepada era literasi era percetakan dan era elektronik yang membentuk satu bentuk komunikasi yang spesifik secara lisan, tulisan, percetakan dan telekomunikasi yang sangat memberikan kesan yang sangat mempengaruhi dan dekat dengan masyarakat keseluruhannya (Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah, 2011). Namun bagi Brody (1990), menjelaskan bahawa era komunikasi manusia sudah memasuki fasa kelima yang mendedahkan komunikasi secara interaktif yang berasaskan jaringan maklumat atau internet.

Rasional dan tahap capaian trend jaringan sosial sebagai medium penyiaran maklumat menjadi kayu ukur nilai sambutan dan keperluan masyarakat terhadap jaringan maklumat semasa. Menurut laman sesawang internetworldstats.com menyatakan bahawa jumlah pengguna internet di dunia sebanyak 2,095 juta orang. Bentuk pelaksanaan ini digunakan untuk pelbagai tujuan seperti menjana pendapatan, pendidikan, dakwah, mendapatkan maklumat semasa dan mendapat sokongan dana bantuan daripada pelbagai peringkat komuniti melalui jaringan teknologi maklumat. Tidak dapat dinafikan bahawa, jaringan teknologi maklumat sentiasa berubah atau *update* dengan pelbagai bentuk perubahan dalam konteks komunikasi mengikut dan memenuhi kehendak masyarakat. Bagi pendapat Gustavo Cordoso (2011), komunikasi jaringan terbentuk oleh tiga ciri yang utama, pertama: proses globalisasi komunikasi; kedua: rangkaian media massa dan interpersonal yang melahirkan mediasi jaringan; ketiga: tahap penggunaan interaktif. Manakala capaian

dan trend jaringan sosial dalam talian di Malaysia menunjukkan peratusan yang tinggi. Sehubungan itu, menurut Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah (2011), terdapat tinjauan soal selidik yang telah dijalankan terhadap 369 pengguna jaringan sosial aktif di Malaysia. Disasarkan kepada gender responden iaitu lelaki 181 dan 188 responden perempuan. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden yang terdiri daripada pelajar (54%), yang berumur antara 18 sehingga 25 tahun (68%), belum berkahwin (82%), pelajar di university dan kolej (70%), kadar peratusan yang memilik lebih dari tiga akaun dan profil sebanyak (32.8%). Ini disokong analisis dapatan soal selidik menunjukkan bahawa laman Friendster yang diperkenalkan pada 2002 mencapai capaian pengguna melebihi satu perdua responden, facebook merupakan capaian kedua tertinggi (22.5%) dan MySpace (12.7%). Perubahan medium teknologi maklumat global telah menyaksikan facebook merupakan laman sosial yang disukai oleh responden (331 orang), iaitu mewakili (89.7%). Di Malaysia jumlah pengguna kini melebihi 11 juta orang (46.4%).

Pemantapan kefahaman dan amalan masyarakat dapat dimantapkan melalui pengaruh dan peranan mekanisme penyiaran dan saluran media yang terancang dan berkesan dalam mencapai objektif penyiaran. Menurut Najidah & Abu Darda (2012) menjelaskan bahawa peranan media dalam Islam sewajarnya menonjolkan prinsip yang bertepatan dan selari dengan acuan dan kehendak *deen* Islam yang sudah menjadi ketetapan yang muktamat. Sehubungan dengan ini, mekanisme penyiaran dan media baharu mestilah berperanan dan memberikan tumpuan dan fokus dalam memantapkan kefahaman dan amalan masyarakat, sehubungan dengan ini media baharu mesti menjadi jambatan informasi yang tepat dan berhikmah dalam

menjayakan objektif penyiaran dan sebaran maklumat yang benar tentang agama Islam (Ghazali 2008). Justeru itu etika dalam komunikasi media baharu sewajarnya menjaga prinsip dan teras agama Islam dengan berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah dalam mekanisme pemantapan kefahaman dan amalan massa melalui media baharu secara pengawasan dan kritikan sosial dengan cara verbal mahupun tidak verbal (Abdul Latif 2012).

Usaha pelaksanaan dakwah massa melalui media baharu khususnya dalam dialog antara agama dapat memberikan informasi yang tepat dan cepat kepada massa. Menurut Muhammad Faisal (2012), Abdul Aziz (2008) menegaskan bahawa pengaruh media baharu sebenarnya berkemampuan dan mampu merungkai dan menyelesaikan segala kekaburan, salah tanggapan, kelalaian dan kejahilan kefahaman dan amalan masyarakat terhadap agama Islam di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. Sehubungan dengan ini media baharu juga mempunyai kuasa dan kekuatan yang meninggalkan impak dan pengaruh terhadap sesuatu situasi (Mohd Shamsul et al. 2008). Impak media baharu sangat jelas dalam membentuk dan mencorakkan perubahan kognitif, efektif dan psikomotor manusia (Musa Abu Hasan 1996). Namun tidak dinafikan peranan media baharu dapat bertindak sebagai agen komunikasi kepada perubahan, pembinaan masyarakat melalui penerapan dan mencorakkan kefahaman dan amalan masyarakat (Aminuddin et al 2009).

Dalam membicarakan peranan media sebagai mekanisme dakwah yang bermanfaat tinggi kepada masyarakat dalam usaha memantapkan kefahaman dan amalan, menurut penjelasan Badlihisam (2012), menegaskan bahawa Islam dan dakwah

adalah satu kebangkitan yang seiring dan menuju destinasi yang sama. Manakala media dakwah berperanan sebagai saluran dakwah atau saluran sesuatu isi dan objektif dakwah untuk disampaikan kepada sasaran. Terdapat juga beberapa asas yang kukuh berkaitan peranan media dalam agenda dakwah. Antaranya asasnya menurut Najidah Zakaria & Abu Dardaa Mohamad (2013), media dalam Islam sangat membantu pendakwah dalam melaksanakan mekanisme pemantapan kefahaman dan amalan selari dengan sasaran dakwahnya. Sehubungan dengan ini jika etika dalam komunikasi media diperkasakan akan membuat sasaran pendakwah mencapai objektif dakwah melalui media (Izwah 2010).

b. Objektif:

- i. Menjadi lidah rasmi Aliran Sunnah Perlis dalam usaha dakwah dan tarbiyah kepada masyarakat Islam terutamanya di negeri Perlis dan umumnya di Malaysia.
- ii. Memantapkan tahap kefahaman berkaitan ilmu agama Islam melalui penerangan dan soal jawab berkaitan permasalahan sesama yang diajukan oleh masyarakat Islam tempatan khususnya.
- iii. Membina suasana atau *biah* yang soleh kepada pendengar –pendengar setiap masa iaitu hidup bersama Al-Quran dan Sunnah.

c. Kaedah Perlaksanaan

Kaedah pelaksanaan Segmen dan program Radio Sunnah Perlis, dirangka khusus sebagai media penyiaran yang diserasi dan dekat di hati masyarakat yang inginkan kepada maklumat semasa. Realitinya masih terdapat masyarakat yang suka

mendengar radio atau televisen untuk mendapat maklumat semasa, kerana medium penyiaran lebih mudah diakses di mana –mana lokasi. Menurut Mohd Yusof (2009), media ialah inisiatif yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu maklumat, manakala media massa merupakan mekanisme yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Kajian ini menyatakan kerangka segmen dan rancangan Radio Sunnah Perlis seperti berikut:

Jadual 4.1. Segmen Inisiatif Penyiaran Baharu Radio Sunnah Perlis

Segmen	Rancangan
Al- Quran Al- Karim	Ulum Al-Quran
	Ayat Hukum
	Fadhail Amal
Hadis Nabawi	Ulum Hadis
	Hadis Hukum
	Fadhail Amal
Sirah Nabawi:	Hayyatul Nabawi
	Hayyatul Sohabah
	Hayyatul Tabien
Permasalahan Fiqh	Asas Fiqh
	Soal jawab Permasalahan fiqh
<i>Tarbiyah Bait Muslim & Aluad</i>	Baiti Jannati
	<i>Faraied</i> dan Pengurusan Harta
	Tarbiyah Aulad
Segmen Tambahan	Buletin Semasa
	Bual Bicara
	Hiburan Islami
	Bicara Sukan
	Menu Halal & Taiyyiba
	Buletin Semasa

Rasional Radio Sunnah Perlis dijadikan sebagai inisiatif dalam mekanisme dakwah kepada masyarakat, berdasarkan *trend* pendengar radio di Malaysia telah direkodkan dengan kadar pendengar yang tertinggi di Asia Pasifik. Menurut Media Planning Guide Malaysia (2011) melaporkan bahawa rakyat Malaysia merupakan kelompok pendengar radio tertinggi di Asia Pasifik dengan purata 21 jam 342 minit seminggu berbanding negara Australia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina, kajian ini dilakukan ke atas 3 ribu individu sebagai responden kajian. Berdasarkan dapatan ini menunjukkan bahawa inisiatif radio dan laman sesawang radio masih rasional dan relevan sebagai mekanisme dakwah kepada masyarakat Islam di Perlis dan luar Perlis.

Pemilihan waktu dan Sasaran Operasi Radio Sunnah Perlis berdasarkan *trend* pendengar semasa di Malaysia. Terdapat dapatan *trend* semasa terdapat tiga waktu puncak, menurut Md Rozalafri Johari, Mohd Daly Daud, Rahmahtunnisah Salim, Nursyamimi Harun & Nurul Jamilah Ismail Rani (2014) menjelaskan bahawa trend pendengar radio pada skala puncak, iaitu antara jam:

- i. 6:00 pagi sehingga 10:00 pagi
- ii. 4:00 petang sehingga 8:00 malam
- iii. 8:00 malam sehingga 12:00 tengah malam

Aspek penentuan segmen dan program radio juga mengambil kira golongan pendengar yang juga menjadi sasaran mencapai objektif segmen dan program yang dikeudarkan, antara penilaian *trend* semasa membabitkan pengaruh status jantina,

status perkahwinan, peringkat umur, bangsa, tahap pendidikan dan kerjaya. Dalam kajian ini model stesen radio pilihan merujuk kepada stesen radio IKIM FM dan stesen radio ZAYYAN FM. Pilihan model stesen radio ini mengambil kira latar belakang stesen radio yang membawa imej dan program islami dan juga merujuk kepada tahap pencapaian dan kemajuan yang telah menjadi pilihan seluruh rakyat Malaysia.

Manfaat inisiatif penyiaran baharu iaitu Radio Sunnah Perlis antaranya:


- i. Masyarakat khususnya beragama Islam akan mendapat liputan maklumat terkini dari pemerintah negeri berkaitan Aliran Sunnah Perlis dengan lebih jelas dan tepat.
- ii. Manfaat dari sudut ilmu agama berkaitan kefahaman dan amalan dapat difahami melalui medium atau segmen intraksi bersama tokoh-tokoh, secara anjal dan mudah melalui atas talian rasmi Radio Sunnah Perlis.
- iii. Manfaat secara tidak langsung, apabila semua pendengar dihidangkan dengan segmen ilmu dan Al-Quran sepanjang 24 jam, akan terbentuk suasana baik atau *biah solehah* di kalangan masyarakat Islam khususnya dan menjadi medium dakwah kepada masyarakat bukan muslim.

4.2.2 Mekanisme Tarbiyah

Pendidikan merupakan usaha pelaksanaan utama dalam usaha memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam secara formal dan tidak formal.

Pendekatan yang dilaksanakan bersifat terancang dan menyeluruh sejajar dengan objektif mekanisme pendidikan baharu. Manakala bentuk pelaksanaan dibahagikan kepada tiga inisiatif, iaitu pertama penubuhan Sekolah Sunnah Perlis, yang ditubuhkan sebagai usaha pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan seawal mungkin melalui pemilihan isi matapelajaran yang selari dengan agenda Aliran Sunnah Perlis. Inisiatif kedua iaitu Sekolah Angkat Sunnah Perlis. Pemilihan sekolah angkat ini wajar mengambil kira latarbelakang sejarah sekolah, objektif penubuhan yang selari dengan pemikiran dan agenda atau minimumnya menyokong Aliran Sunnah Perlis. Inisiatif ketiga iaitu Modul Tarbiyah Keluarga, inisiatif ini lebih cenderung kepada menjawab persoalan bagaimana membina asas keluarga yang memahami Islam secara sempurna.

Rajah 4.4. Mekanisme Pendidikan Baharu



Pendidikan merupakan mekanisme pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan melalui inisiatif pendidikan yang bersifat menyeluruh dan bersepadu sepanjang hayat. Konsep pendidikan pada dasarnya memenuhi keperluan semasa. Menurut Mok Soon Sang (2012) konsep pendidikan mengikut pandangan umum, ialah aktiviti yang berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Oleh itu konsep yang lebih khusus, pendidikan dimaksudkan aktiviti sesi persekolahan yang mempunyai objektif, perancangan dan organisasi untuk mendidik murid-murid agar menepati objektif dan konsep pendidikan. Juga melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan menguasai kemahiran tertentu. Kejayaan dan keberhasilan dalam menjayakan objektif dan konsep pendidikan apabila kemenjadian dan keterampilan diri pelajar itu mampu dan berupaya mendepani cabaran masa hadapan.

a. Objektif:

Kajian ini meletakkan tiga objektif mekanisme pendidikan seperti berikut:

- i. Menjadikan mekanisme dan inisiatif pendidikan selari dengan Aliran Sunnah Perlis dalam usaha memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan.
- ii. Melahirkan para pelajar yang mempunyai keupayaan dan penguasaan ilmu terbaik berkaitan Aliran Sunnah Perlis melalui sekolah beraliran sunnah dan sekolah angkat aliran sunnah akan menjadi perintis ke peringkat tertinggi seperti KUIPs.
- iii. Kefahaman dan amalan anggota keluarga terhadap Aliran Sunnah Perlis dimantapkan dan diperkasakan melalui modul tarbiyah keluarga yang bersifat anjal dan mudah untuk dilaksanakan oleh ibubapa dan penjaga di dalam institusi keluarga.

b. Kaedah Perlaksanaan

a. Sekolah Aliran Sunnah Perlis

Sekolah Aliran Sunnah Perlis merupakan inisiatif kepada mekanisme pendidikan baharu, sekaligus menjadi asas dan tunjang kepada usaha pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan pelajar secara formal dan tidak formal seawall mungkin. Rasional inisiatif ini, pertama iaitu merupakan satu langkah untuk proses pengkaderan pelapis dan melahirkan tokoh Aliran Sunnah Perlis di masa depan.


Kedua Inisiatif pelaksanaan Sekolah Aliran Sunnah Perlis, Melalui observasi kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat di negeri Perlis, masih ramai yang berada dalam keadaan kekaburan berkaitan agenda Aliran Sunnah yang di amalkan di negeri Perlis. Realiti ini berlaku, kerana sebaran maklumat berkaitan kefahaman dan amalan di sampaikan khususnya melalui masjid dan medan ilmu yang kurang dan tiada sambutan di kalangan anak –anak muda. menurut observasi kajian antara tahun 2017 hingga 2018 di 45 masjid sekitar 15 DUN Perlis mewakili 3 Parlimen Perlis, menunjukkan bilangan kehadiran iaitu antara jumlah purata 30 hingga 40 orang *makmum* pada satu-satu masa pada waktu solat maghrib dan solat isya. Generasi muda iaitu 49 tahun ke bawah yang tidak melebihi jumlah sepuluh orang dan selebihnya jemaah yang berusia 50 tahun dan ke atas. Rasional inisiatif ini juga mampu untuk meminimakan dan membasmi kejahilahan atau buta agama di kalangan anak-anak seawal usia di peringkat sekolah rendah. Menurut Badlihisam Mohd Nasir (2010) menjelaskan bahawa pendidikan merupakan usaha pelaksanaan yang sangat penting dalam mengerakkan penyebaran Islam di Alam Melayu. Beliau menjelaskan usaha pelaksanaan pendidikan secara tradisional seperti pengajian di

masjid, surau dan pondok yang dikendalikan secara individu oleh individu dan ulama telah mengukuhkan tahap kefahaman Islam di kalangan masyarakat. Inisiatif ini juga memberikan penekanan dan keseimbangan di antara ilmu syara' dan ilmu akademik serta teknikal.

b. Sekolah Angkat Aliran Sunnah Perlis

Sekolah angkat Aliran Sunnah Perlis, merupakan inisiatif pelaksanaan baharu dan juga merupakan inisiatif jangka masa pendek dan segera. Pemilihan sekolah angkat dipilih melalui institusi pendidikan terutama sekolah agama rakyat atau SAR yang sedia ada. Terdapat beberapa rasional inisiatif pelaksanaan sekolah angkat bagi Aliran Sunnah Perlis, antaranya, penjimatan kos pembangunan yang sangat tinggi dalam melengkapkan terutama prasarana sekolah. Inisiatif ini dapat memanfaatkan tenaga mahir yang sedia ada, sekaligus menjimatkan suntikan dana yang besar bagi latihan keguruan sehingga menjadi tenaga guru mahir dan pakar dalam bidang tertentu. Secara umumnya inisiatif ini dapat dilaksanakan seawal peringkat sekolah rendah agama atau sekolah menengah agama dan seterusnya hingga ke IPT.

Rajah 4.5. Rasional Pemilihan dan Indikator Inisiatif Sekolah Angkat Aliran Sunnah Perlis



Dalam kajian ini, diusulkan beberapa cadangan bagi menjayakan program sekolah angkat, antaranya:

- i. Suntikan dana pendidikan yang munasabah bagi operasi sekolah angkat Aliran Sunnah Perlis. Tujuan menjaminkan proses pendidikan yang dihajati oleh kedua- dua pihak berjaya.
- ii. Menyediakan silibus tambahan yang bertepatan dan mendukung dengan manhaj aliran ini untuk dilaksanakan di peringkat sekolah angkat dengan mudah dan berkesan.
- iii. Menyediakan beberapa sesi wacana pendidikan dan latihan keguruan khusus berkaitan silibus sekolah angkat kepada guru-guru yang terlibat.

iii. Modul Tarbiyah Keluarga

Modul tarbiyah keluarga merupakan inisiatif baharu pemantapan tahap kefahaman dan amalan melalui program keluarga. Inisiatif ini merupakan modul tarbiyah baharu yang bersifat terancang dan bersepadu bagi memudahkan ibubapa dalam melaksanakan tarbiyah anak-anak secara tidak formal. Asas dan kerangka modul ini merujuk kepada penegasan firman Allah S.W.T di dalam al-Quran bahawa keluarga merupakan medan yang terawal bagi memantapkan tahap kefahaman dan kedudukan amalan secara individu dan ahli keluarga. Sehubungan itu Allah telah berfirman yang bermaksud:

“ Peliharalah diri kamu dan anak isterimu (di dalam rumah tangga) dari siksaan neraka”. [At-Tahriim: 6]

Modul ini disusun mengikut bahagian-bahagian asas yang sesuai, secara anjal dan mudah untuk dimanfaatkan oleh ibubapa dalam usaha memberikan kefahaman yang baik kepada anak-anak.

a. Objektif :

Inisiatif ini meletakkan tiga objektif seperti berikut:

- i. Memantapkan tahap kefahaman anak-anak berkaitan tauhid rububiyah, uluhiyah dan asma' wal sifat
- ii. Menjelaskan kedudukan amalan atau ibadah yang sahih melalui penerangan dan praktikal atau amali ibadah

iii. Meningkatkan adab dan akhlak peribadi terpuji iaitu menjadikan generasi Al-Quran sebagai contoh tauladan.

b. Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan modul ini dilaksanakan oleh ibubapa dan penjaga di kediaman masing-masing secara anjal dan mudah. Tempoh pelaksanaan modul ini, boleh dilaksanakan pada hujung minggu sebagai program santai bersama keluarga. Pembahagian dalam modul ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu, tafsir ayat-ayat pilihan, hadis-hadis pilihan, aqidah mukmin, sirah Rasulullah S.A.W, akhlak mukmin, kehidupan para sahabat Rasulullah s.a.w dan asas fiqh. Modul ini mempunyai pilihan tajuk yang ringan dan rujukan sumber-sumber yang mukhtabar, pembahagian modul seperti berikut:

Pembahagian Modul:

Tafsir Ayat –Ayat Pilihan

Jadual 4.2. Jadual Tafsir ayat-ayat pilihan

Bil	Tajuk	Ayat
1	Surah Al Mulk	Ayat 01 – 11 Ayat 12 - 18 Ayat 19 – 30

Sinopsis :

Semua ayat dari surah ini, diturunkan di fasa sebelum hijrah iaitu semasa di Makkah atau dikenali sebagai surah *Makkiyah*. Surah ini membicarakan tentang isu aqidah

dan keimanan kepada Allah SWT, wahyu dan hari kiamat. Hubungan surah ini, membentuk satu hubungan antara makhluk dengan pencipta dari sudut aqidah. Surah ini juga memberikan kesan yang mendalam tentang perasaan hamba terhadap kehadiran penciptanya di semua sudut kehidupan hamba, mengajar adab-adab yang wajar ketika berhadapan dengan penciptanya, memberikan nilai dan neraca yang digunakan oleh seorang hamba dalam menilai maksud peristiwa dan segala sesuatu yang berlaku. Melalui surah ini, paradigma baru yang luas dan menyeluruh, merentasi sempadan bumi yang sempit, menjangkau alam langit dan kehidupan di akhirat. Dalam surah ini, pencipta memerintahkan agar pacaindera hambanya melihat dan merenung segala apa yang terzhahir di hadapan mata setiap hambanya, realiti kehidupan dan diri mereka sendiri yang selalu dilalaikan dan dilupakan.

Objektif:

- i. Anak-anak mampu menerangkan tentang kekuasaan Allah SWT dalam setiap ayat yang dibaca.
- ii. Anak-anak dapat menggambarkan azab untuk syaitan dan pengikutnya yang dinyatakan dalam surah ini.

Rujukan Modul Tarbiyah Keluarga:

Rujukan bagi modul tafsir iaitu Judul Asli "*Al-Mishbaahul Muniir Fii Tahdzibii*" *Tafsiiri Ibnu Katsiir*. Kumpulan Penyusun Sheikh Shafiyyurrahman al-Mubarakfuri. Penerbit Daarul Salaam lin Nasyr wat Tauzi', Riyadh, Kerajaan Saudi Arabia. Cetakan April 2000 M / Muharram 1421 H. Kumpulan penterjemah Pustaka Ibnu Katsir. Manakala pilihan bagi rujukan kedua iaitu *Fi Zhilalil-Qur'an*. Penulis Sayyid

Qurthub, penerbit Darusy Syuruq, Beirut 1992 M/1412H, diterjemahkan oleh As'ad Yaasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil.

Hadis 40 Pilihan

Jadual 4.3. Modul Hadis Pilihan

Bil	Tajuk
1	Amalan Berdasarkan Niat Seseorang
2	Islam, Iman dan Ihsan, Rukun dan Tunggak Islam
3	Halal dan Haram

Sinopsis:

Hadis pertama ini, merupakan paksi penting kepada urusan setiap individu muslim. Kebanyakkan rujukan hukum-hakam dirujuk dan disandarkan kepada kandungan dan kefahaman hadis ini. Menurut Imam Abu Daud menjelaskan bahawa:

“sesungguhnya hadis ini iaitu hadis bahawasanya segala amalan itu adalah dengan niat adalah separuh daripada Islam, kerana ad-diin itu dua perkara, sama ada iainya perkara zahir iaitu amalan ataupun yang batin iaitu niat”

Sementara Imam Ahmad dan Imam Syafi'e menyatakan bahawa:

“Hadis ini mengandungi satu pertiga ilmu, sebabnya ialah kerana usaha seseorang itu adalah sama dengan hati, lidah atau anggota tubuh badanya. Oleh itu niat dengan hati adalah satu daripada tiga pembahagian tersebut”

Hadis kedua, menjelaskan berkaitan Islam, Iman dan Ihsan. Menurut Ibnu Daqiq al-‘Id menjelaskan bahawa:

“Hadis ini adalah hadis yang merangkumi semua amalan zahir dan batin. Ilmu-ilmu syariat semuanya merujuk dan bersumberkan daripada hadis ini. Ia seperti ibu kepada sunnah kerana ia mengandungi himpunan ilmu-ilmu sunnah, sepertimana surah al-Fatihah dinamakan Ummul Quran.

Hadis ketiga, merupakan hadis yang sangat tinggi kedudukannya dalam urusan kehidupan muslim. Kedudukan hadis ini merupakan salah satu daripada kaedah Islam dan penghimpunan hukum-hakam. Dalam hadis ini, terdapat pengenalan tentang Islam sebagai agama kepada sekalian ummat manusia di muka bumi ini. Hukum-hakam di dalam hadis ini terdapat nas-nas di dalam Al-Quran.

Objektif:

- i. Anak-anak mampu memahami kepentingan niat dan membezakan antara lafaz dan niat sebelum memulakan amalan atau ibadah harian.
- ii. Anak-anak dapat menyatakan rukun-rukun berkaitan Islam, Iman dan menjelaskan maksud Ihsan kepada Allah SWT.
- iii. Anak-anak dapat menerangkan kepentingan dan menyatakan pengajaran dari hadis –hadis pilihan.

Rujukan:

Terdapat satu rujukan modul hadis yang sederhana digunapakai iaitu Kitab Al-Wafi, Syarah Hadis 40. Karangan Imam Nawawi atau Abu Zakaria Mohiuddin Yahya ibn Sharaf al-Nawawi (1233-1278 M). Oleh Dr. Mustafa al- Bugha Muhyiddin Misto,

diterjemahkan oleh Ustaz Haji Mohd Asri bin Haji Hashim, Ustaz Syahrizzaman bin Bistamin, Ustaz Khairuddin bin Ghazali.

Aqidah

Jadual 4.4. Modul Aqidah Imaniyah

Bil	Tajuk
1	Beriman dengan Allah s.w.t
2	Beriman dengan Para Malaikat
3	Beriman dengan Al-Kitab
4	Beriman dengan Rasul
5	Beriman dengan Hari Pembalasan (Akhirat)
6	Beriman dengan Qadha' dan Qadar

Sinopsis:

Modul ini menjelaskan pengertian rukun iman serta menghuraikan enam rukun iman. Anak-anak dijelaskan berkaitan nama-nama Allah, para malaikat, kitab-kitab wahyu, para rasul Allah, hari kiamah dan qadha' dan qadar. Di akhir modul ini, anak-anak diharapkan dapat menjelaskan persoalan berkaitan rukun-rukun iman dengan yakin dan lancar.

Objektif:

- i. Anak-anak mampu menyebutkan definisi rukun-rukun iman.
- ii. Anak-anak dapat menjelaskan kepentingan iman dan hubungan dengan kehidupannya.
- iii. Anak-anak dapat menghubungkan rukun-rukun iman dengan penciptaan alam sekitar secara *tadabbur* atau meneliti ciptaan Allah SWT.

Rujukan:

Rujukan asas aqidah iaitu “Kitab Al- ‘Aqa’id al-Islamiyah” yang dikarang oleh Sheikh Syed Sabiq. Manakala rujukan kedua iaitu Kitab Al-Iman (Haqiqatul wa Arkanuh wa Nawaqidhuh) oleh Dr. Naim Yasin dan seterusnya rujukan ketiga iaitu kitab Al-Awwalan oleh Dr. Majdi al-Hilali.

Sirah Nabawi

Jadual 4.5. Modul Sirah Nabawi

Bil	Tajuk
1	Keturunan, Kelahiran, Zaman Kanak-kanak
2	Peristiwa Nubuwwah di Gua Hira’
3	Keluarga Rasulullah s.a.w

Sinopsis:

Mempelajari dan memahami perjalanan hidup atau *sirah* Rasulullah S.A.W. bukan sekadar latar belakang yang ringkas tetapi menjurus lebih mendalam berkaitan kehidupan Rasulullah S.A.W. antaranya:

- i. Latar belakang nasab keturunan, peristiwa kelahiran dan zaman kanak-kanak.
- ii. Peristiwa Nubuwwah Rasulullah S.A.W diangkat sebagai Rasul.
- iii. Fasa sebelum hijrah ke Madinah
- iv. Fasa selepas Hijrah dari Makkah

Objektif:

- i. Anak-anak dapat memahami latarbelakang nasab keturunan dan peristiwa penting sebelum nubuwwah.
- ii. Anak-anak memperolehi gambaran yang jelas tentang peristiwa nubuwwah di Gua Hira’.
- iii. Mampu menghayati dan menyatakan pengajaran penting sebelum berlakunya hijrah ke Madinah dan sepanjang peristiwa hijrah.

Rujukan:

Pilihan rujukan madul sirah iaitu kitab As-Sirah An-Nabawiyah li Ibnu Hisyam oleh Abu Muhammad Abdul Malik bin Hisyam, Panel penterjemah oleh Dr. Mohd Puzhi bin Usop (IIUM), Ustaz Muhammad Sabri bin Sahrir (IIUM). Rujukan ini telah dicetakan kali kedua pada tahun 2012. Seterusnya diterbitkan oleh Al-Hidayah Publication.

Pilihan kedua iaitu kitab sirah yang telah memenangi anugerah penulisan sirah di peringkat antarabangsa iaitu “Al-Raheeq Al-Makhtum” kitab sirah Rasulullah S.A.W telah dihasilkan secara akademik oleh Sheikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri. Manakala edisi terjemahan telah diterjemahkan oleh Ustaz Darus Senawi Ali, cetakan pertama pada tahun 2000.

Hayatus Sahabah Rasulullah s.a.w

Jadual 4.6. Modul Hayatus Sahabat Rasulullah SAW

Bil	Tajuk
1	Anas bin Malik al-Anshori
2	Salman al-Farisi
3	‘Abdullah bin Mas’ud

Sinopsis:

Modul ini membicara tentang latar belakang, akhlak dan pergorbanan ummah yang terbaik yang dirujuk dari realiti dan sirah atau perjalanan hidup yang nyata. Para Sahabat Rasulullah S.A.W merupakan suri tauladan yang terbaik. Dalam modul ini diterapkan nilai-nilai tinggi yang berpaksi kepada aqidah, akhlak dan kefahaman Islam yang sebenar. Tiga sahabat di atas dipilih dari 130 sahabat sebagai asas modul, lanjutannya dapat dirujuk kepada buku “65 Gambaran Kehidupan Sahabat Rasulullah S.A.W”. Dr. Abdul Rahman Ra’fat al- Basha, jilid 1 dan **iii**.

Objektif:

- i. Memahami keperibadian para sahabat Rasulullah S.A.W menerusi kehidupan dan sitausi yang dijalaninya.
- ii. Menjelaskan kepada anak-anak berkaitan gambaran akhlak dan keimanan tertinggi para sahabat dalam segenap sudut kehidupan atau urusan kehidupan yang mulia.
- iii. Anak-anak dapat menjelaskan penghayatan terhadap perjalanan para sahabat Rasulullah S.A.W. yang mulia secara bercerita dan menulis ringkasan riwayat hidup sahabat pilihan.

- iv. Menimbulkan rasa bahagia dan kagum apabila mendengar atau membaca perjalanan hidup para sahabat Rasulullah S.A. W.

Rujukan:

Modul bagi “Hayatus Sahabah Rasulullah S.A.W, dipilih dari dua sumber iaitu Buku “65 Gambaran Kehidupan Sahabat Rasulullah S.A.W” hasil penulisan oleh Dr. Abdul Rahman Ra’fat al- Basha, jilid 1 dan 2. Buku ini diterjemahkan oleh Ustaz Abdul Hakam bin Jaafar dan Ustaz Mohd Noor bin Daud. Buku diterbitkan oleh Pustaka Salam Sdn. Bhd dan telah mula dicetakan pada Ogos 2016.

Sumber kedua iaitu kitab “As-Sirah An-Nabawiyah li Ibnu Hisyam”. Kitab ini telah dihasilkan oleh Abu Muhammad Abdul Malik bin Hisyam. Manakala Panel penterjemah oleh Dr. Mohd Puzhi bin Usop (IIUM), Ustaz Muhammad Sabri bin Sahrir (IIUM). Kitab ini merupakan hasil penerbitan dan cetakan kedua 2012, diterbitkan oleh Al-Hidayah Publication.

Fiqhul Ibadah

Jadual 4.7. Modul Fiqul Ibadah

Bil	Tajuk
1	<i>Thoharah</i>
2	Solat

Sinopsis:

Modul ini, menjelaskan berkaitan tatacara bersuci dari sudut pandangan fiqh Islam. Modul ini juga menyatakan tentang peraturan atau syariat yang berkaitan dengan hal ehwal ibadah harian seperti konsep thaharah (bersuci):

- i. Pengertian dan pentingnya thaharah
- ii. Syarat-syarat wajib thaharah
- iii. Jenis-jenis alat untuk thaharah
- iv. Jenis-jenis air (mutlak, air yang suci tetapi tidak menyucikan, air yang najis) dan berkaitan thaharah

Objektif:

- i. Memahami definisi taharah dan jenis-jenis najis.
- ii. Menjelaskan kepada anak-anak berkaitan hukum bersuci dan jenis air untuk bersuci.
- iii. Anak-anak dapat menjelaskan penghayatan terhadap maksud bersuci dan hubungkaitnya dengan hukum sah dan batal ibadah.

Rujukan:

Pilihan dua kitab rujukan sebagai asas bagi modul fiqh iaitu Fiqhu Sunnah, jilid 1, kitab ini dikarang oleh Sheikh Syed Sabiq. Manakala edisi terjemahan oleh Mahyuddin Syaf. Rujukan kedua iaitu kitab “Fiqh Islam wa Adillatuhu” jilid 1 dihasilkan oleh Prof. Dr. Wahbah az-Zuhaili. Kitab ini telah diterjemahkan oleh Abdul Hayyie al-Kattani dkk. Manakala kitab ini diusahakan terbit oleh Gema Insan dan bagi cetakan pertama iaitu pada Ramadhan 1431 H / Ogos 2010 M.

Manfaat inisiatif pelaksanaan modul ini, secara bersungguh-sungguh akan memberikan manfaat yang baik khususnya kepada anak-anak dan umumnya kepada ibubapa dan penjaga, antara manfaat seperti berikut:

- i. Meningkatkan penguasaan ilmu anak-anak secara teori, praktikal secara mudah dan anjal.
- ii. Melahirkan sahsiah atau penampilan yang unggul seperti generasi para sahabat Rasulullah S.A.W.
- iii. Pemantauan tahap penguasaan ibadah di kalangan anak-anak, khususnya melalui praktikal fiqh ibadah seperti amali wuduk, solat.

4.3 Kesimpulan

Secara umumnya mekanisme dakwah dan tarbiyah melalui beberapa inisiatif baharu mampu memberikan manfaat yang besar terhadap usaha pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di negeri Perlis. Sewajarnya inisiatif ini, diberikan keutamaan sebagai jaminan kelangsungan dan perjuang aliran sunnah di negeri Perlis dalam jangka masa pendek dan panjang. Hakikat perubahan minda ke arah minda kelas pertama semestinya dimulakan dengan pendidikan awal yang bersifat terancang dan dinamik agar generasi memahami kehendak masa depan.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan hasil kajian dari proses yang telah dilakukan melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Perbincangan yang dilakukan adalah mengikut susun atur objektif kajian yang telah dirangka tetapkan diperingkat awal kajian. Perbincangan kajian dilaksanakan dengan menggabungkan hasil kajian melalui kaedah kajian iaitu analisis kandungan, temubual, observasi lapangan dan sorotan karya lepas. Seterusnya adalah merupakan cadangan kajian pada masa depan. Manakala di bahagian terakhir merupakan kesimpulan kajian secara keseluruhan.

5.2 Rumusan

5.2.1 Tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di Perlis terhadap Aliran Sunnah Perlis.

Berdasarkan kajian pada bab kedua telah menepati objektif kajian pertama, iaitu mengenal pasti tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam di Perlis terhadap Aliran Sunnah Perlis. Sekaligus meletakkan kedudukan Aliran Sunnah Perlis, menjadi teras dan asas kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis. Menurut analisis dapatan kajian mendapati bahawa peratusan tertinggi tahap kefahaman iaitu 70 % dari kalangan para imam masjid, serterusnya 63% daripada kalangan para pengurusan masjid dan sebaliknya peratusan terendah iaitu 58.6% daripada kalangan makmum masjid, secara umumnya semua peratusan itu berada

pada skala sederhana. Manakala peratusan tahap amalan dari ketiga-tiga kelompok responden berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa peratusan tertinggi iaitu 75% dari pengurusan masjid, seterusnya 73% dari para imam masjid dan peratusan terendah 67.8%. Namun secara keseluruhan semua responden berada di skala sederhana.

5.2.2 Usaha pelaksanaan sedia ada berkaitan pemantapan tahap kefahaman dan kedudukan amalan aliran sunnah di Negeri Perlis.

Sehubungan itu, dapatan kajian pada bab 3 menunjukkan bahawa objektif kedua telah menepati objektif kajian, apabila seluruh usaha pelaksanaan sedia ada telah mengerakkan bentuk pelaksanaan sedia ada di semua peringkat institusi berautoriti. Manakala objektif kedua iaitu, menelitan terhadap usaha sedia ada berkaitan usaha pelaksanaan pemantapan tahap kefahaman dan amalan masyarakat Islam di Perlis. Sehubungan itu, terdapat beberapa institusi berautoriti iaitu Istana Negeri Perlis, MAIPs, JMNP dan JAIPs menjadi tulang belakang kepada beberapa bentuk pelaksanaan sedia ada yang bersifat mesra, mudah dan anjal, antaranya “Amanat Tuanku Raja Perlis”, Studio ISNAD, SAPPs dan institusi pengajian tinggi agama iaitu KUIPs.

5.2.3 Mekanisme baharu yang perlu diambil bagi memantapkan aliran sunnah di negeri Perlis dari sudut aqidah dan ibadah.

Merujuk kepada capaian objektif terakhir iaitu objektif ketiga pada bab keempat menunjukkan capaian dan menepati objektif kajian. Pada dasarnya capaian objektif

kajian iaitu membentuk usaha pelaksanaan baharu melalui beberapa bentuk pelaksanaan utama yang perlu diambil bagi memantapkan aliran sunnah di Perlis. Usaha baharu dibahagikan kepada dua usaha utama iaitu usaha dakwah dan usaha tarbiyah. Manakala setiap usaha baharu disusuli dengan bentuk pelaksanaan yang mencakupi aspek kemenjadian manusia, sekaligus memantapkan tahap kefahaman dan amalan masyarakat Islam terhadap Aliran Sunnah Perlis.

5.3 Cadangan

Berdasarkan penemuan kajian yang dilakukan, beberapa perkara ingin dicadangkan bagi tujuan pelaksanaan mekanisme baharu dalam memantapkan Aliran Sunnah Perlis dari sudut tahap kefahaman dan amalan. Cadangan kajian ini membabitkan dasar dan polisi pelaksanaan mekanisme dan melalui inisiatif secara rasmi. Cadangan kedua berkaitan dasar kewangan bagi tujuan memastikan segala mekanisme yang dilaksanakan melalui inisiatif dapat menepati matlamat dan objektif kajian. Cadangan ketiga berkaitan pelaksanaan mekanisme melalui agensi yang berkaitan dan mempunyai autoriti.

5.3.1 Dasar dan polisi

i. Cadangan Inisiatif Dakwah

a. Pusat Komuniti Sunnah Perlis

Dalam melaksanakan pengoperasian pusat ini, satu bentuk polisi dari pihak berautoriti antaranya pihak MAIPs, JMNP, JAIPs dan Jabatan Kerajaan Negeri

Perlis. Gabungan agensi ini memudahkan pelaksanaan dan rujukan punca kuasa pentadbiran membabitkan inisiatif pelaksanaan baharu.

b. Radio Sunnah Perlis

Peruntukan dasar dan polisi penyiaran Radio Sunnah Perlis disarankan kepada MAIPs, JMNP's dan Jabatan Penyiaran agar dapatewartakan dasar dan polisi penyiaran secara rasmi bagi medium penyiaran supaya dapat memberikan manfaat yang lebih dekat dengan hati masyarakat Islam di negeri Perlis.

ii. Cadangan Inisiatif Tarbiyah

a. Pendidikan sekolah Aliran Sunnah Perlis dan Sekolah Angkat Aliran Sunnah Perlis.

Cadangan penubuhan institusi pendidikan iaitu Sekolah Aliran Sunnah Perlis dan Sekolah Angkat Sunnah Perlis memerlukan peruntukan dasar dan polisi pendidikan di peringkat negeri Perlis agar penubuhan itu selaras dengan mana-mana peruntukan undang-undang tertentu yang berkaitan pendidikan juga membabitkan penubuhan institusi pendidikan.

b. Modul Tarbiyah keluarga

Modul tarbiyah keluarga disarankan kepada MAIPs dalam usaha memastikan satu peruntukan bagi dasar dan polisi diwartakan secara rasmi, sekaligus meletakkan satu modul asas tarbiyah keluarga secara rasmi oleh pihak berautoriti bagi pelaksanaan yang terancang secara mudah dan anjal oleh setiap keluarga muslim.

5.3.2 Dasar kewangan

Setiap inisiatif yang dilaksanakan memerlukan kepada peruntukan dana yang munasabah bagi menjayakan semua objektif bagi setiap inisiatif yang dikemukakan. Secara umumnya seperti berikut:

- i. Dana peruntukan kewangan diperlukan daripada pihak MAIPs khususnya bagi memenuhi keperluan dan kos pembinaan sekolah dan sumber tenaga manusia bagi sekolah Aliran Sunnah Perlis dan Sekolah Angkat Aliran Sunnah Perlis.
- ii. Radio Sunnah Perlis merupakan inisiatif yang memerlukan suntikan dana kewangan yang sangat tinggi dalam menjayakan matlamat dan objektif penyiaran. Sehubungan dengan itu disarankan kepada MAIPs dan Kerajaan Negeri Perlis dalam memenuhi suntikan dana kewangan yang munasabah.
- iii. Pusat Komuniti Sunnah Perlis merupakan gabungan agensi dalam menjayakan objektif sedia ada. Manakala peruntukan kewangan mengikut bajet agensi masing-masing.
- iv. Modul Tarbiyah Keluarga tidak perlu kepada peruntukan kewangan yang besar.

5.3.3 Pelaksanaan

Setiap inisiatif yang dicadangkan mempunyai pihak dan agensi yang dikhususkan dalam pelaksanaan inisiatif secara tunggal dan gabungan antara agensi iaitu:

i. Inisiatif Dakwah

a. Pusat Komuniti Sunnah Perlis

Pusat Komuniti Sunnah Perlis dari sudut pelaksanaan mengabungkan beberapa agensi utama seperti JAIPs yang membabitkan pelaksanaan pendidikan melalui pengurusan masjid, perpustakaan, dan tuisyen. JMNP's memberikan tumpuan kepada urusan berkaitan khidmat masyarakat melalui unit fatwa dan unit zakat. Agensi yang memegang portfolio ekonomi seperti MAIPs melalui Baitul Maal MARA dan lain-lain agensi berkaitan.

b. Radio Sunnah Perlis

Pelaksanaan medium penyairan melalui Radio Sunnah Perlis secara gabungan agensi iaitu JMNP's dan Jabatan Penerangan Malaysia dalam memastikan dasar dan teknikal penyiaran dapat dilaksanakan dengan baik dan menepati matlamat penyiaran.

ii. Inisiatif Tarbiyah

a. Sekolah Aliran Sunnah, Sekolah Angkat Sunnah

Pelaksanaan inisiatif ini secara gabungan antara pihak atau agensi seperti MAIPs sebagai pengubal dan pemegang dasar pentadbiran Islam. JAIPs dan JPN merupakan pelaksana dan pengoperasian dasar persekolahan dan pendidikan.

b. Modul Tarbiyah Keluarga

Pelaksanaan modul ini secara tunggal melalui JAIPs di bawah bahagian pendidikan Islam dan bahagian dakwah negeri Perlis.

5.4 Penutup

Perbahasan tahap kefahaman dan amalan berkaitan Aliran Sunnah Perlis merupakan realiti yang berlaku dalam masyarakat Islam dan menjadi perbahasan di dalam dan luar negeri Perlis. Usaha menyelaraskan dan pelbagai bentuk pelaksanaan oleh pihak berautoriti seperti MAIPs, JAIPs dan JMNP's dari sudut kefahaman dan amalan sering menjadi perbahasan, dan hampir menimbulkan rasa tidak berpuas hati, khususnya bagi mereka yang masih tegar dengan kefahaman dan amalan berdasarkan aliran tradisional. Kajian terhadap tahap kefahaman dan kedudukan amalan masyarakat Islam Perlis telah menunjukkan peningkatan peratusan iaitu melebihi dari kajian lepas pada tahun 2005. Justeru, berdasarkan cadangan-cadangan yang diutarakan, diharapkan agar terdapat kajian akan datang dapat meneliti persoalan berkaitan tahap kefahaman dan amalan serta usaha baharu melalui bentuk pelaksanaan yang mampu realisasikan aliran sunnah di Perlis. Sekaligus meletakkan kedudukan amalan dan tahap kefahaman selaras dengan agenda dan strategi aliran sunnah di Perlis.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Harjin. (2008). I su-isu komunikasi. Ed.S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Ismail & Aini Ramlan. 123-166. Shah Alam: UiTM UPENA.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. (2003). Sumbangan Tok Kenali kepada gerakan tajdid Islam di Kelantan. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & al-Hadith*, 1, 1-26.
- Abdul Karim Ali, Mustaffa Abdullah, Mohammad Zaidi Abdul Rahman & Saadan Man (2004). Konflik (Ikhtilaf) di Kalangan Aliran-Aliran Islam di Malaysia: Faktor dan Punca. *Islam: Past, Present AND Future*, 715.
- Abdul Latif Abu Bakar. (2012). Peranan Media dalam Dakwah Islamiah Dalam Wacana Pemikiran Dan Peradaban Ummah ke-4, Seminar Dakwah Nasional 8-9 Oktober. 2012 di PWTC.
- Abdul Munir Ismail (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Akhlak Pelajar, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
- Abdul Rahman Abdullah. (1989). Gerakan Islah Di Perlis Sejarah dan Pemikiran, Penerbit PENA Sdn. Bhd. (1989, hlm 1-55).
- Ahmat Adam. (1976). Pertumbuhan Kesedaran Sosial Orang-Orang Melayu Di Melaka Pada Tahun-Tahun 1920an Dan 1930an. Seminar Sejarah Negeri Melaka.
- Ahmad Mujahid Abdullah, Siti Rugayah Hj. Tibek, Jawiah Dakir & Fariza Md Sham. (2014). International Journal of West Studies. Vol.6 No.1 (pp 13-24). Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, portal: pmr.penerangan.gov.my, Janauri 2013.
- Ahmad Puhad Alim & Siti Roddiah Abdullah (2010). Audit Pengurusan Masjid: Kajian di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1-7.
- Amaratunga, D. et al., "Qualitative and Qualitative Research in Built Environment: Application of "Mixed" Research Approach " Work Study 50, no. 1 (2002), 17-3.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakharuddin. 2012, Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam dan Bahasa Arab*, 4(2), 2012 57-70.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali. (2015). Pengaruh media dalam dialog kehidupan: Perspektif pengalaman saudara baru. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31(2): 47-60.
- Badlisham Mohd Nasir. 2010. Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Kajian. *Jurnal Pendidikan Islam dan pengajian bahasa arab* 2 (1).

- Badlihisham Mohd Nasir. 2012. Islam dan dakwah dalam zaman kebangitan awal Islam dan era penjajahan barat di Tanah Melayu. *Jurnal Islamiyyat*. 34:5-12.
- Bryman Alan. *Social Research Methods*. Ed ke-3 (Oxford: Oxford University Press, 2008). 32. 224225
- Burn, R. B. (1995). "Qualitative Research Methods". Melbourne: Longman
- Cadoso, G. 2011. From mass to networked communication Dlm. *Media Prespective for the 21st Centurey*, ed.S. Papathanassopoulos, 117-136. New York: Routledge.
- Che Su Mustafa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perpektif ibu bapa: satu analisis kualitatif. *Jurnal komunikasi*. 30(Special Issue):43-74
- Christakis, N. A. & J.H. Flower. 2009. Connected: The Surprising power of our social networks and how they shape our lives. New York: Little, Brown & Company.
- Creswell, J.W, "*Qualitative Inquiry and Reseach Desing: Choosing Among Approach*". Ed ke-3 (London: Sage Publication, 2013), 146.
- Dominick, J.R (2002). The dynamics of mass Communication: Media in the digital age. New York: Mc Graw-Hill.
- Fidlizan Muhammad dan Mohd Yahya Mohd Hussin (2009). Peranan Masjid Sebagai Institusi Sosio Ekonomi bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi. *Majalah Cahaya*, JAKIM.
- Ghazali Sulaiman. (2008). Media komunikasi Islam. Ed. S. Salahudin Suyurno Huzaimah Ismail & Aini Ramlan. 67-76. Shah Alam: UiTM UPENA.
- Hamidah Jalani. (2014). Majalah Al-Islah Sebagai Majalah Berbentuk Islah: Satu Sorotan. *Jurnal Al-Muqaddimah*, 1(1).
- Hasrul Hashim & Bahiyah Omar. (2011). Tranformasi penyiaran televisyen melalui internet: Kajian perhubungan kepuasan penggunaan remaja. *Jurnal Komunikasi*. 27(1):159-182
- Hsiung P.C, "*Characteristics of Good Interview*", laman sesawang *Lives and Legacies: A Guide to Qualitative Interviewing*, dicapai 2 Jun 2014
- Hsiung, P.C. "*what is Qualitative Analysis*" laman sesawang *Lives and Legacies: A Guide to Qualitative Interviewing*.
- Idris Awang, Kaedah penyelidikan: Sautu Sorotan. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001) 75.
- Ika Destiana, Ali Salman & Mohd Helmi Abd Rahim. (2013). Penerimaan Media Sosial: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Palembang. *Jurnal Komunikasi*. 29 (2). 125-140
- Inarah Ahmad Farid & Saadan Man. (2012). Keterbukaan bermazhab dalam Realiti di Malaysia: keperluan atau kecelaruan. *Jurnal Syariah*, Bil. 3 (2012, hlm 289-308)

- Izwah Saudi. 2010. Penerimaan remaja terhadap unsur-unsur dawah dalam drama di TV 1. Tesis sarjan, Jabatan Dawah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamil Ahmad & Norlia Goolamally. 2008, www.perpustakaan.oum.edu.my
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid & Hairunnizam Wahid (2010). Dana dan Harta masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik: *National Workshop on Capacity Building Towards Excellent in Econ. Reseach & Policy Formulation*, 23-24 April 2001, Fakulti Ekonomi UKM dan UUM, h. 1-13
- Jabatan Mufti Negeri Perlis, Perkampungan Sunnah Siri-5 2018, pada 11-13 Mei 2018, bertempat di Masjid Syed Alwi, Kangar, Perlis
- Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad. (2006). Asas-asas Reformasi Pemikiran dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, Bil 23-24(2006) 51-90.
- Kamarudin Salleh. (2012). Transformasi Pembaharuan dan Modenisme di Malaysia: Satu Penelitian Awal. *Internasional Journal of Islamic Thought*, Bil.2: (Disember 2012).
- Khairul Anwar Ahmad. (1996). Syarat-syarat kelayakan seorang imam masjid menurut Islam: Kajian kes ke atas imam di kawasan Batu Gajah, Perak. (Disertasi Sarjana Usuluddin Bahagian Pengajian Ususluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya). Hlm 51.
- Mack, et Al. 2009. Absolute poverty and global justice: empicial data, morak theories, initiatives. Farham, Englang: Ashgate.
- Mahyuddin Abu Bakar. (2004). Amalan taklid kepada mazhab syafie di Kedah: Satu tinjauan ringkas.
- Marshall & Rossman, *Designing Qualitative Research*, 79-80
- Md Azree Othman Mydin (2012). *Konsep dan kaedah penyelidikan*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan. Universiti Sains Malaysia.
- Md Rozalafri Johari, Mohd Daly Daud, Rahmahtunnisah Salim, Nursyamimi Harun & Nurul Jamilah Ismail Rani. 2014. Radio Negeri. Fm: Pemantapan Radio Sebagai Medium Pendidikan Islam Tidak Formal. Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Koleh Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, bil. 1, hlm 13-28.
- Miles, M.B. dan Huberman, *Qalitative Data Analysis (London: Sage Publibstion, 1994)*, 49-78.
- Mohammad Haji Yusof (1993), "Hubungan antara Kelompok", dalam Abdul Halim Othman (eds), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 54-55.
- Mohd Radhi Othman & O.K Rahmat. 1996. Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya Dengan Malaysia, Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Mohd Radhi Othman & O.K Rahmat. Gerakan pembaharuan Islam: Satu Kajian Di Negeri Perlis Dan Hubungan Kaitnya Dengan Malaysia 1996. Ibit, hlm 112, 123, 133
- Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Sulaiman, Ahmad Zahid Salleh, Sofyuddin Yusof, Abdillah Hisham Abdul Wahab & Mohd A'Tarahim Mohd Razali. (2015) Al-Asha;
- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi & Jasmin. (2008). Fungsi dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari. Johor Bahru. Penerbit UTM Press.
- Mohd Yusof Ahmad. 2002. Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Faisal Ashaari. (2002). Dakwah asas hubungan muslim dan non muslim dalam dakwah multi etnik. Ed Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Salasiah Hanin Hamjah, Abd. Ghafar Don & Othman Hj Taib. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Faiz Hakimi bin Mat Idris, Ishak bin Suliaman, Ahmad Zahid bin Salleh, Sofyuddin bin Yusof, Abdillah Hisham bin Abdul Wahab, Mohd A'Tarahim bin Mohd Razali bin Mat Idris (2015). Al-Asha 'irah: Faktor Perkembangan Dan Metodologi Argumentasinya. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 11, 121-132.
- Mohd Mohadis Hj. Yasin. (1997). Pengurusan dan pentadbiran Institusi Masjid: Kajian kes di negeri Melaka.(Disertasi Sarjana Usuluddin, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya). Hlm. 60-62.
- Mohd Shafiee Hamzah, Azli Fairuz Laki, Rahimah Embong & Nik Murshidah Nik Din. 2015. Penerapan Akidah dalam Dasar Pendidikan Malaysia: Analisis Terhadap Falsafah Pendidikan Negera dan Islam Hadhari. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, bil. 9 Januari 2015.
- Mohd Shamsul Daud, Marlia Idrus & Jasmin Ilyani Ahmad. (2008). Pilihan Raya Umum Malaysia ke -12: Media elektronik sebagai platform penyebaran maklumat. Prosiding seminar politik Malaysia. Ed Worran Hj Kabul Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. Shah Alam: UiTM, UPENA. 543-552.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghadaffi Hanifiah (2015). Impak media baharu terhadap system nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*, 31(2). 33-46
- Muhammad Hamid Al-Afendi & Nabi Ahmad Baloch. (1990). Terj: Ahmad Jaffri Hassan, Mohammad Nordin Zainuddin, Asiah Idris. Kurikulum dan Pendidikan Guru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad 'Abd Al-Hadi Al-Misri. (1998) Mercu-Mercu Kegemilangan Ahl Al-Sunnah wa al-Jamaah. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (1998, hlm 1-249).

- Mohammad Haji Yusof (1993), "Hubungan antara Kelompok", dalam Abdul Halim Othman (eds), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 54-55.
- Miles, M. B & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis*. Ed. Ke-2. Thousands Oaks: Sage Publications.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Abdullah, Paizah Ismail & Mohd Anuar Ramli: Konflik Fatwa Di Malaysia. Jurnal Fiqh, No.10(2013)
- Musa Abu Hassan. (1996). Penggunaan media komunikasi dalam aktiviti pemindahan pengetahuan. Serdang: Penerbit UPM.
- Nabil Haji Abdullah. (2014). Maahad II Iliya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959. Perpustakaan Negera Malaysia (2014), hlm 1-4.
- Najidah Zakariya dan Abu Dardaa Mohamad. (2013). Media sebagai wasilah dakwah. Jurnal Al-Hikmah v 5: 92-99.
- Najimudin Rasul, Samsudin A.Rahim & Ali Salman. (2015). Penggunaan Media, Norma Kewarganegaraan Dan Partisipasi Politik Dalam Era Transisi Ke Demokrasi Di Indonesia. Jurnal Komunikasi Malaysia vol 31, no1.
- Nielsen, C. (2001). *Touris and The Media*. Melbourne: Hospitality Press.
- Nik Daud Raja Hussein, Mohd Helmi Abd Rahim & Rosmawati Mohammad Rasit (2014), e-Bangi Journal Of Social Sciences And Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol.09, No.1(2014) 085-097.
- Nur Hafizoh Idris & Rohaya Hamzah 2013. Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). Jurnal Teknologi, 60, 31-37.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2006). Traditionalism and reformism polemic in Malay-Muslim religious literature. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 17(1), 93-104.
- Roslan Mohamed. (2003). Keberkesanan program masjid: Kajian Umum masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. dlm. Norrodzoh Hj. Siren & Yusmini Md.Yusof.eds. Membangunkan institusi masjid. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya. hlm. 51.
- Rosnani Hashim. 1996. Education Dualism in Malaysia: Implication For Theory and Practice. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Saadman Man & Abdul Karim Ali. (2005). Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan Aliran Syafi'iyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus. *Jurnal Fiqh*, 2.
- Saadman Man. (2007). *Kedudukan Mazhab Syafi'I Dalam Perkembangan Ahlus Sunnah Di Negeri Perlis*. Jurnal Fiqh: no.4 (2007, hlm 141-156).
- Saadman Man, Abdul Karim Ali, Luqman Abdullah, Rushdi Ramli & Inarah Ahmad Farid. (2009) Kesesuaian Pemikiran dan Amalan Mazhab Selain Syafie dalam Masyarakat Islam di Malaysia. Jurnal Fiqh, No.6 (2009, hlm. 21-40).

- Saadon Man. 2007. Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Perkembangan Ahlus Sunnah di Perlis. Jurnal Fiqh: no.4 (2007) 141-156.
- Sabitha Marican, Kaedah Penyelidikan Sains Sosial (Selangor Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2005) 135.
- Shukor Mat. (2001). As-Sunnah Di Perlis. Perpustakaan Negera Malaysia. Penerbit MediaONE Publication, ISBN 983-40699-0-1.
- Shukor Mat. 2000. As-Sunnah di Perlis. Kangar: Media One Publication, hlm. 7-8.
- Sheila Ainon Yussof. Prospects of A Sharicah Audit Framework for Islamic Financial Institutions In Malaysia, Islam and Civilisational Renewal 4, no.1 (Janauri 2013), 98-99.
- Sidi Gazalba. 1971. Masjid Pusat Pembinaan Ummat. Djarkata: Pustaka Antara, hlm. 22.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. Jurnal pengajian media Malaysia. Vol. 13. No.2, 2011. Hlm 93-110.
- Sultan, Talat. 1992. Curriculum Guide For Islamic Studies, Makkah: Umm al-Qura Universty.
- Syed Muhammad Dawilah Al-Idrus & Mohd Lutfi Solehan. 2009. Peranan ICT dalam penyebaran dakwah era globalisasi. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiyah di IPT dan Komuniti.
- Temubual bersama pengurusan masjid di zon P02, 5 November 2018.
- Temubual bersama Ustaz Wafiq Desa, Jabatan Mufti Perlis. 15 Oktober 2019.
- Temubual bersama Pensyarah KUIPs Ustaz Khalilullah Amin Ahmad. 2019.
- Temubual bersama Ustaz Ahmad Hafiz Ahmad, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Whwal Agama Islam Perlis (JAIPs). 2019.
- Temubual bersama Imam Mustaqim Azhar. (2018). Temubual pengurusan Imam di masjid Sallahuddin al-Ayubi Parlimen Padang Besar.
- Temubual bersama "Pak Su" pengurusan masjid Nurul Huda FELDA Chuping, P01, 9 November 2019.
- Temubual bersama Ustaz Mohd Sufian Muda Imam 1 Masjid Darul Ibadah, Behor Pulau, 20 November 2018
- 'Umar, Ahmad 'Umar. 2000. Falsafah al-Tarbiyah Fi al-Quran al-Karim Dimasyik: Dar al-Maktabi.
- Van Dijk, J. 2006. The Network Society: Social Aspect of New Media. 2nd ed. London: Sage.
- Yin, R. K. (2003). *Case study reseach: Desing and methods (3rded.)* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Yin, Case Study Research, 85.

Yin, *Case Study Research*, 101.

Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. Kajian tentang maklum balas masyarakat terhadap aktiviti masjid – masjid negeri di semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. Bil 20. 2004, hlm 201-222

Zakaria @ Mahmod Daud. (1997). Pemikiran Ahl Al-Sunnah wa al-Jamaah Perlis. *Jurnal Usuluddin*. ICSM 2009.um.edu.my.

Zakaria@ Mahmod Daud. (1997). Muhammad Ibn Abd Wahhab Dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah Di Perlis. Tesis Akademik Pengajian Islam, Kuala Lumpur. (1997, hlm1-26).

Zakaria@Mahmod Daud. (1997). Ahli Sunnah Perlis: Kelahiran Dan perkembangannya. *Jurnal Usuluddin*, Universiti Malaya. (1997, hlm 137-152).

Zakaria Stapa (2015). Keutuhan Ahlin Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) Di Malaysia dalam memertabatkan Agama Islam. Kertas Kerja Seminar Ahli Sunnah Wal Jamaah: Pengukuhan Akidah Menurut Manhaj Wasatiyah.

KITAB

Al-Quranul Karim

Kitab Sahih Bukhari

Kitab Sahih Muslim

Tafsir Ibnu Kathir. Al-Mishbaahul Munir Fi Tahdziibi Tafsir Ibni Katsiir. Di pengawasan Sheikh Shafiyyurrahman al-Mubarakfuri. Terjemahan, Edit dan Penerbit oleh Pustaka Ibnu Kathir edisi cetakan kelima November 2011 bersamaan Dzul Hijjah 1432.

Kitab Tafsir Fi Zilal Al-Quran. Pengarang Shikeh Syed Quttub. Terjemahan Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob. Penerbit Pustaka Darul Iman Sdn Bhd, cetakan pertama 2010 bersamaan 1431.

Kitab Fiqh Al-Sirah. Muhammad Ramadhan Al-Buti. Terjemahan oleh Ustaz Mohd Darus Sanawi. Penerbit Dewan Pustaka Fajar, cetakan terbaru Ogos 2000.

Fiqh Sunnah Syed Sabiq. Penerbit PT Al-Ma'arif, Bandung. Terjemahan oleh Mahyuddin Syaf, cetakan ke-6 1987.

Kitab Riyadus Solehin. Penerbit PT Al-Ma'arif, Bandung. Terjemahan oleh H. Salim Bahreisj, cetakan ke-2 1976.

BUKU

Kaunseling Rabbani. Norlida Md. Top ISBN 978-967-14664-1-4. Penerbit SMARTOP GLOBAL SERVIS, cetakan pertama 25 Februari 2017.

Rasulullah Pendidik Terulung; “40 Teknik Rasulullah Mengajar”. Al-‘Allamah Shikeh Al- Muhaddith Al- Faqih Abdul Fattah Abu Ghuddah Al-Halabi Al-Suri. Terjemahan oleh Dr. Hj. Shuhadak Mahmud, Penerbitan ISBN 983-2380-03-0 cetakan kelima. Janauri 2015.

Prophetic Parenting; “Cara Nabi S.A.W Mendidik Anak”. Judul Asli “*Manhaj at-Tarbiyah an-Nabawiyyah Lith Thifli*” Dr. Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid. Penerjemah Farid Abdul Aziz Qurusy. Penerbit Pro-U Media Jl. Jogokarian 41 Yogyakarta. Cetakan ke-7, Februari 2014.

Modul *Halaqah Tarbawiyah*. Penerbit dan penyusun: Biro Latihan HALUAN Malaysia. PPM-001-10-26091996



LAMPIRAN A

Kutipan

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS

.....
.....
Bahagian II

Agama Negeri

5. (i) Agama bagi negeri ialah agama Islam Ahlus-Sunnah wal-Jamaah seperti telah diamalkan di dalam negeri.
- (ii) Agama –agama lain boleh diamalkan oleh orang yang memeluknya di mana mana tempat pun di dalam negeriakan tetapi mereka hendaklah mengamalkan dengan aman.
6. (i) Ketua Agama bagi negeri ialah Raja dan Raja boleh memerintah supaya dibuat undang-undang untuk tujuan mengatur dan menubuh sebuah Majlis yang dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi membantu dan menasihati Baginda di dalam segala perkara yang berkaitan dengan agama negeri dan adat Istiadat Melayu.
- (ii) Dengan tidak menghiraukan adanya jemaah Pemangku Raja atau Pemangku Raja di dalam negeri dengan sebab Raja telah dilantik menjadi ataupun menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong maka Raja hendaklah terus menjalankan tugasnya sebagai Ketua Negeri.
- (iii) Sebagai Ketua Agama Negeri, Raja hendaklah menurut syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan, memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mewakilinya di dalam apa-apa perbuatan, adat istiadat atau upacara tentang agama Islam yang dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Raja-Raja kena diikuti di dalam Persekutuan semua sekali.
-
.....

Bahagian III

.....
.....

Raja

19. Melainkan seperti yang disyaratkan di dalam perkara 14 Raja itu hendaklah seorang daripada bangsa Melayu dan darah Raja keturunan Pemerintah negeri Perlis dan laki-laki dan beragama Islam Ahlus-Sunnah wal-Jamaah.

LAMPIRAN B

Kutipan

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH NEGERI PERLIS

PERKARA:

DEFINISI AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH

Tuan-tuan Puan-puan yang dihormati,

Pengertian Al-Sunnah ialah Sunnah Rasulullah s.a.w . Pengertian Jamaah ialah kumpulan sahabat dan tabiin (Ahli al-Salaf) yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Mazhab Fikah ialah aliran hukum syarak yang sah didasarkan di atas tafsiran tertentu terhadap nas syarak oleh ulama mujtahidin mengikuti kaedah istinbat yang muktabar. Majlis tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu. Di dalam mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari Kitab Allah atau Sunnah Rasulnya atau Jamaah sahabat Rasulullah s.a.w. maka majlis sedia menerima dan beramal dengannya. Adapun mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali pada pandangan rasmi majlis adalah terhitung di dalam mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli al-Sunnah wal-Jamaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandu kepada mazhab itu dan mengambil pendapat mereka yang ada alasan daripada Al-Quran, Al-Sunnah dan Jamaah sahabat Rasulullah s.a.w.

Pengertian ini berdasarkan kepada Al-Quran dan Al -Sunnah:

Daripada al-Quran: Q.9:100

Yang bermaksud: Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) antara orang muhajirin dengan ansar, dan orang yang mengikuti mereka dengan baik. Allah reda kepada mereka dan mereka pun reda kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka syurga yang mengalir sungai dibawahnya; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar.

Q.6:153

Yang bermaksud: Dan bahawa ini adalah jalanKU yang lurus maka ikutlah dia dan jangan kamu mengikuti jalan-jalan yang lain. Sebab jalan-jalan itu menceraiberaikan kamu dari jalan-NYA. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepada mu agar bertaqwa.

Daripada al-Hadis:

Yang bermaksud: Daripada Sariyah Radzillallahu Anhu berkata: Sabda Rasulullah s.a.w. Saya mewasiatkan kepada kamu supaya bertakwa kepada Allah dengar dan patuh walaupun kepada hamba Habshi. Siapa antara kamu yang masih hidup selepas saya ia akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kamu mengikuti SunnahKu dan Sunnah Khulafak Rashidin yang mendapat petunjuk yang betul berpegang dengannya dan kacitlah sepuas-puas dengan gerahammu dan beringatlah sesuatu yang baru diadakan. Bahawa setiap ciptaan baru adalah bidaah dan setiap bidaah adalah sesat. (Abu Daud dan al-Tirmizi)

Yang bermaksud: Daripada Ibni Masud Rodzillallahu Anhu Sabda Rasul s.a.w; sebaik-baik umat ialah zamanKu (zaman Nabi) lalu zaman mereka yang datang sesudahnya (zaman sahabat) lalu zaman mereka yang datang sesudahnya (zaman Tabiin) dan sesudah itu datanglah zaman berkembangnya kebohongan dan janganlah kamu percaya perkataan dan perbuatan mereka. (al-Tabarani).

Dasar-dasar Fatwa Ahli Sunnah wal-Jamaah

Dalam menimbang untuk mengeluarkan sesuatu fatwa, Jawatankuasa Syariah berpandukan fatwanya itu atas dasar yang di bawah ini mengikut keutamaan seperti berikut:

1. Quran Karim
2. Hadis Sahih
3. Ijmak Sahabat
4. Fatwa sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.
5. Hadis Mursal dan dhaif
6. Qiyas ketika darurat
7. Masoleh Mursalah
8. Saddu Zaraik
9. Istihsan dan Istishab
10. Uruf
11. Qawaid Fikhiyah

Sekian,

Yang menurut perintah

HAJI MAT JAHYA B. HUSSIN

Pengerusi Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

Awal Ramadhan 1408 (18 April 1988)

LAMPIRAN C
SET SOALAN TEMU BUAL BERSTRUKTUR

1. Pendahuluan

- i. Berapa jumlah jemaah semasa bagi solat fardhu dan jumaat ?
- ii. Kuliah Maghrib berapa purata jemaah yang hadir?

2. Soalan 1 (Objektif pertama)

Negeri Perlis sudah dikenali dengan negeri Sunnah:

- i. Apa yang anda tahu tentang Sunnah Perlis?
- ii. Apakah perbezaan antara Sunnah perlis dengan Ahlu Sunnah di luar Perlis?
Mohon jelaskan
- iii. Apakah tuan bersetuju dengan Sunnah Perlis?
- iv. Sila nyatakan pendirian tuan!!

3. Soalan 2 (Objektif Kedua- Tahap kefahaman)

- i. Apa yang tuan faham tentang aqidah 3 serangkai?
- ii. Bolehkah tuan jelaskan tentang sifat 20?
- iii. Apa itu ayat mutsyabihat dan apakah perlu ditakwil?

4. Soalan 3 (Objektif kedua- Kedudukan amalan)

Dalam ibadah solat fardhu bagaimana tuan laksanakan berkait amalan:

- a. Qunut subuh (Tidak laksanakan / kadang-kadang/ selalu)
- b. Bacaan Surah Sajadah (Tidak laksanakan / kadang-kadang/ selalu)
- c. Basmallah secara Jahar (Tidak laksanakan / kadang-kadang/ selalu)?
- d. Bacaan wirid dan doa secara berjamaah?(Tidak laksanakan / kadang-kadang/selalu)
- e. Amalan talkin masih diamalkan oleh penduduk qaryah ini ATAU Tazkirah kematian.
- f. Apakah masih terdapat amalan khurafat dan syirik yang diamalkan oleh ahli qaryah?



Penutup temu bual:

- i. Apakah anda berpuas hati dengan usaha pemerintah negeri dalam membasmikan unsur dan amalan khurafat dan syirik?
- ii. Apakah usaha pihak pengurusan masjid dan imam dalam memantapkan kefahaman (aqidah) dan ibadah mengikut Sunnah?
- iii. Adakah pihak tuam memahami kehendak pekeliling yang di dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri (JAIPs & JMNP's)?
- iv. Bagaimana pelaksanaan pekeliling pihak berkuasa (pengurusan / Imam)

LAMPIRAN D

Transkrip Temu Bual


Keterangan Responden: Tahap Tinggi

Kawasan : P01

Masjid :Salehuddin al-Ayyubi Padang Besar

1. Pengurusan Masjid

a. Kefahaman

- 
- i. Faham- Saya sangat bersetuju terhadap Aliran Sunnah Perlis yang mengamalkan apa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. para sahabat dan tabien. Aliran ini tidak amalkan apa yang tidak dalam sunnah maka dia tak akan buat.
 - ii. Faham- Saya berpegang kepada tauhid tiga serangkai dan bersetuju dengan pegangan asma wal sifat kerana ia lebih menyeluruh berbanding dengan dengan tauhid sifat 20.
 - iii. Tidak pasti- ayat mutasyabihat di Perlis tidak mentakwilkan tetapi kita perlu mentakwil dengan pentakwilan yang tidak melampaui batas.

b. Amalan:

- i. Faham- Qunut subuh tidak dilaksanakan.
- ii. Faham- Basmalah dibaca dengan *sirr*.
- iii. Faham- wirid dan doa tidak dibaca secara berjamaah
- iv. Faham- Talkin kematian tidak dilaksanakan.
- v. Faham- Tahlil kematian tidak dilaksanakan

2. Imam Masjid

a. Kefahaman:

- i. Faham- Saya sangat bersetuju terhadap aliran Sunnah di Perlis mengamalkan apa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w para sahabat dan tabiin. Aliran Sunnah Perlis apa yang tidak ada dalam sunnah s.aw.
- ii. Saya bersetuju dengan tauhid 3 serangkai iaitu Tauhid Rububiyah, Uluhiyah dan Asma wal Sifat dan tidak sebaliknya kerana Asma wal Sifat lebih menyeluruh berbanding dengan sifat 20.
- iii. Saya berpegang kepada zahir makna yang difirmankan oleh Allah tanpa takwil.

b. Amalan harian:

- i. Qunut – Tak pasti (masjid tak buat tapi surau masih buat)
- ii. Basmalah – Faham (Bacaan secara Sirr)
- iii. Wirid dan Doa secara berjamaah – Faham (tidak dilaksanakan)
- iv. Talkin kematian – Faham (tidak dilaksanakan)
- v. Tahlil kematian – Faham (tidak dilaksanakan)
- vi. Amalan kurafat dalam masyarakat – Faham (tidak diamalkan)

3. Makmum Masjid

a. Kefahaman:

- i. Tidak pasti – Saya tidak berapa pasti dan tak pandai nak cakap, Cuma saya yakin bahawa aliran ini ikut Nabi s.a.w. dan tidak boleh kita buat lebih dari apa yang baginda s.a.w. buat.
- ii. Tidak pasti – Tak berapa pandai nak bezakan antara tauhid asma wa sifat dengan tauhid sifat 20, pendirian saya ikut apa yang difahami dan pegangan negeri Perlis.
- iii. Tidak pasti – Saya tak pasti cuma saya bersetuju kepada pegangan negeri Perlis untuk mentakwilkan ayat mutasyabihat.

b. Amalan

- i. Qunut – Tak pasti (masjid tak buat tapi surau masih buat)
- ii. Basmalah – Faham (Bacaan secara Sirr)
- iii. Wirid dan Doa secara berjamaah – Faham (tidak dilaksanakan)
- iv. Talkin kematian – Tidak pasti (tidak dilaksanakan di masjid tapi dilaksanakan di rumah)

- v. Tahlil kematian – Faham (tidak dilaksanakan)

Keterangan Responden: Tahap Sederhana

Kawasan : N03

Masjid : Nurul Huda, Felda Chuping

1. Pengurusan Masjid

a. Kefahaman

- a. Faham- Aliran Sunnah Perlis itu satu aliran berpandu kepada Al-Quran dan Sunnah dan tidak berpandu kepada satu mazhab (Syafie) sahaja.

Saya sangat bersetuju dengan kefahaman dan amalan Aliran Sunnah Perlis.

- b. Faham- Pada saya sangat bersetuju kepada pegangan tauhid tiga serangkai dan pada saya tidak bersetuju kepada tauhid sifat 20.

- c. Faham- Ayat mutasyabihat di Perlis tidak mentakwilkan dan menyerahkan kepada makna zahirnya.

b. Amalan:

- i. Tidak pasti: Qunut subuh tidak dilaksanakan selepas arahan.
- ii. Tidak faham: Basmalah kadang-kadang disirirkan
- iii. Tidak faham: Wirid dan doa dilaksanakan secara berjamaah.
- iv. Faham: Talkin kematian tidak diamalkan.

- v. Tidak faham: Tahlil tidak diamalkan di masjid tetapi diamalkan di rumah
- vi. Faham- Amalan khurafat tiada diamalkan

2. Imam Masjid

a. Kefahaman:

- i. Tidak Pasti – Setakat yang saya tahu amalan Sunnah ini diminta oleh Tuanku Raja Perlis kepada rakyatnya beramal dengan Sunnah dan pada masa yang sama mereka iaitu Aliran Sunnah wal Jamaah Perlis ini tanpa mazhab kata depa la.... Itu yang saya tahu. Amalan di negeri-negeri luar Perlis tidak dinafikan mereka juga Ahlu Sunnah wal Jamaah dan mereka berpandu kepada mazhab tertentu.
- ii. Tidak Faham- Masyarakat di sini masih memerlukan pengajian tauhid Sifat 20 sebagai landasan kefahaman aqidah.
- iii. Tidak pasti – Tidak pasti dalam bab takwil, Cuma kita wajar rujuk apa tafsiran ulama tafsir dalam mentafsirkan ayat mutasyabihat.

b. Amalan harian

- i. Qunut – Tak pasti (tidak dilaksanakan selepas arahan)
- ii. Basmalah – Tak pasti (Bacaan Sirr dilaksanakan selepas arahan)
- iii. Wirid dan Doa secara berjamaah – Tidak pasti (tidak dilaksanakan selepas arahan)

- iv. Talkin kematian – Tidak pasti (dilaksanakan atas hajat anak waris)
- v. Tahlil kematian – Tidak pasti (tidak dilaksanakan di masjid tapi dilaksanakan di rumah)
- vi. Amalan khurafat dalam masyarakat – Faham (tidak diamalkan)

3. Makmum Masjid

a. Kefahaman:

- i. Faham- Saya setuju dan akur kepada kehendak pemerintah Raja Perlis sebab kita pegawai di bawah JAIPs, dan pada saya aliran ini tiada beza dengan aliran luar perlis, hanya sedikit sahaja perbeaan dari sudut amalan seperti bacaan basmalah dan wirid
- ii. Faham- Tauhid rububiyah dan uluhiyah tidak ada perbezaan di perlis dan luar. Saya belajar sifat 20 saya bersetuju dengan apa yang menjadi pegangan di Perlis.
- iii. Faham- Saya tidak perlu takwil ayat mutasyabihat.

b. Amalan:

- i. Qunut – Tak pasti (tidak dilaksanakan selepas arahan)
- ii. Basmalah – Tak pasti (Bacaan Sirr dilaksanakan selepas arahan)
- iii. Wirid dan Doa secara berjamaah – Tidak pasti (tidak dilaksanakan selepas arahan)

- iv. Talkin kematian – Tidak pasti (dilaksanakan atas hajat anak waris)
- v. Tahlil kematian – Tidak pasti (tidak dilaksanakan di masjid tapi dilaksanakan di rumah)
- vi. Amalan khurafat dalam masyarakat – Faham (tidak diamalkan)

Keterangan Responden: Tahap Rendah

Kawasan : N02

Masjid : Al-Ehsan Kg. Darat Beseri

1. Pengurusan Masjid

a. Kefahaman

- i. Tidak pasti- Bagi saya Aliran Sunnah Perlis tidak banyak perbezaan. Cuma perbezaan dari segi Perlis nak selaraskan saja. Contohnya bab basmalah dan wirid. Penderian saya mengikut apa yang telah diarahkan dan beramal dengan sifat terbuka.
- ii. Tidak faham- Pandangan saya, zahirnya seolah-olah ia menolak tauhid sifat 20 tu..... dalam pengajian kita tauhid sifat 20 itu tidak bercanggah.
- iii. Tidak faham- Ayat mutasyabihat di Perlis tidak mentakwilkan tetapi kita takwilkan dengan takwilan yang tidak melampaui batas.

b. Amalan:

- i. Tidak faham- Qunut subuh selalu dilaksanakan
- ii. Tidak faham- Basmalah kadang-kadang disiratkan
- iii. Tidak faham- Wirid dan doa secara berjamaah
- iv. Faham- tazkirah kematian diamalkan
- v. Tidak faham- Tahlil tidak diamalkan di masjid tapi diamalkan di rumah
- vi. Faham- Amalan khurafat tidak diamalkan

2. Imam Masjid

a. Kefahaman:

- i. Tidak Faham – Aliran Sunnah di Perlis pada saya secara ringkasnya berkaitan pada hal sembahyang semata-mata dalam hal-hal lain tak nampak sangat, aliran ini hanya membincangkan hal-hal berkaitan khilafiyah sahaja, nak kata amalan mereka macam amalan Saudi pun tak juga. Pada pendirian saya bukan tak setuju tapi jelas.
- ii. Tidak Faham – Tauhid tiga serangkai itu tidak bertentangan dengan Sifat 20, pada saya kalau kita merujuk kepada kitab-kitab Asyairah dan Mathurudiyah mereka tidak menghadkan pendidikan dalam menjelaskan tauhid sifat 20.
- iii. Tidak Faham – Ayat mutasyabihat pada saya tidak bersetuju jika tak ditakwilkan.

Amalan harian

- i. Qunut – Tak faham (selalu dilaksanakan)
- ii. Basmalah – Tak faham (Bacaan kadang-kadang Sirr)
- iii. Wirid dan Doa secara berjamaah – Tidak faham (dilaksanakan)
- iv. Talkin kematian – Faham (tidak dilaksanakan)
- v. Tahlil kematian – Tidak faham (tidak dilaksanakan di masjid tapi dilaksanakan di rumah)
- vi. Amalan kurafat dalam masyarakat – Faham (tidak diamalkan)

3. Makmum Masjid

a. Kefahaman:

- i. Apa yang saya faham tentang Sunnah di Perlis, sebenarnya saya pun tak berapa faham. Aliran ini mirip kepada Wahabi atau mirip kepada setengah mazhab dan tidak bersandar kepada mazhab Syafie. Fahaman di perlis banyak menimbulkan kekacuan terhadap amalan anak qaryah.
- ii. Tidak faham- Saya tidak faham ikutan tauhid asma wa sifat yang diamalkan oleh Perlis. Bagi saya sangat setuju kepada aqidah tauhid sifat 20.
- iii. Tidak faham- ayat mutasyabihat mesti ditakwilkan.

b. Amalan:

- i. Qunut – Tak faham (selalu dilaksanakan)
- ii. Basmalah – Tak faham (Bacaan kadang-kadang Sirr)

- iii. Wirid dan Doa secara berjamaah – Tidak faham (dilaksanakan)
- iv. Talkin kematian – Faham (tidak dilaksanakan)
- v. Tahlil kematian – Tidak faham (tidak dilaksanakan di masjid tapi dilaksanakan di rumah)
- vi. Amalan kurafat dalam masyarakat – Faham (tidak diamalkan)

